



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI

WAKAF MUAQQAT

DAN PROSPEK PELAKSANAANNYA
DI MALAYSIA

Disunting oleh:

Muhamad Firdaus Ab Rahman
Hussein `Azeemi Abdullah Thaidi

JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR)
JABATAN PERDANA MENTERI
www.jawhar.gov.my

ISBN 978-967-25893-6-5
Cetakan Pertama 2026

© Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Jabatan Perdana Menteri, Aras 8 – 9, Blok D, Kompleks Islam Putrajaya (KIP), Jalan Tun Abdul Razak, Presint 3, 62100 Putrajaya.

Diterbitkan oleh:

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)

Jabatan Perdana Menteri,
Aras 8 – 9, Blok D,
Kompleks Islam Putrajaya (KIP),
Jalan Tun Abdul Razak,
Presint 3, 62100 Putrajaya.
Tel: 603-8883 7400 Faks: 603-8883 7406

Dicetak oleh:

Aras Mega (M) Sdn. Bhd. (198701005571)
No. 18 & 20, Jalan Damai 2,
Taman Desa Damai, Sg. Merab,
43000 Kajang, Selangor.
Tel: 03-89258975
E-mel: amsb@arasmega.com
Laman Web: www.arasmega.com



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia
ISBN 978-967-25893-6-5

Sidang Editor:

Ketua Editor:
Hairolanuar Mohamad

Timbalan Editor:
Azura Azreen Yusof

Editor:
Hanif Jamaludin
Nor Asmahan Abdul Kadir
Muhammad Syamim Hasri

Penyunting:
Muhamad Firdaus
Ab Rahman

Hussein 'Azeemi
Abdullah Thaidi

Sekapur Sirih

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT atas segala rahmat dan kurnia-Nya, maka terhasilnya penulisan “Wakaf *Muaqqat* dan Prospek Pelaksanaannya di Malaysia” sebagai salah satu khazanah ilmu yang amat dinantikan.

Wakaf sebagai tunjang utama dalam pembangunan ummah sejak zaman awal Islam perlu sentiasa berinovasi agar relevan dengan tuntutan semasa. Tidak dinafikan konsep tradisional wakaf *muabbad* (kekal) telah menyumbang kepada kelestarian institusi-institusi agama Islam yang kukuh. Namun, kita harus terbuka dalam meneroka potensi baharu dalam wakaf termasuk wakaf *muaqqat* (bertempoh) yang menawarkan fleksibiliti yang lebih tinggi untuk menarik pelbagai segmen masyarakat dan mengoptimumkan aset wakaf untuk jangka masa tertentu.

Penerbitan buku ini adalah tepat pada masanya. Bukan sekadar membahaskan pandangan fiqh dan perundangan mengenai wakaf *muaqqat*, tetapi buku ini telah menyediakan asas yang jelas untuk melaksanakan konsep ini di Malaysia. Wakaf *muaqqat* berpotensi menjadi pemangkin baharu kepada pembangunan sosioekonomi, terutamanya dalam memberi



peluang kepada masyarakat membiayai projek-projek yang bersifat jangka masa pendek atau sederhana, seperti pembiayaan peralatan teknologi, biasiswa bersiri atau perumahan transit bagi golongan asnaf.

Melalui pendekatan wakaf *muaqqat*, kita dapat memobilisasi aset yang sebelum ini mungkin terbeku atau keberatan untuk diwakafkan secara kekal, terutamanya daripada sektor korporat dan individu berpendapatan tinggi. Instrumen ini akan membuka pintu kepada penyertaan yang lebih luas, selaras dengan prinsip masalah dan semangat Malaysia MADANI yang menekankan nilai ihsan dan kesejahteraan. Justeru itu, menjadi harapan saya agar karya ini menjadi sumber rujukan kepada semua pihak berkepentingan seperti penggubal dasar, ahli akademik, nazir dan *mutawalli* wakaf serta pengamal industri dalam pelaksanaan wakaf *muaqqat*.

Akhir kata, saya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Yayasan Waqaf Malaysia (YWM), Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), para penulis dan semua pakar syariah serta teknikal yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan penerbitan buku ini. Semoga segala usaha dan amal jariah ini mendapat ganjaran yang berlipat ganda dari Allah SWT dan semoga industri wakaf negara terus maju dan lestari.

YB Senator Dr. Zulkifli bin Hasan
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)
Putrajaya, 2026

Seulas Pinang

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Alhamdulillah, bersyukur kepada Allah SWT, dengan izin-Nya JAWHAR berjaya menerbitkan buku “Wakaf *Muaqqat* dan Prospek Pelaksanaannya di Malaysia”.

Buku ini merupakan kesinambungan kepada 12 terbitan JAWHAR terdahulu berkaitan wakaf. Ia merupakan petunjuk kematangan dan kesediaan JAWHAR mengambil langkah ke hadapan dalam memperkasa tatakelola harta wakaf. Sebagai agensi penyelaras Persekutuan, JAWHAR sentiasa berusaha memastikan instrumen wakaf di negara ini selari dengan syariah, bahkan berdaya saing dan berimpak tinggi dalam ekosistem kewangan sosial Islam.

Bermula pada awal tahun 2024, beberapa siri bengkel telah diadakan bersama-sama dengan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), agensi kerajaan, sektor korporat, institusi perbankan dan para penyelidik bagi membolehkan JAWHAR mengkaji hukum, kebolehlaksanaan serta potensi wakaf *muaqqat* di Malaysia. Antara perkara yang dibincangkan termasuklah perundangan wakaf di dalam dan luar negara, aspek perakaunan serta cadangan model produk bercirikan wakaf *muaqqat*. Kertas



kerja yang disediakan dan perbincangan yang diadakan dari semasa ke semasa telah membawa kepada pembentangan kertas hukum kepada Panel Pakar Syariah JAKIM dan Jawatankuasa Muzakarah MKI. Hasilnya, satu keputusan hukum di peringkat Jawatankuasa Muzakarah MKI telah diperoleh pada penghujung tahun 2025. Sehubungan itu, kertas kerja dan kajian tersebut telah diolah semula dalam bentuk artikel bagi membantu pelbagai pihak, termasuk pengurusan wakaf, ahli akademik, para pelajar dan umat Islam, untuk mendalami susur galur kajian ini.

JAWHAR juga percaya dengan penerbitan buku ini dapat membantu sektor kerajaan mahu pun korporat untuk meneroka produk wakaf yang inovatif dan memberi manfaat kepada rakyat Malaysia secara keseluruhannya seiring dengan aspirasi Malaysia MADANI. Wakaf *muaqqat* membuka ruang mengoptimumkan aset bagi pembangunan fardu kifayah dalam sektor-sektor strategik seperti pendidikan, kesihatan dan keusahawanan selaras dengan matlamat pembangunan mampan (SDG).

Akhir sekali, bagi pihak JAWHAR, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua ahli akademik, pakar undang-undang, pegawai MAIN serta individu yang telah menyumbangkan tenaga dan buah fikiran bagi merealisasikan penerbitan ini. Semoga Allah SWT memberkati segala usaha yang telah dicurahkan. Marilah kita bersama-sama melonjakkan wakaf sebagai instrumen yang berkesan, telus dan strategik demi kesejahteraan umat dan kemajuan negara.

YBhg. Dato' Mohd Zaidi bin Ramli
Ketua Pengarah
Jabatan Wakaf Zakat dan Haji
Putrajaya, 2026

Senarai Akronim

AAOIFI	Pertubuhan Perakaunan dan Pengauditan bagi Institusi Kewangan Islam/ <i>Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions</i>
ACP 1967	Akta Cukai Pendapatan 1967
BHEUU	Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang
BNM	Bank Negara Malaysia
BT Wakaf	Badan/Tabung Wakaf
BWI	Badan Wakaf Indonesia
CLBG	<i>Companies Limited by Guarantee</i>
CSR	Tanggungjawab Sosial Korporat
GLC	<i>Government-Linked Companies</i>
IIFA	<i>International Islamic Fiqh Academy</i>
IKIM	Institut Kefahaman Islam Malaysia
IOT	Institusi, Organisasi atau Tabung
IRTI-IsDB	<i>International Research of Training Institute-Islamic Development Bank</i>
JANM	Jabatan Akauntan Negara Malaysia
JAWHAR	Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji
KPHDN	Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
LHDNM	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
MAIM	Majlis Agama Islam Melaka
MAIN	Majlis Agama Islam Negeri

MKI	Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia
MoU	Memorandum Persefahaman
MUIP	Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang
MUIS	Majlis Ugama Islam Sabah
NGO	Badan Bukan Kerajaan
NMW	Nilai masa wang
PPIBZW	Piawaian Perakaunan Islam bagi Baitulmal, Zakat dan Wakaf
PWS	Perbadanan Wakaf Selangor
RAP	<i>Rule Against Perpetuities</i>
ROS	Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia
SDG	Matlamat Pembangunan Mampan
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
TBS	Tabung Baitulmal Sarawak
TVET	Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional
UAE	Emiriah Arab Bersatu
WCP	<i>Waqf Core Principles</i>
YBM	Yayasan Belia Malaysia
YWM	Yayasan Waqaf Malaysia

Kandungan

Sekapur Sirih	iii
Seulas Pinang	v
Senarai Akronim	vii
Kandungan	ix
Pengenalan	1
Konsep dan Perbahasan Fuqaha bagi Wakaf <i>Muaqqat</i>	25
Perundangan dan Fatwa Berkaitan Wakaf <i>Muaqqat</i> di Negara Islam	47
Potensi dan Cabaran Pelaksanaan Konsep Wakaf <i>Muaqqat</i> di Malaysia	77
Perundangan Wakaf <i>Muaqqat</i> di Malaysia	99
Pelaksanaan dan Pengurusan Risiko Wakaf <i>Muaqqat</i> : Perspektif Ekonomi	127
Perakaunan Wakaf <i>Muaqqat</i> : Antara Amal, Amanah dan Akauntabiliti	155
Layanan Percukaian bagi Wakaf dan Entiti Wakaf	177
Cadangan Parameter dan Model Pelaksanaan Wakaf <i>Muaqqat</i>	207
Keputusan Hukum	230
Glosari	231
Penghargaan	235



PENGENALAN

Nor Asmahan Abdul Kadir, Hanif Jamaludin & Azura Azreen Yusof

PENDAHULUAN

Perbuatan kebajikan dalam Islam terbahagi kepada dua, iaitu kebajikan yang wajib ditunaikan seperti zakat, fidyah dan nazar, manakala kebajikan berbentuk sukarela pula dinamakan sedekah, infak atau wakaf. Wakaf dilihat secara tradisional menjurus kepada membangunkan 3M, iaitu masjid, makam dan madrasah. Sejarar dengan itu, ia memberi kesan jangka panjang yang dilihat sangat berpotensi sebagai penyumbang dan penggerak utama pembangunan infrastruktur kewangan, pendidikan dan kesihatan.

Firman Allah SWT dalam *Surah al-Baqarah* ayat 219:

...وَيَسْأَلُونَكَ مَاذَا يُنْفِقُونَ قُلِ الْعَفْوَكَ ذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ
الآيَاتِ لَعَلَّكُمْ تَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١٩﴾

Maksud: ... *Dan mereka bertanya pula kepadamu: Apakah yang mereka akan belanjakan (dermakan)? Katakanlah: “Dermakanlah - apa-apa yang berlebih daripada keperluan (kamu). Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayatnya (keterangan-keterangan hukumnya) supaya kamu berfikir”.*

(Surah al-Baqarah 2: 219)

Ayat ini menggariskan prinsip bahawa amalan infak tidak seharusnya membebankan diri sendiri atau keluarga. Seseorang itu wajib terlebih dahulu menjaga kebajikan diri

dan keluarga, kemudian barulah menyalurkan harta yang selebihnya ke jalan Allah SWT. Hal ini menunjukkan Islam menggalakkan keseimbangan antara tanggungjawab peribadi dan tanggungjawab sosial.

Konsep *al-‘afw* (kelebihan) dalam firman Allah SWT tersebut menjadi petunjuk kepada perkara ini. Ayat ini menegaskan bahawa infak harus berasal daripada harta yang melebihi keperluan dan baik. Oleh itu, fokus untuk membangunkan masyarakat Islam yang stabil dari segi kewangan adalah penting. Apabila masyarakat Islam mempunyai pendapatan yang tinggi dan mampu menjana lebih harta, mereka akan lebih mudah dan konsisten dalam berinjak.

DEFINISI WAKAF

Wakaf secara umumnya ialah sesuatu yang didermakan untuk kegunaan orang ramai atau sesuatu yang disumbangkan bagi keperluan yang berkaitan dengan agama Islam. Dari segi bahasa, wakaf berasal daripada bahasa Arab *waqf* yang bermaksud menahan, tegah atau berhenti (JAWHAR, 2018). Secara istilah, wakaf didefinisikan sebagai apa-apa harta yang ditahan hak pewakaf ke atas harta tersebut daripada sebarang transaksi seperti jual beli, pewarisan, hibah dan wasiat. Dalam keadaan ini, fizikal (‘ain) aset wakaf perlu dikekalkan dan manfaat yang terhasil daripada aset wakaf tersebut akan digunakan untuk masalah umum atau khusus bagi mendekatkan diri kepada Allah SWT. Oleh yang demikian, dalam konteks Malaysia, aset wakaf tersebut bukan lagi milik pewakaf dan segala

urusan ke atas aset wakaf diuruskan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) selaku pemegang amanah tunggal wakaf (JAWHAR, 2021).

Statistik sehingga 31 Julai 2024 merekodkan keluasan tanah wakaf di Malaysia dianggarkan 25,047 hektar dengan 20,782 hektar (83%) tanah wakaf telah dimanfaatkan, manakala baki 17% lagi belum dimanfaatkan (JAWHAR, 2025). Selain tanah, wakaf juga diterima dalam bentuk tunai, saham, bangunan dan lain-lain aset wakaf bersesuaian. Kesemua wakaf ini dilaksana berdasarkan prinsip wakaf *muabbad* (kekal) dengan mengekalkan 'ain wakaf. Antara undang-undang yang menyebutkan berkaitan pengekalan 'ain wakaf ini adalah seperti dalam Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005 dan Enakmen Wakaf (Perak) 2015. Hal ini demikian kerana, wakaf dikira sah sekiranya dilaksanakan secara *muabbad* (JAWHAR, 2021).

Selain wakaf *muabbad*, terdapat pandangan yang mengharuskan wakaf secara *muaqqat* (bertempoh). Hal ini bermaksud, wakaf boleh dikembalikan kepada pewakaf semula setelah tamat tempoh kontrak wakaf tersebut. Walau bagaimanapun, pandangan ini masih belum diterima oleh majoriti negeri di Malaysia kecuali negeri Selangor, Sarawak, Pulau Pinang dan Perlis yang telah menfatwakan keharusan wakaf secara bertempoh ini.

LATAR BELAKANG DAN ISU

Instrumen wakaf sama ada secara *muabbad* atau *muaqqat* masing-masing mempunyai potensi yang besar dalam menyumbang ke arah pengukuhan kewangan sosial Islam Malaysia, selain instrumen zakat dan baitulmal. Justeru itu, keperluan kepada pandangan dan ketetapan hukum baharu amat diperlukan terutama dalam menggalakkan pembiayaan pembangunan projek-projek bersifat ekonomi bercirikan wakaf. Perkembangan semasa dan inovasi dalam bidang wakaf telah mewujudkan pelbagai produk wakaf oleh MAIN dan tidak terhad kepada wakaf dalam bidang keagamaan semata-mata. Antaranya seperti wakaf dalam bidang pendidikan, kesihatan dan sosial. Sumbangan wakaf tunai yang diterima daripada orang ramai termasuk peruntukan daripada kerajaan turut mempelbagaikan lagi produk-produk wakaf di Malaysia.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (Jawatankuasa Muzakarah MKI) Kali ke-77 yang bersidang pada 10 April hingga 12 April 2007 telah memutuskan bahawa berwakaf dalam bentuk wang tunai adalah dibolehkan dalam Islam. Keputusan hukum di peringkat kebangsaan adalah penting bagi menggalakkan kerjasama dan penyelarasan antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri dalam isu-isu yang melibatkan hal ehwal agama. Keputusan hukum ini diperluaskan ke setiap negeri menerusi pewartaan keharusan wakaf tunai oleh jabatan mufti negeri yang merupakan bidang kuasa kerajaan negeri. Perkara ini akan menentukan sejauh mana pandangan hukum atau fatwa tersebut menyokong

instrumen atau produk wakaf yang diperkenalkan. Bahkan dengan adanya kolaborasi antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri, dapat memberi impak besar dalam kutipan dana wakaf dan apa-apa yang menyalahi peraturan dapat dikuatkuasakan undang-undangnya di negeri bagi mengelakkan penyalahgunaan dana dan sebagainya.

Enakmen-enakmen negeri mengenai wakaf terletak di bawah bidang kuasa negeri sepertimana yang diperuntukkan dalam Senarai II, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Pelbagai inisiatif dilaksanakan oleh MAIN untuk membangunkan harta-harta wakaf termasuk dalam aspek keagamaan, pendidikan, kebajikan, kesihatan dan ekonomi. Kerajaan Persekutuan turut meletakkan wakaf sebagai salah satu penggerak utama kesejahteraan rakyat seperti yang digariskan dalam Ekonomi MADANI, Rancangan Malaysia Lima Tahun dan Pelan Transformasi Hal Ehwal Agama menuju Malaysia MADANI (Al-Falah) 2023 – 2027. Demi merealisasikan agenda ini, wakaf ekonomi dilihat berpotensi besar dalam memakmurkan kewangan sosial Islam yang dapat memberi manfaat kepada masyarakat pada masa hadapan dan memenuhi *maqasid syariah*.

Selain wakaf *muabbad*, instrumen wakaf yang boleh dimobilisasi dalam merealisasikan agenda ini adalah menerusi konsep wakaf *muaqqat*. Wakaf *muaqqat* menurut Firdaus (2017) ialah: “Satu bentuk wakaf yang membenarkan pewakaf untuk menetapkan sebarang syarat sama ada ia bersifat bertempoh (ta`qit) atau menghadkan kepada keturunan tertentu pewakaf, dan syarat tersebut harus selari dengan prinsip serta peruntukan

perundangan yang telah diperuntukkan oleh Lembaga Wakaf Negeri, bertepatan dengan hukum syarak serta bertepatan dengan *maslahah* pewakaf, penerima wakaf (*mawquf alaihi*) dan harta wakaf (*mawquf*)”.

Beberapa pengkaji kontemporari wakaf juga telah mengesyorkan aplikasi wakaf *muaqqat* dalam konteks Malaysia bagi meningkatkan manfaat wakaf seperti Azrai Azaimi Ambrose, Azniza Hartini dan Margarita Sergeevna Peredaryenko (2022), Nor Asiah Mohamad, Muhamad Laeba dan Omar Mokhtar (2021) dan Muhammad Ainul Hakim bin Muhammad Khalil (2021). Malah, Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang (2020) turut menghasilkan buku bertajuk *Wakaf Mu'qqat* (Sementara) yang membahaskan tentang wakaf *muaqqat* ini. Walau bagaimanapun, beberapa penelitian lanjut perlu dibuat termasuk mengharmonikan konsep ini dengan pandangan mazhab dan undang-undang yang sedang berkuat kuasa di negeri-negeri.

Mahkamah sivil di Malaysia pada masa lalu, terutama dalam kes seperti *Commissioner of Religious Affairs, Terengganu lwn Tengku Mariam* [1969] MLJ 110, telah mengaplikasikan prinsip ini kepada wakaf *zurri*. Wakaf *zurri* disamakan dengan amanah. Mahkamah sivil menganggap wakaf *zurri* sebagai amanah yang dibuat untuk faedah ahli keluarga, bukannya wakaf yang bersifat keagamaan atau kebajikan umum. Oleh kerana ia dianggap sebagai amanah persendirian, mahkamah mendapati bahawa wakaf yang diwujudkan untuk faedah keturunan (dari satu generasi ke generasi lain) secara kekal adalah tidak sah kerana ia melanggar prinsip ini. Akibatnya, harta wakaf *zurri* dalam

kes itu tidak dianggap sebagai wakaf yang sah di sisi undang-undang sivil. Sebaliknya, harta tersebut dikembalikan kepada waris pewakaf dan dibahagikan mengikut undang-undang pusaka (faraid), bukan dikekalkan sebagai harta wakaf. Keputusan ini berdasarkan Peraturan Melawan Kekekalan (Rule Against Perpetuities - RAP) yang melarang pembekuan harta secara kekal dan ia telah digunakan oleh mahkamah sivil untuk membatalkan wakaf *zurri* dengan menyamakan wakaf tersebut dengan amanah persendirian. Kes wakaf ini menunjukkan ada unsur bertempoh yang diaplikasi tetapi ia dikendalikan di mahkamah sivil.

Berdasarkan peruntukan undang-undang wakaf semasa, majoriti negeri di Malaysia tidak mempunyai peruntukan atau menyebut perkataan wakaf *muaqqat* dalam enakmen masing-masing. Namun, hanya negeri Terengganu, Johor dan Sarawak sahaja yang memperuntukkan seksyen berkaitan wakaf *muaqqat* seperti berikut:

- (a) Enakmen Wakaf Terengganu 2016 (Seksyen 18);
- (b) Kaedah-Kaedah Wakaf Johor 1983 (Seksyen 17); dan
- (c) Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001 (Seksyen 2).

Dalam pada itu, Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) telah melaksanakan Bengkel Pemeraksanaan Instrumen Wakaf Bertempoh dalam Pembangunan Wakaf di Malaysia pada 23 Oktober hingga 25 Oktober 2023 bertempat di Hotel Dorsett, Putrajaya. Bengkel ini juga bertujuan membincangkan hala tuju aplikasi wakaf *muaqqat* di Malaysia, mendapatkan pandangan dari aspek undang-undang, hukum syarak, tadbir urus, percukaian, model pembangunan dan perkongsian pengalaman

negara Indonesia melaksanakan wakaf *muaqqat*. Malah, Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Syariah YWM Siri 40 Bil. 2/2023 pada 21 Julai 2023 turut memperakui keharusan wakaf *muaqqat*, namun memerlukan kajian lanjut bagi pelaksanaannya di Malaysia. Antara produk wakaf *muaqqat* yang telah dilaksanakan adalah program iTEKAD CIMB Islamic Rider Entrepreneur 2.0 oleh YWM yang melibatkan sumbangan motosikal secara wakaf *muaqqat* selama 12 bulan.

Di samping itu, Persidangan Wakaf *Muaqqat* anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) telah diadakan pada 26 Julai 2025 yang mana persidangan ini bertujuan untuk meneroka potensi baharu perwakafan di Malaysia yang disertai oleh pelbagai sektor seperti pentadbir wakaf, ahli akademik dan penggubal dasar. Wakaf *muaqqat* dilihat sebagai salah satu keperluan semasa untuk menyemarak wakaf di negara ini di samping hukum-hukum wakaf seperti wakaf *irsod*, wakaf *zurri* dan sebagainya. Persidangan juga mendapati kelebihan pelaksanaan wakaf *muaqqat* menawarkan pelbagai manfaat praktikal yang menjadikannya pilihan menarik bagi pewakaf dan institusi wakaf. Fleksibilitinya membolehkan individu berwakaf tanpa niat untuk melepaskan pemilikan harta secara kekal, sekali gus membuka peluang kepada lebih ramai orang untuk beramal. Selain itu, ciri ini membolehkan pengembalian harta kepada pewakaf setelah tempoh yang ditetapkan tamat. Hal ini memberikan keyakinan kepada pewakaf bahawa mereka masih memiliki kawalan ke atas aset mereka. Konsep wakaf *muaqqat* juga membolehkan individu memanfaatkan harta yang tidak digunakan buat sementara waktu, seperti

bangunan, kenderaan atau wang tunai untuk tujuan kebajikan melalui pengurusan institusi wakaf. Secara keseluruhannya, wakaf *muaqqat* melengkapkan pengurusan harta wakaf sedia ada dengan sifatnya yang dinamik, sekali gus memperluaskan potensi sumbangan harta umat Islam.

PERNYATAAN MASALAH

Jawatankuasa Muzakarah MKI yang bersidang pada 21 dan 22 Oktober 2024 telah memutuskan *Ahli Sunnah Wal Jamaah* ialah mazhab rasmi negara ini dari segi perundangan. Keputusan ini termasuk pelaksanaan dalam amalan seharian meliputi ibadat, munakahat dan sebagainya. Malah, dalam Akta/Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri seperti Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 telah mendefinisikan “hukum syarak” adalah mengikut Mazhab Syafie atau mengikut mana-mana satu Mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali. Dalam urusan ibadat khususnya, pandangan mazhab lain tidak diterima pakai selagi mana terdapat pandangan Mazhab Syafie dalam isu tersebut. Malah, pandangan *marjuh*, *muqabil al-asah* atau *da‘if* Mazhab Syafie akan dijadikan sandaran sekalipun pendapat ini sama dengan pendapat ulama mazhab yang lain.

Namun, bagi keperluan meraikan *maslahah* dan menolak mudarat dalam komuniti, mufti diberi kuasa untuk menerima pakai mana-mana *qaul muktamad* dalam tiga mazhab muktabar yang lain (Anisah, 2007). Penggunaan *talfiq* telah dijadikan alat dalam merungkai dan memberi jalan keluar kepada sebahagian permasalahan umat Islam. Hal ini termasuk sekiranya pandangan mazhab lain dilihat lebih memudahkan

berbanding pegangan mazhab yang dipegang, maka *talfiq* ini diharuskan. Antaranya seperti pembayaran zakat menggunakan wang yang bersandarkan kepada pandangan Mazhab Hanafi yang membolehkan pembayaran zakat fitrah berdasarkan nilai makanan asasi sesuatu kawasan. Selain itu, penggunaan konsep *al-ijarah al-muntahiyah bi al-tamlik* dalam kontrak sewa beli seperti yang diamalkan oleh institusi kewangan di Malaysia telah mengambil pandangan yang mengharuskannya daripada Mazhab Maliki dan Hanbali (Mustafa & Miszairi, 2018). Perbezaan pandangan hukum ini tidak menghalang kepada perbincangan untuk meneroka kebolehlaksanaan aplikasi wakaf *muaqqat* di Malaysia. Maka, penerimaan terhadap pandangan mazhab selain Mazhab Syafie boleh membuka ruang terhadap inovasi dalam bidang muamalat berbentuk *aqad al-tabarruat* (kontrak sumbangan derma) termasuk wakaf *muaqqat*.

Dalam aspek kontrak sumbangan derma, jumhur berpandangan wakaf perlulah bersifat kekal. Jumhur berpendapat bahawa wakaf secara bertempoh tidak diiktiraf termasuk pegangan dalam Mazhab Syafie kerana harta wakaf mesti dikekalkan (Zuhaily, 1985). Hal ini bermaksud wakaf tidak boleh terikat dengan had masa tertentu selain perlu bersifat kekal kepada milik Allah SWT. Hanya Mazhab Maliki sahaja yang berpandangan wakaf *muaqqat* harus dilaksanakan atas sebab pemilikan harta adalah kekal kepada pemilik asal (Al-Sanhuri, 1949). Keharusan wakaf tunai juga berdasarkan pandangan Mazhab Maliki yang berpendapat tidak perlu syarat *ta'bid* (berkekalan) dalam wakaf walaupun ulama mazhab yang lain tidak mengharuskan wakaf tunai ini kerana

wang tidak bersifat kekal (Fathullah & Jasni Sulong, 2017). Keterbukaan dalam menerima pandangan mazhab selain Syafie seperti Mazhab Maliki membolehkan produk-produk wakaf baharu diwujudkan selain daripada wakaf tunai seperti wakaf perkhidmatan yang berkait rapat dengan amalan wakaf manfaat. Wakaf perkhidmatan ini boleh dilaksanakan dalam tempoh waktu tertentu dengan bayaran atau upah yang diterima oleh pewakaf diwakafkan kepada badan wakaf yang berautoriti (Zubair Amir, 2024). Walaupun konsep wakaf perkhidmatan ini ada dinyatakan dalam Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015, namun pelaksanaannya masih belum meluas.

Pelaksanaan wakaf yang bersifat kekal dan memutuskan pemilikan pewakaf terhadap aset wakaf menyebabkan ruang untuk masyarakat berwakaf dalam nilai yang besar terutamanya sektor korporat akan terbatas. Syarikat-syarikat besar dalam dan luar negara mungkin kurang berminat atau tidak mampu mewakafkan jutaan ringgit untuk pembangunan projek wakaf sekiranya pemilikan terhadap modal tersebut terputus dan diletak hak di bawah MAIN sepenuhnya. Kekangan aktiviti pendanaan dan keperluan dalam mengekalkan aset-aset wakaf telah menjadi sebagai salah satu cabaran dalam pelaksanaan wakaf di universiti bagi memperkasakan sektor pendidikan tinggi negara (Kementerian Pengajian Tinggi, 2017). Sebagai contoh, kebergantungan kepada dana kerajaan semata-mata mampu menjejaskan perkembangan sektor pendidikan, malah mampu menjejaskan kualiti pendidikan yang ditawarkan sekiranya peruntukan yang disalurkan tidak mencukupi. Justeru itu, instrumen wakaf dilihat mampu menjadi pilihan terbaik

dalam membiayai sektor pendidikan (Yusni & Norsaadah, 2024). Menerusi wakaf yang mempunyai tempoh masa tertentu, wang atau aset yang diwakaf akan dikembalikan kepada pewakaf atau boleh diwakafkan semula sebagai modal untuk projek seterusnya. Oleh itu, wujud peluang yang luas bagi memperkasakan wakaf dengan projek-projek yang bersifat ekonomi menerusi aplikasi wakaf *muqqat* dengan tadbir urus yang baik serta pelaburan yang menepati hukum syarak (Siti Nadiah, 2025).

Amalan menerima pajakan harta wakaf boleh dianggap sebagai wakaf *muqqat* kerana melibatkan tempoh masa tertentu dan bayaran tertentu. Pihak MAIN boleh merekodkan harta-harta pajakan ini sebagai wakaf *muqqat* tanpa perlu menukar atau meletak hak nama aset kepada MAIN (Nur Athirah & Mohd Fairuz, 2024). Namun, kekangan ke atas pandangan hukum sedia ada telah menyebabkan penerimaan pajakan harta wakaf tidak dianggap sebagai wakaf *muqqat*, sebaliknya dilaksanakan seperti konsep sewaan semata-mata, bukannya wakaf. Amalan semasa aktiviti pajakan ini adalah berdasarkan panduan hukum yang menetapkan pajakan tanah-tanah wakaf sedia ada kepada penerima pajakan adalah diharuskan bagi menyalurkan manfaat kepada penerima manfaat wakaf, sekalipun tanah wakaf tersebut tidak ekonomik dibangunkan (Afiffudin, 2015). Selain itu, JAWHAR turut memperjelaskan proses pajakan ini menerusi kaedah sewaan jangka panjang/pajakan tanah wakaf yang meliputi aspek penerimaan permohonan, penilaian dan persetujuan antara MAIN dengan penerima pajakan untuk memanfaatkan tanah wakaf tersebut (JAWHAR, 2008). Lazimnya, tempoh pajakan ini adalah

selama 99 tahun. Setelah tamat tempoh pajakan, hak ke atas tanah wakaf tersebut akan dikembalikan kepada MAIN kerana pendapatan yang dijana sepanjang tempoh pajakan tersebut hanya memberi manfaat kepada penerima pajakan, tanpa melibatkan pertukaran hak milik (Afiffudin, 2015). Sekiranya pandangan hukum wakaf *muaqqat* dapat dilaksanakan, maka aset-aset wakaf boleh dimanfaatkan dengan lebih meluas tanpa perlu melibatkan liabiliti atau tanggungan yang tinggi kepada MAIN. Selain amalan sedia ada menerusi sewaan/pajakan tanah wakaf, penerimaan wakaf secara bertempoh dan dilaksanakan berdasarkan kontrak pajakan dilihat mampu menyediakan ruang yang lebih luas dalam memanfaatkan harta wakaf dengan lebih efektif.

Amalan wakaf sedia ada mensyaratkan keperluan untuk mengekalkan harta tersebut selama-lamanya dan MAIN akan bertindak selaku pemegang amanah tunggal wakaf di negeri masing-masing. Amalan ini telah berjalan sejak dari zaman dahulu dengan menjadikan aset-aset wakaf sebagai asas untuk penjanaan pendapatan kepada MAIN dan seterusnya manfaat tersebut akan dikembalikan kepada penerima manfaat wakaf yang terlibat. Walau bagaimanapun, praktis ini telah dilihat menghadkan prospek untuk perkembangan aktiviti wakaf itu sendiri. Masalah ini turut mengundang kepada timbulnya isu tanah-tanah terbiar yang tidak dibangunkan secara kompetitif. Bertitik tolak dari permasalahan ini, wakaf *muaqqat* dilihat menyediakan pilihan kepada masyarakat dalam memanfaatkan tanah-tanah yang ada termasuk dari aspek fleksibiliti untuk diaplikasikan berbanding wakaf *muabbad* ('As' Syaqim, 2023).

Antara bentuk wakaf secara bertempoh yang telah diterima di negeri Johor misalnya ialah amalan wakaf ahli yang dikhususkan manfaat wakaf tersebut kepada ahli keluarga pewakaf yang dinamakan. Penggunaan wakaf ahli yang dilaksanakan secara bertempoh boleh dijadikan sebagai titik permulaan dalam memanfaatkan tanah-tanah milik keluarga yang tidak digunakan. Walaupun amalan wakaf ahli tidak diamalkan di sebahagian besar MAIN, namun amalan ini boleh menjadi pencetus kepada penerusan aktiviti wakaf dalam kalangan masyarakat Islam. Hasil daripada tanah wakaf yang dibangunkan dapat diagih untuk manfaat pihak-pihak yang dinamakan termasuk masyarakat secara umumnya. Secara tidak langsung, produktiviti tanah wakaf akan dapat ditingkatkan (Ainul Hakim, 2021).

Keperluan yang mendasari perlunya wakaf *muaqqat* sebagai prospek wakaf masa hadapan berpunca daripada kekangan yang wujud dalam amalan wakaf sedia ada. Walaupun Mazhab Syafie ialah mazhab rasmi negara, pendiriannya yang mensyaratkan wakaf bersifat kekal dan memutuskan pemilikan pewakaf telah membataskan penyertaan terutamanya daripada sektor korporat dan individu yang ingin berwakaf dalam nilai besar. Keadaan ini menyebabkan projek-projek wakaf terbantut dan tanah-tanah wakaf terbiar kerana institusi wakaf menghadapi cabaran dalam aktiviti pendanaan dan pengurusan aset. Tambahan pula, kekangan pandangan hukum sedia ada menyebabkan amalan pajakan harta wakaf yang bersifat sewaan tidak diiktiraf sebagai wakaf *muaqqat*, sedangkan ia berpotensi untuk meningkatkan keberkesanan penggunaan harta wakaf. Oleh yang demikian,

keterbukaan terhadap pandangan mazhab lain terutamanya Mazhab Maliki, yang membolehkan wakaf secara bertempoh dan wakaf tunai, dilihat sebagai penyelesaian inovatif. Ia mampu menyediakan ruang fleksibel untuk memperluaskan skop wakaf, memanfaatkan aset-aset yang tidak digunakan, serta menjana dana mampan bagi pembangunan sosioekonomi umat Islam tanpa membebankan institusi wakaf dengan liabiliti tinggi.

RINGKASAN BUKU

Kewangan sosial Islam ialah sesuatu yang dinamik dan perkembangannya dalam memenuhi keperluan masyarakat perlulah menepati dengan ketetapan syarak. Walaupun pandangan Mazhab Syafie tidak mengiktiraf pelaksanaan wakaf *muaqqat*, namun keabsahan konsep wakaf *muaqqat* ini mengikut pandangan muktamad Mazhab Maliki tidak boleh diketepikan. Justeru itu, kajian dalam meneroka potensi wakaf *muaqqat* di Malaysia wajar diteliti dengan lebih lanjut dan mengambil kira semua aspek termasuk hukum syarak, *maslahah* dan aplikasinya.

Justeru itu, buku ini akan membincangkan prospek pelaksanaan wakaf *muaqqat* di Malaysia. Secara ringkasnya, memberi pengenalan kepada definisi wakaf, latar belakang dan keperluan kepada hukum wakaf yang baharu, iaitu wakaf *muaqqat*. Bab dua secara khusus membincangkan dengan terperinci berhubung perbahasan fuqaha bagi wakaf *muaqqat*. Hal ini termasuk dalil dan hujah yang dipegang oleh fuqaha yang mengharuskan wakaf *muaqqat*. Ia membincangkan konsep dan hukum wakaf *muaqqat* menurut pandangan fuqaha klasik dan kontemporari. Ia dimulakan dengan penjelasan bahawa sumber

dalil wakaf adalah terhad dan banyak hukum wakaf ditentukan melalui ijtihad. Terdapat dua pandangan utama ulama: Golongan pertama (jumhur Hanafi, Syafie dan Hanbali) menolak wakaf *muaqqat* kerana menganggap kekekalan (ta'bid) sebagai syarat sah, manakala golongan kedua (Maliki, Abu Yusuf daripada Hanafi, dan sebahagian Syafie serta Hanbali) mengharuskan wakaf *muaqqat* kerana ia masih menepati tujuan kebajikan. Menurut ulama moden seperti Abu Zahrah, Gad al-Haq dan Monzer Kahf, wakaf *muaqqat* diharuskan bagi memberikan fleksibiliti kepada pengurusan harta wakaf dan meningkatkan sumbangan terhadap pembangunan ekonomi semasa. Hujah mereka bersandarkan kepada hadis Saidina Umar r.a. tentang wakaf di *Khaibar* yang menunjukkan fleksibiliti pelaksanaan wakaf, serta qias dan dalil '*aqli* yang menegaskan bahawa wakaf ialah sedekah yang boleh dilaksanakan sementara atau kekal. Bab ini menegaskan bahawa keharusan wakaf *muaqqat* selaras dengan prinsip *maslahah* dan boleh menjadi alternatif untuk memperkasa pembangunan ekonomi umat Islam masa kini.

Perbincangan seterusnya memberi penekanan kepada perundangan semasa dan fatwa yang berkaitan wakaf *muaqqat* di negara-negara Islam. Perbincangan dalam bab ini turut mengambil kira fatwa semasa yang dikeluarkan oleh badan antarabangsa. Ia menghuraikan tentang perundangan dan fatwa berkaitan wakaf *muaqqat* di negara-negara Islam. Perkara ini menjelaskan bahawa wakaf *muaqqat* muncul sebagai instrumen penting dalam memperkasakan ekonomi dan kebajikan umat Islam masa kini kerana memberikan fleksibiliti kepada pewakaf tanpa menyalahi prinsip syariah. Fatwa daripada ulama

kontemporari seperti Sheikh Abu Zahrah serta institusi seperti Majma' al-Fiqh al-Islami dan AAOIFI (Pertubuhan Perakaunan dan Pengauditan bagi Institusi Kewangan Islam) mengiktiraf keharusan wakaf *muaqqat* berdasarkan *maqasid syariah*. Banyak negara Islam seperti Kuwait, Indonesia, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Maghribi, Libya, Mesir dan Algeria telah menggubal undang-undang yang membenarkan wakaf *muaqqat* dengan syarat tertentu seperti tempoh minimum, maksimum dan jenis harta yang boleh diwakafkan. Di Malaysia pula, hanya beberapa negeri seperti Johor, Sarawak dan Terengganu yang mengiktiraf pelaksanaannya, manakala negeri lain masih mengekalkan wakaf kekal. Kesimpulannya, pengiktirafan wakaf *muaqqat* secara perundangan dan fatwa menunjukkan keanjalan hukum Islam dalam menyesuaikan wakaf dengan keperluan semasa, serta membuka ruang kepada pembangunan sosial dan ekonomi yang lebih lestari.

Bab selanjutnya pula ialah melihat kepada perundangan semasa berkaitan wakaf di Malaysia. Perbincangan turut menyentuh berkaitan perbezaan perundangan dan fatwa yang ada di negeri-negeri berkaitan wakaf *muaqqat*. Penulisan berdasarkan dari segi sumber perundangan di Malaysia, wakaf *muaqqat* berpaksikan kepada Perlembagaan Persekutuan yang memberi kuasa kepada negeri melalui Jadual Kesembilan untuk menggubal undang-undang berkaitan wakaf. Terdapat lapan negeri yang memiliki enakmen khusus wakaf seperti Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Perak, Terengganu, Pahang dan Sarawak, manakala negeri lain masih bergantung kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam masing-masing. Hanya

beberapa negeri seperti Johor, Terengganu dan Sabah secara jelas menyebut tentang wakaf *muaqqat* dalam undang-undang mereka. Fatwa juga menjadi sumber penting dalam pelaksanaan wakaf *muaqqat*, contohnya Pulau Pinang yang mengeluarkan fatwa mengharuskan wakaf *muaqqat* bagi tujuan tertentu. Di peringkat kebangsaan, Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam (MKI) turut memainkan peranan dengan mengeluarkan pandangan hukum yang menjadi rujukan negeri. Secara keseluruhan, kerangka perundangan wakaf di Malaysia masih bersifat tidak seragam antara negeri, dan memerlukan penyelarasan melalui penggubalan peruntukan khusus atau fatwa kebangsaan untuk mengiktiraf wakaf *muaqqat* sebagai instrumen sah menurut syarak dan undang-undang.

Tajuk berkaitan potensi wakaf *muaqqat* dibahaskan juga mengenai penerokaan kebolehlaksanaan konsep bagi memperkasa ekonomi umat Islam dalam pelbagai sektor serta secara khusus memberi fokus kepada aplikasi wakaf *muaqqat* dalam ekonomi dan pengurusan risikonya dalam operasi wakaf di Malaysia. Wakaf *muaqqat* berfungsi sebagai instrumen penting untuk membiayai barangan awam bercampur di Malaysia dan berpotensi meringankan beban hutang negara. Walaupun menghadapi risiko seperti manfaat yang tidak berterusan, model yang rumit dan kerugian pelaburan, risiko-risiko ini dapat diuruskan. Manfaat yang tidak berterusan boleh diatasi dengan penyusunan wakaf khas yang melibatkan sumbangan berterusan daripada para pewakaf, dibantu oleh teknologi rantaian blok untuk memastikan pengurusan telus. Kerugian pelaburan dapat diuruskan dengan menggabungkan strategi

kewangan yang cekap dengan pendekatan spiritual Islam, yang menekankan amanah dan tawakal. Sekiranya dilaksanakan dengan baik, wakaf *muaqqat* berpotensi besar dalam pelbagai sektor, termasuk pendidikan (basiswa, asrama), kesihatan (klinik bergerak), teknologi (pusat latihan ICT), keusahawanan (program modal peralatan), dan bantuan kemanusiaan. Ia juga mampu menarik sektor swasta dan individu untuk menyumbang secara sementara, lantas memaksimumkan mobilisasi aset umat Islam yang mungkin terbeku.

Perakaunan wakaf *muaqqat* juga perlu diteliti dengan lebih terperinci supaya aspek ketelusan dan perekodan maklumat aset wakaf adalah teratur. Wakaf *muaqqat* menawarkan fleksibiliti yang membolehkan lebih ramai orang menyumbang, tetapi sifat semmentaranya menimbulkan cabaran perakaunan yang kritikal. Isu-isu utama termasuk ketidakseragaman dalam merekod dan mengklasifikasikan aset wakaf. Terdapat kekeliruan sama ada aset tersebut perlu diiktiraf sebagai liabiliti atau ekuiti, dan pengiktirafan yang salah boleh memberikan gambaran kewangan yang tidak tepat. Cabaran lain termasuk isu penilaian nilai mata wang untuk wakaf tunai dan ketiadaan kaedah pelaporan yang jelas bagi manfaat wakaf bukan fizikal seperti perkhidmatan. Kesemua cabaran ini memerlukan pembangunan piawaian perakaunan khusus untuk wakaf *muaqqat* bagi memastikan ketelusan dan akauntabiliti.

Selain itu, aspek keperluan percukaian telah dibincangkan juga bagi melibatkan perundangan cukai semasa di Malaysia dengan wakaf *muaqqat* yang merupakan aspek baharu yang

mungkin boleh dipertimbangkan oleh kerajaan dalam urusan cukai di negara ini. Pada masa ini, peruntukan percukaian di Malaysia, khususnya di bawah subseksyen 44(11D) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967), tidak memberikan insentif khusus untuk wakaf *muaqqat*. Menurut perundangan semasa, hanya wakaf tunai yang bersifat kekal (wakaf muabbad) yang layak mendapat potongan cukai bagi pewakaf. Terdapat beberapa sekatan yang menghalang wakaf *muaqqat* daripada mendapat pelepasan cukai, termasuk syarat bahawa tuntutan potongan hanya dibenarkan bagi perbelanjaan yang dilakukan oleh pewakaf, tidak termasuk wakaf tunai secara sementara. Hal ini bermakna, jika pewakaf mewakafkan tunai secara bersyarat atau untuk tempoh tertentu dengan syarat untuk dikembalikan, mereka tidak layak untuk menuntut potongan cukai. Namun, terdapat cadangan untuk memodenkan mekanisme percukaian bagi wakaf *muaqqat* dengan melaksanakan reformasi perundangan untuk meluaskan skop insentif. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat peluang untuk wakaf *muaqqat* mendapat pelepasan cukai pada masa hadapan sekiranya pindaan undang-undang dilaksanakan.

Akhir perbincangan dalam buku ini adalah dengan mencadangkan parameter dan model yang fleksibel dalam melaksanakan wakaf *muaqqat* oleh MAIN mahupun pemain industri wakaf di Malaysia. Parameter adalah penting untuk memastikan polisi bukan sahaja bertujuan baik, tetapi juga praktikal, adil, dan berkesan dalam mencapai matlamatnya.

PENUTUP

Tuntasnya, wakaf sebagai instrumen kebajikan dan pembangunan sosioekonomi, yang pada asalnya berfokus pada aset kekal (muabbad) mengikut pandangan jumurh ulama. Namun, bagi memenuhi keperluan semasa dan merencanakan penyertaan masyarakat, konsep wakaf *muaqqat* dilihat sebagai alternatif yang inovatif. Walaupun konsep ini diterima Mazhab Maliki dan beberapa orang fuqaha silam mahupun kontemporari serta pelaksanaannya di Malaysia masih terbatas kepada beberapa negeri sahaja, tidak salah untuk kita meneroka potensi dan cabaran wakaf *muaqqat* secara menyeluruh, mencadangkan reformasi yang diperlukan untuk merealisasikan potensinya. Bab-bab berikut akan membincangkan secara terperinci perbincangan fuqaha, perundangan semasa di negara-negara Islam dan Malaysia, potensi wakaf *muaqqat* dalam sektor ekonomi, cabaran perakaunan dan layanan percukaian serta cadangan parameter pelaksanaan. Secara keseluruhannya, kerangka yang jelas, wakaf *muaqqat* dapat menjadi pelengkap penting kepada wakaf kekal, memaksimumkan mobilisasi aset umat Islam, dan menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara selari dengan prinsip *maqasid syariah* dalam merealisasikan *maslahah ammah* di Malaysia.

RUJUKAN

- Abd al-Razzaq Al-Sanhuri. (1949). *Masadir al-haqq fi al-fiqh al-Islami: Dirasa muqarana* (Vol. 2). Dubai: Matba'at al-Nahda.
- Afiffudin Mohammed Noor, R. B. (2015). Aplikasi konsep pajakan dalam pembangunan tanah wakaf di negeri Kedah Darul Aman. *Muktamar Waqf Ilmi II* (p. 5). Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Anisah Abd Ghani. (2007). Kedudukan mazhab Syafi'i dalam ibadat di Malaysia. *Jurnal Fiqh*, 4, 185 – 196.
- Ambrose, A. H. A. A., & Peredaryenko, M. S. (2022). Temporary waqf and perpetual benefit: A mathematical proof. *International Journal of Economics, Management and Accounting*, 30 (1), 151 – 173.
- Fathullah Al Haq Muhammad Asni & Jasni Sulong. (2017). Wakaf tunai dan aplikasinya dalam undang-undang di negara ASEAN. *Jurnal Syariah*, 25(2), 217 – 246.
- Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR). (2008). *Manual pengurusan tanah wakaf*. Putrajaya: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji.
- Kementerian Pengajian Tinggi. (2017). *Enhancing university income generation, endowment & waqf*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi.
- Nuarrual Hilal Md Dahlan. (2003). Wakaf in Malaysia: It legal history. In: *International Legal History Conference: "Mapping the Law", 3rd – 5th April 2003*, University of Exeter .
- Muhammad Ainul Hakim Muhammad Khalil, Muhammad Firdaus Ab Rahim, & Hussein 'Azeem (2020). Temporary waqf and zakat as a financial aid for al-gharimin during COVID-19 pandemic in Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 22, 36.
- Muhamad Firdaus, A. R. (2017). *Tajarib al-waqf al-muaqqat wa imkaniyah taf'iliha fi Maliziya: Dirasah ta'siliyah fihiyyah*. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Mohamad, N. A., Laeba, M., & Hamdan, O. M. (2021). From “protection” and “preservation” to “development” and “right”: A new approach of objective of shariah via waqf muaqqat. *Journal of Contemporary Business and Islamic finance (JCBIF)*, 1(1), 1 – 10.
- Mohamad 'As' Syaqqim Mohamad Idris, A. A. (2023). Kerelevanan wakaf dalam mengurus tanah terbiar di Malaysia. *Akademika*, 93(1), 293 – 306.
- Muhammad Ainul Hakim Muhammad Khalil, M. F. (2021). Pengaplikasian wakaf ahli bertempoh (*muaqqat*) sebagai

- mekanisme memakmurkan amalan wakaf di Malaysia. *Seminar Antarabangsa Islam Dan Sains* (pp. 53 – 71). Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mustafa Mat Jubri Shamsuddin & Miszairi Sitoris. (2018). Pengamalan *talfiq* (percampuran mazhab) di kalangan masyarakat Islam di Malaysia. *Journal of Education and Social Sciences*, 10(2), 37 – 44.
- _____. (2018). *Panduan pengurusan wakaf institusi pendidikan*. Putrajaya: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji
- _____. (2021). *Manual pengurusan agihan manfaat wakaf*. Putrajaya: Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji
- _____. (2025, Oktober 4). *Statistik tanah wakaf Malaysia*. Dimuat turun dari Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji: <https://www.jawhar.gov.my/wakaf/statistik-wakaf/>
- _____. (2025, Oktober 4). *Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang*: <https://Mufti.Penang.Gov.My/Index.Php/Awam/Senarai-Penerbitan/484-Buku-Hukum-Wakaf-Mu-Aqqat>
- Nur Athirah Badlihisam & Mohd Fairuz Md Salleh. (2024). Wakaf bertempoh (*muaqqat*): Satu cadangan pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan dalam penyata kewangan. *International Journal of Advanced Research*, 12(6), 28 – 46.
- Siti Nadiyah Mohd Ali. (2025, September 13). *Seruan pemeraksanaan instrumen wakaf al-muaqqat menerusi GLC*. Diakses dari Malaysia Gazette: <https://malaysiagazette.com/2023/11/05/seruan-pemeraksanaan-instrumen-wakaf-al-muaqqat-menerusi-glc/>
- Yusni Mohamad Yusak & Norsaadah Din. (2024). Wakaf sebagai dana alternatif untuk pembiayaan pendidikan di Politeknik Malaysia: Satu Tinjauan. *Al-Mimbar: International Journal of Mosque, Zakat And Waqaf Management*, 4(2), 115 – 127.
- Zubair Amir, N. M. (2024). Wakaf perkhidmatan: Perspektif fiqh dan cadangan pelaksanaan. *Jurnal Syariah*, 32(1), 74 – 99.
- Zuhaily, W. A. (1985). *Al-fiqh al-Islami wa adillatuhu* (Vol. 1). Damsyik: Dar Al-Fikr.



KONSEP DAN PERBAHASAN FUQAHA BAGI WAKAF *MUAQQAT*

Muhamad Firdaus Ab Rahman

PENDAHULUAN

Dalil pensyariatan berkenaan wakaf adalah terhad dan tidak terperinci dalam menjelaskan kaedah dan syarat-syarat pelaksanaan. Implikasinya, sebahagian besar hukum-hakam berkaitan wakaf termasuk dalam perkara ijtihad ulama (al-Zarqa, 1997). Sebahagian sarjana Islam menegaskan bahawa pandangan yang mengatakan wakaf perlu bersifat kekal (muabbad) ialah pandangan konservatif dan klasik yang hanya sesuai pada masa dahulu (Kahf, 2000; Muhammad Tahir dan Mar Iman, 2006). Al-Nujaimi (2006) mengatakan bahawa agak sukar untuk mendapatkan karya *turath* yang membincangkan tentang wakaf *muaqqat* secara terperinci kerana pada zaman perkembangan penulisan *fiqh* (41H hingga 350H) merupakan fasa zon selesa yang menyaksikan kekukuhan orang Islam dari aspek ekonomi, pembangunan sosial dan infrastruktur. Maka, kurang keperluan untuk membahaskan hukum-hakam dalam konteks perkembangan ekonomi, instrumen ekonomi yang fleksibel, pembinaan infrastruktur, sistem percukaian dan sebagainya. Justeru itu, menyedari realiti populasi muslim hari ini yang amat berhajatkan kepada pembangunan sosial dan ekonomi, pandangan yang membataskan wakaf hanya dalam bentuk yang kekal (muabbad) perlu disemak semula agar seiring dengan konteks *masalahah* dan keperluan semasa yang semakin kompleks.

PERBAHASAN FUQAHA BAGI WAKAF *MUAQQAT*

Terdapat perbezaan pandangan antara dua golongan fuqaha tradisional dan fuqaha kontemporari mengenai wakaf *muaqqat* sama ada ia boleh diterima ataupun hanya dibenarkan pada wakaf yang bersifat kekal (*ta'bid*) sahaja. Fuqaha terbahagi kepada dua golongan, seperti berikut:

Golongan Pertama

Mereka yang cenderung dengan pandangan wakaf disyaratkan *sighah ta'bid* (berkekalan) dan menafikan *sighah ta'qit* (bertempoh).

Golongan ini berpendapat bahawa *sighah* bersifat kekal merupakan syarat sah akad wakaf, justeru mengehadikan tempoh yang tertentu (*ta'qit*) pada wakaf adalah tidak sah. Pandangan ini merupakan pandangan jumhur Mazhab Hanafi (Al-Shaibani & Al-Sarakhsi, 1998; Al-Shawkani, 1993; Ibn Nujaim, 1997), begitu juga pandangan masyhur Mazhab Syafie (Al-Shirazi, 1992), dan Mazhab Hanbali (Ibn Qudamah, 1997). Hujah golongan ini ialah:

(i) Fuqaha Hanafi

Fuqaha Mazhab Hanafi berpandangan bahawa tidak boleh seseorang itu mewakafkan sesuatu harta secara bertempoh.

وَالْجَوَابُ الصَّحِيحُ أَنَّ الْوَقْفَ تَصَدَّقُ ابْتِدَاءً وَانْتِهَاءً إِذْ
لَا بُدَّ مِنَ التَّصْرِيحِ بِالتَّصَدَّقِ عَلَى وَجْهِ التَّأْيِيدِ أَوْ مَا يُقَوْمُ
مَقَامَهُ.

Maksud: *Dan jawapan yang sah ialah ibadah wakaf merupakan satu bentuk sedekah dari awal hingga akhir. Oleh yang demikian, mesti dilakukan dengan cara pemberian yang kekal selamanya atau seumpamanya.*

(Ibn ‘Abidin, 1992)

(ii) Mazhab Syafie

Al-Khatib al-Syirbini (2022) menyatakan bahawa syarat utama bagi harta wakaf ialah *ta’bid* (harta wakaf itu kekal selama-lamanya) dan tidak boleh diwakafkan harta alih atau tidak alih secara bertempoh.

يُشْتَرَطُ فِي الْوَقْفِ أَرْبَعَةٌ شُرُوطٌ: الْأَوَّلُ التَّأْيِيدُ كَالْوَقْفِ
عَلَى مَنْ لَمْ يَنْقَرِضْ قَبْلَ قِيَامِ السَّاعَةِ كَالْفُقَرَاءِ أَوْ عَلَى مَنْ
يَنْقَرِضُ. ثُمَّ عَلَى مَنْ لَا يَنْقَرِضُ كَزَيْدٍ ثُمَّ الْفُقَرَاءِ فَلَا يَصِحُّ
تَأْقِيتُ الْوَقْفِ.

Maksud: *Disyaratkan pada harta wakaf itu empat perkara. Pertamanya ialah kekal, seperti wakaf ke atas golongan yang tidak pupus sebelum tibanya hari kiamat seperti golongan fakir, atau wakaf ke atas golongan yang terputus kemudian diserahkan pula kepada golongan yang tidak terputus seperti contoh diwakafkan harta kepada Zaid kemudian golongan fakir. Oleh yang demikian, tidak sah meletakkan tempoh ke atas harta wakaf.*



Begitu juga, Syeikh al-Islam Zakariyya al-Ansori (1994) turut menyatakan perkara yang sama:

وَشُرِّطَ لَهُ (أَيُّ لِلْوَقْفِ) (تَأْيِيدٌ) فَلَا يَصِحُّ تَوْقِيتُهُ كَوَقْفَتِهِ
عَلَى زَيْدٍ سَنَةً.

Maksud: *Dan disyaratkan kekal selamanya bagi harta wakaf, maka tidak sah meletakkan tempoh baginya sebagai contoh aku mewakafkannya kepada Zaid selama setahun.*

(iii) Mazhab Hanbali

Imam al-Buhuti (t.t.) menyatakan bahawa tidak boleh diwakafkan sesuatu harta secara bertempoh kemudian dipulangkan semula kepada pewakaf.

(الرَّابِعُ: أَنْ يَقِفَ نَاجِزًا) غَيْرِ مُعَلَّقٍ وَلَا مُؤَقَّتٍ وَلَا مَشْرُوطٍ
بِنَحْوِ خِيَارٍ.

Maksud: *Keempat: Hendaklah harta wakaf itu bersifat mutlak, yakni tanpa terikat, tidak diletakkan tempoh atau tidak diletakkan syarat seperti contoh meletakkan pilihan.*

Golongan Kedua

Mereka yang cenderung dengan pandangan *sighah ta'qit*.

Golongan ini terdiri daripada fuqaha tradisional yang berpandangan bahawa sesuatu wakaf boleh dihadkan dengan tempoh tertentu. Setelah tamatnya tempoh tersebut, maka harta itu akan kembali kepada pewakaf (jika masih hidup). Jika

pewakaf telah meninggal dunia, maka harta itu dikembalikan kepada ahli waris beliau. Pandangan ini terdapat dalam riwayat daripada as-Syafi'iyah dan al-Hanabilah, pandangan Abu Yusuf al-Hanafi (731 – 798M) dan muktamad Mazhab Maliki. Perinciannya adalah seperti berikut:

(i) Riwayat daripada as-Syafi'iyah

Abu al-Abbas ibn Suraij (863 – 918M) mengharuskan wakaf bertempoh kerana ini ialah salah satu kaedah untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT, iaitu dengan pelbagai cara atau kaedah yang tidak bertentangan dengan syarak. Perkara ini termasuk berwakaf dengan hartanya secara kekal (ta`bid) mahupun bertempoh (ta`qit).

Ada sebahagian daripada ulama Syafie menganggap pandangan daripada Abu al-Abbas ibn Suraij (863 – 918M) bahawa konsep sebegini adalah diharuskan, namun ia bukanlah dibina atas dasar wakaf tetapi ia disebut sebagai akad pinjaman (Al-Mawardi, 1999).

Imam al-Bajuri (2016) telah menyatakan di dalam *Hasyiah al-Bajuri*, jika dikatakan seseorang; aku mewakafkan suatu ini kepada Zaid selama setahun, kemudian kepada golongan fakir miskin setelah itu, maka wakaf ini dianggap sah. Contohnya, Zaid mempunyai sebidang tanah dan dia ingin mewakafkan kepada Ahmad (penerima pertama) selama lima tahun sahaja, akan tetapi setelah tamat tempoh tersebut, pemilikan tanah itu tidak akan dikembalikan kepada Zaid (pemilik asal), bahkan diteruskan wakaf tersebut dengan dipanjangkan kepada

golongan fakir miskin (penerima kedua) yang diuruskan oleh pihak atau pengurus yang dipercayainya selama-lamanya.

Jenis wakaf ini telah diharuskan oleh ulama Mazhab Syafie. Sesuatu yang diwakafkan kepada individu/institusi dengan suatu tempoh tertentu dan tidak dikembalikan kepada pewakaf, bahkan dilanjutkan wakaf tersebut kepada golongan yang tidak akan pupus seperti golongan fakir miskin dan anak yatim. Menurut penulis, wakaf ini juga dikategorikan sebagai wakaf *muwaqqat* kerana pewakaf boleh meletakkan tempoh masa untuk berwakaf kepada penerima wakaf yang pertama sebelum diteruskan wakafnya kepada penerima kedua. Wakaf jenis ini telah dijadikan konsep dan terdapat persamaan dengan wakaf *musytarak* dan wakaf ahli. Konsep kedua-dua jenis wakaf ini ialah pewakaf mewakafkan suatu harta kepada penerima pertama dengan suatu tempoh tertentu atau sehingga matinya penerima wakaf pertama, kemudian wakafnya itu diteruskan dan disalurkan kepada penerima kedua.

(ii) Pandangan daripada Qadhi Abu Yusuf al-Hanafi (731 – 798M)

Qadhi Abu Yusuf menyatakan *ta'bid* bukanlah syarat sah wakaf. Ini bermaksud pemilikan harta wakaf itu akan dikembalikan kepada pewakaf setelah tamat tempoh yang ditetapkan. Jika pewakaf sudah meninggal dunia, maka harta wakaf tersebut akan dikembalikan kepada warisnya (Burhan al-Din al-Bukhari, 2004).

Dalam kitab *Fathu al-Qadir* ada menyatakan bahawa menurut Abu Yusuf, maksud mendekati diri dengan Allah

ini adalah dengan mengembangkan harta kerana kaedah ini bersifat luas dan boleh dilakukan secara kekal mahupun bertempoh. Maka, kedua-dua jenis wakaf adalah sah. Pernyataan “secara bertempoh” ini bermaksud penerima harta wakaf (*mawquf ‘alaih*) tidak bersifat kekal dan akan terputus, misalnya wakaf khas kepada individu tertentu. Maka ini jelas menunjukkan keharusan wakaf *muaqqat*.

Abu Yusuf juga mengharuskan harta wakaf itu dikembalikan semula kepada pewakaf jika penerima *mawquf ‘alaih* itu meninggal dunia. Sebagaimana diriwayatkan oleh Muhammad Maqatil daripada Abu Yusuf, bahawa beliau menyatakan harus jika seorang lelaki ingin mewakafkan sebahagian daripada hartanya. Jika si penerima wakaf meninggal dunia, maka harta tersebut akan dikembalikan kepada waris pewakaf. Ibn al-Humam (t.t) mengatakan jika Abu Yusuf mengharuskan harta wakaf itu dikembalikan kepada ahli waris, misalnya seseorang mengatakan bahawa dia mewakafkan hartanya selama 20 tahun sahaja, maka hukumnya adalah harus kerana harta tersebut tetap akan kembali kepada pemilik asal.

(iii) Pandangan Mazhab Maliki

Sesungguhnya *ta’bid* tidak dianggap syarat sah wakaf. Maka sesuatu wakaf itu sah sama ada secara kekal mahupun bertempoh berdasarkan pada kehendak pewakaf. Jika pewakaf mewakafkan sesuatu harta secara bertempoh, maka harta tersebut akan kembali kepada pewakaf atau warisnya setelah tamat tempoh wakaf. Hal ini selari dengan definisi wakaf di sisi mereka, iaitu:



جَعَلَ مَنفَعَةً مَمْلُوكٍ وَلَوْ بِأَجْرَةٍ أَوْ غَلَّتِهِ (رَبِيعَهُ) لِمُسْتَحِقٍّ،
بِصَيْنَةٍ، مُدَّةً مَا يَرَاهُ الْمُحَبِّسُ.

Maksud: *Memberikan manfaat pada sesuatu harta yang dimiliki walaupun dengan sewaan atau dengan hasil yang boleh dimanfaatkan dengan sighth dengan bertempoh seperti yang dikehendaki oleh pewakaf.*

(al-Dardir, t.t.)

Ahmad al-Dardir (t.t.) di dalam kitabnya *Syarh al-Kabir* mengatakan bahawa wakaf tidak disyaratkan untuk kekal. Maka sah wakaf itu diletakkan tempoh padanya dan dikembalikan pemilikan harta wakaf itu kepada pewakaf setelah tamat tempoh tersebut. Beliau juga mengatakan sesiapa yang menyewa sebidang tanah dan diwakafkan secara bertempoh, maka dia mewakafkan manfaat daripada tanah itu kepada yang berhak di dalam tempoh yang ditetapkan.

Selain itu, Imam al-Sowi (t.t.), menyatakan bahawa tidak disyaratkan kekal 'ain harta wakaf yakni boleh dikembalikan semula kepada pewakaf. Pewakaf boleh meletakkan tempoh pada harta wakafnya. Tambah beliau:

(ولا) يَشْتَرَطُ فِيهِ (التَّأْيِيدُ) بَلْ يَجُوزُ وَقْفُهُ سَنَةً أَوْ أَكْثَرَ
لِأَجْلِ مَعْلُومٍ ثُمَّ يَرْجِعُ مَلِكًا لَهُ أَوْ لِغَيْرِهِ.

Maksud: *Dan tidaklah disyaratkan kekal pada harta wakaf tersebut bahkan harus untuk mewakafkannya selama setahun atau lebih mengikut satu tempoh yang dimaklumi kemudian dikembalikan semula hak milik harta wakaf tersebut kepadanya atau orang selainnya.*

Al-Dusuqi (t.t.) mengatakan bahawa perkataan “tidak disyaratkan” merujuk kepada sahnya wakaf tersebut walaupun tidak disyaratkan kekal. Maksudnya, pewakaf boleh mensyaratkan seperti *istibdal*, pertukaran dan mengambil manfaat daripada harta tersebut. Beliau menukulkan bahawa pemindahan milik secara kekal bukanlah syarat kepada keabsahan sesuatu wakaf.

Fuqaha Mazhab Maliki menyandarkan hujah pada dalil yang sama cuma dengan penafsiran yang sedikit berbeza, iaitu harta yang diwakafkan masih lagi menjadi hak milik pewakaf, namun ia memutuskan hak untuk ber-*tasarruf* dengan harta wakaf tersebut.

Dalam hadis Umar r.a., terdapat petunjuk agar memberi sedekah terhadap hasil wakaf tersebut, sedangkan pemilikan harta yang diwakafkan tetap berada dalam tangan pewakaf. Apa-apa tindakan pemilikan di dalamnya adalah dilarang untuk orang lain, seperti pemahaman Umar r.a: *Dengan syarat ia tidak dijual, tidak disedekahkan, dan tidak diwasiatkan* (Sahih al-Bukhari).

(iv) Riwayat daripada al-Hanabilah

Al-Mardawi (1995) menyatakan, jika seseorang mengatakan aku wakafkan harta ini selama setahun, maka tidak sah wakaf di sisi Mazhab Hanafi. Manakala Ibn Majah pula, mengatakan sah wakaf bertempoh dan ini ialah pandangan daripada Mazhab Hanbali. Pandangan ini disokong dan disahihkan di dalam kitab *al-Nizam*, *al-Talkhiṣ*, diutamakan di dalam kitab *al-Furu'*, *Sharh Al-Harithi*, *al-Khulasah*, *al-Ri'ayatain*, dan *al-Hawi al-Saghir*.

Penulis berpendapat bahawa tidak terdapat satu mazhab pun daripada mazhab-mazhab yang empat sepakat mengatakan tidak sah wakaf secara bertempoh. Bahkan terdapat sebahagian fuqaha daripada setiap mazhab yang empat ini mengatakan sah wakaf *muaqqat*. Abu Yusuf ialah fuqaha daripada Mazhab Hanafi mengatakan harus wakaf *muaqqat*. Bagi beliau, *ta'bid* bukanlah salah satu daripada syarat sah wakaf.

Sebahagian fuqaha daripada Mazhab Syafie seperti Imam al-Baijuri, al-Mawardi dan Abu al-Abbas ibn Suraij berpendapat bahawa wakaf *muaqqat* adalah sah, dan wakaf tersebut akan terhenti apabila tamat tempohnya. Namun demikian, pandangan ini tidak dianggap sebagai pandangan yang *azhar* dalam Mazhab Syafie. Al-Mawardi (1999) juga mengatakan bahawa harta wakaf itu boleh dikembalikan kepada pewakaf jika dalam keadaan yang memerlukan. Imam Nawawi berhujah bahawa akad wakaf yang bertempoh akan tamat dengan berakhirnya tempoh wakaf serta wakaf ini tidak fasid (Al-Nawawi, 1999).

Al-Mardawi (1995) merupakan fuqaha dari Mazhab Hanbali juga mengatakan sah wakaf *muaqqat* sebagaimana dikatakan oleh Ibn Taymiyyah (t.t.). Mereka mengatakan sah wakaf *muaqqat* dan kembali pemilikan harta wakaf itu kepada pewakaf setelah tamat tempoh wakaf.

Manakala pandangan muktamad Mazhab Maliki pula mentakrifkan wakaf secara zahir di sisi mereka menunjukkan bahawa kekal bukanlah syarat sah wakaf. Maka sah wakaf itu jika dilakukan sementara atau kekal sama ada dengan memberi manfaat daripada harta yang dimiliki walaupun dengan sewaan

atau memberi hasil kepada mereka yang berhak sebagaimana dikehendaki oleh pewakaf.

(v) **Sebahagian Ulama Kontemporari**

Kebanyakan ulama moden bersepakat dengan kaedah wakaf bertempoh termasuklah Sheikh Muhammad Abu Zahrah (1959). Beliau merujuk *al-Qanun al-Misri* 1946, Akta 48 yang menyatakan harus untuk wakaf *muaqqat* dan kekal jika ia wakaf *khairi* sahaja. Dibolehkan wakaf *muaqqat*, namun tidak melebihi tempoh 60 tahun. Menurut beliau, kebanyakan ulama berpendapat bahawa wakaf mestilah bersifat kekal, manakala sebilangan kecil ulama antaranya Imam Malik berpendapat harus wakaf secara bertempoh dan juga kekal. Malah, pendapat yang membenarkan wakaf *muaqqat* ini lebih kuat dalilnya.

Sheikh Gad al-Haq Ali Gad al-Haq juga berpandangan dalam fatwanya mengharuskan wakaf sama ada kekal atau bertempoh (Al-Majlis al-A'la li Shu'un al-Islamiyyah, 1980).

Selain itu, Sheikh Ahmad Ibrahim BUK, Muhammad Abid Kabis, Sheikh Zakiuddin Sya'ban, Ahmad Al-Ghundur dan Haji Tjek Tanti telah menerima pandangan Mazhab Maliki yang mengharuskan wakaf *muaqqat*. Akan tetapi mereka tidak menyepakati pandangan Mazhab Maliki pada keumuman hukum wakaf *muaqqat* ini meliputi wakaf *muaqqat* kepada masjid.

Monzer Kahf (2000) juga turut bersetuju dengan pendapat mengharuskan wakaf *muaqqat* kerana berkeperluan untuk mengembangkan harta wakaf. Beliau mengatakan kajian kontemporari terhadap masyarakat Islam menunjukkan bahawa

wakaf *muaqqat* dapat menyelesaikan banyak masalah serta membuka pintu-pintu kebajikan dan ia tidak boleh diabaikan. Wakaf *muaqqat* juga diaplikasikan untuk memelihara harta wakaf dengan cara terkini bagi memenuhi keperluan semasa dalam sesetengah keadaan yang bersifat sementara.

Antara ulama moden lain yang menyokong wakaf bertempoh ini ialah Sheikh Muhammad Anas bin Mustafa al-Zarqa, Sheikh Hasan Muhammad al-Rifa'ie, Majidah Mahmoud Huza'i, Yusuf Ibrahim Yusuf, Muhammad bin Yahya al-Najimi dan Muhammad bin Abdul Aziz bin Abdullah. Mereka berpendapat harus wakaf *muaqqat* kerana dapat menambah bilangan pewakaf dan jumlah harta yang boleh dimanfaatkan. Selain itu, wakaf *muaqqat* juga dapat menjamin prinsip takaful, iaitu saling membantu dalam masyarakat Islam.

Hujah Golongan yang Membenarkan Wakaf *Muaqqat*

1. *Sunnah an-Nabawiyyah*

إِنْ شِئْتَ حَبَسْتَ أَصْلَهَا وَتَصَدَّقْتَ بِهَا قَالَ فَعَمِلَ بِهَا عَمْرٌ
عَلَى أَنْ لَا يُبَاعَ أَصْلُهَا وَلَا يُوهَبَ وَلَا يُورَثَ.

Maksud: *Jika engkau mahu, wakafkanlah asetnya dan sedekahkanlah hasilnya. Maka Umar pun sedekahkan manfaatnya dengan syarat harta wakaf (mauquf) itu tidak boleh dijual beli, tidak dihibahkan dan tidak diwariskan (dipusakai).*

(Riwayat al-Bukhari, no. 2737)

Hadis Umar r.a ketika beliau mendapat tanah di Khaibar. Maka pernyataan pertama daripada sabda Rasulullah SAW ialah (*إن شئت*) yang bermaksud *jika engkau hendak*, menunjukkan bahawa wakaf boleh dilaksanakan berdasarkan kehendak pewakaf dan pelaksanaan wakaf tidak disempitkan dengan cara tertentu sahaja. Hal ini mengisyaratkan bahawa tidak diwajibkan untuk meletakkan syarat kekal pada setiap akad wakaf.

Pernyataan kedua diambil daripada sabda Rasulullah SAW, iaitu (*حبست أصلها*) yang bermaksud *tahanlah* (wakafkanlah) asetnya. Pernyataan ini menunjukkan kekal itu bukan syarat sah wakaf kerana wakaf boleh dilakukan secara kekal mahupun bertempoh, bergantung pada kehendak dan keperluan pewakaf.

Pernyataan ketiga daripada hadis ini ialah kata-kata Umar r.a, iaitu (*أنه لا يباع أصلها ولا يوهب ولا يورث*) bermaksud *harta wakaf itu tidak dijual beli, tidak dihibahkan dan tidak diwariskan*. Dalil ini menunjukkan wakaf *muaqqat* sah dan disabitkan dengan dalil daripada hadis yang sahih. Tambahan pula, tidak terdapat satu dalil pun yang menunjukkan larangan untuk melaksanakan wakaf secara bertempoh (Abu Zahrah, 1959).

2. Qias

Wakaf *muaqqat* tidak melucutkan hak pemilikan pewakaf terhadap harta itu secara mutlak kerana harta itu akan kembali kepada pewakaf setelah tamat tempoh wakaf. Namun, pewakaf perlu mengikut prinsip yang telah ditetapkan, iaitu tidak boleh menjual harta itu, tidak menghibahkan dan tidak

mewariskannya. Hal ini berdasarkan daripada perkataan (حبس) yang bermaksud “tahan” yang terdapat pada sabda Rasulullah SAW di dalam hadis tentang wakaf Umar r.a. Pernyataan ini juga menunjukkan bahawa pemilikan harta wakaf itu kekal menjadi milik pewakaf. Begitu juga dengan pernyataan (تصدقتهن) yang bermaksud *sedekahkanlah dengan harta wakaf itu*, yang menunjukkan harta wakaf boleh dimanfaatkan hasilnya oleh penerima wakaf (Al-Nawawi, 1999).

Hukum harus untuk berwakaf dan menginfakkan hasil daripada harta wakaf tersebut secara bertempoh adalah disabitkan dengan *qias* kerana `illahnya ialah mengeluarkan harta ke jalan kebaikan. Berdasarkan *qias* juga, wakaf merupakan perkataan yang menunjukkan pindah milik manfaat harta wakaf itu kepada penerima wakaf. Oleh itu, jika harus untuk mewakafkan manfaat daripada harta wakaf secara kekal, maka harus juga untuk mewakafkan manfaat secara bertempoh (Al-Sarakhsi, 1997).

3. *Dalil Aqli*

Wakaf *muaqqat* dan wakaf *muabbad* merupakan sebahagian daripada sedekah. Maka harus melaksanakan wakaf secara bertempoh sama seperti harus wakaf secara berkekalan kerana tiada dalil khas yang melarang wakaf *muaqqat*. Dalil pensyariatkan sedekah yang terdapat dalam al-Quran merupakan dalil yang bersifat umum. Bahkan, terdapat banyak kaedah untuk mengeluarkan harta ke jalan kebaikan seperti menyedekahkan sebahagian hasil daripada harta yang dimiliki secara kekal dan

menahan harta tersebut daripada sebarang transaksi jual beli. Maka, tidak boleh mengatakan wakaf berkekalan itu harus dan wakaf bertempoh itu tidak harus (Abu Zahrah, 1959).

Wakaf yang diamalkan terdahulu ialah wakaf *ta`bid*. Hal ini telah maklum dan dipersetujui pewakaf serta pewarisnya. Kini situasi dan keadaan harta yang hendak diwakafkan telah berubah dan dipelbagaikan fungsinya mengikut peredaran semasa. Maka wakaf bertempoh harus hukumnya untuk dilaksanakan ketika ini (Ahmad Ibrahim BUK, 1943).

PERBINCANGAN PERNYATAAN PANDANGAN YANG RAJIH (LEBIH KUAT)

Berdasarkan perbahasan *fuqaha* bagi wakaf *muaqqat*, penulis cenderung pendapat mengharuskan wakaf *muaqqat* dengan justifikasi yang berikut:

Hadis Berkenaan Umar r.a. Mewakafkan Tanah Miliknya di Khaibar

Hadis tentang Umar r.a. dan sabda Rasulullah SAW menunjukkan bahawa boleh untuk mewakafkan manfaat sesuatu harta itu selama-lamanya. Dalil tersebut tidak melarang untuk mewakafkan sesuatu manfaat secara sementara atau bertempoh. Golongan pertama tidak berhujah dengan potongan hadis Rasulullah SAW (إن شئت) yang menunjukkan isyarat bahawa wakaf ini dilakukan berdasarkan pilihan pewakaf. Dalil ini juga tidak menunjukkan bahawa syarat kekal itu wajib pada semua wakaf. Maka wakaf ini boleh dilakukan *muabbad* atau secara sementara berdasarkan kehendak dan kemaslahatan pewakaf dan penerima wakaf.

Lafaz yang lain daripada hadis tersebut ialah (لَا يَبَاعُ وَلَا يُوهَبُ وَلَا يُورَثُ), yang bermaksud *tidak boleh dijual beli, tidak dihibahkan (beri) dan tidak diwariskan (dipusakai)*. Berdasarkan *taqirir* Rasulullah SAW terhadap lafaz Umar r.a ini, ia menunjukkan Baginda membenarkan kehendak Umar r.a untuk berbuat demikian terhadap tanah yang diwakafkan. Akan tetapi, *taqirir* Rasulullah SAW ini tidak menunjukkan bahawa Baginda tidak bersetuju jika wakaf itu dilakukan secara bertempoh. Maka, kita juga tidak boleh untuk berpegang bahawa *taqirir* Rasulullah SAW menunjukkan pengharaman wakaf *muaqqat*.

Perbincangan di atas menunjukkan bahawa hujah daripada golongan kedua lebih kuat berbanding hujah golongan pertama. Kesimpulannya, wakaf *muaqqat* harus untuk diamalkan sebagaimana harus wakaf secara kekal (Muhamad Firdaus *et al.*, 2024).

Keharusan Mengguna Pakai Pandangan Mazhab Lain Selain Mazhab Syafie

Dalam konteks keharusan mengambil pandangan mazhab yang lain, perkara ini bukanlah perkara baharu, malah telah dilaksanakan dalam mengharuskan hukum wakaf tunai. Malah, Enakmen Wakaf secara jelas menyebut bahawa hukum syarak bermaksud pandangan Mazhab Syafie atau mana-mana mazhab yang lain, iaitu Hanafi, Maliki dan Hanbali. Selain itu, pandangan ulama seperti Imam al-Baijuri, ibn Suraij dan al-Nawawi juga boleh dijadikan asas bagi menyokong pengharusan wakaf bertempoh.

Pemilikan Terhadap Harta Wakaf Tidak Berubah Sepanjang Tempoh Pewakafan

Isu pengguguran hak milik harta tidak memberi kesan dan tidak diaplikasikan dalam wakaf *muaqqat* kerana konsep wakaf *muaqqat* terikat dengan suatu tempoh tertentu dan akan dikembalikan kepada pewakaf tersebut setelah tamat tempoh yang ditetapkan. Hal ini menunjukkan bahawa status pemilikan harta wakaf *muaqqat* kekal menjadi milik pewakaf kerana sepanjang tempoh wakaf berlangsung, harta tersebut tidak dibenarkan untuk dijual beli, dihibahkan dan diwarisi serta segala transaksi hanya boleh dilakukan selepas tamat tempoh wakaf.

Wakaf Merupakan Sebahagian daripada Sedekah

Wakaf ialah satu bentuk sedekah yang tidak disebutkan oleh syarak secara khusus tetapi terdapat banyak hadis yang menunjukkan pelbagai cara untuk menginfakkan harta dan tiada larangan untuk menginfak atau mewakafkan harta secara bertempoh. Namun, terdapat larangan membelanjakan harta wakaf sama ada dengan sebarang bentuk pertukaran atau selainnya ketika tempoh wakaf itu masih berjalan.

Keperluan kepada Berwakaf Secara Bertempoh

Prinsip wakaf *muaqqat* bukanlah satu prinsip yang bercanggah dengan prinsip wakaf kekal, malah ia bersesuaian dengan peredaran semasa. Hukum *furu'* ini akan berubah mengikut peredaran zaman dan keadaan setempat kerana *maslahah* dan wakaf *muaqqat* diperlukan pada masa kini. Hal ini

memandangkan masyarakat Muslim pada zaman dahulu tidak terlalu berhajat kepada wakaf *muaqqat* dan ia tidak dibincangkan secara terperinci (Monzer Kahf, 2000).

Wakaf *Muaqqat* Menyerupai Hukum *Istibdal*

Asal bagi sesuatu harta yang diwakafkan itu tidak berkekalan kerana harta ini boleh binasa atau rosak mengikut peredaran zaman. Oleh itu, para fuqaha mengharuskan *istibdal* pada harta wakaf bagi memperbaharui harta wakaf yang telah rosak atau lama dengan harta gantian yang baharu dan kaedah ini seakan-akan wakaf *muaqqat*.

Kesan Akad Bertempoh pada Penerima Harta Wakaf

Wakaf secara kekal disasarkan kepada penerima wakaf yang berkekalan seperti golongan fakir miskin dan jemaah masjid. Jika tujuan wakaf itu disasarkan kepada penerima yang bersifat tidak kekal seperti individu yang tertentu, anak-anaknya atau kaum kerabat, maka tujuan wakaf itu akan berakhir selepas sempurna tempoh masa yang ditetapkan. Perkara ini diharuskan oleh Abu Yusuf al-Hanafi dan sebahagian ulama Mazhab Syafie untuk melakukan wakaf kepada penerima wakaf yang tidak kekal.

Syarat-syarat Pewakaf dalam *Sighah* Wakaf

Asal di dalam syariat terhadap sesuatu akad adalah untuk menjaga akad tersebut selagi tidak bercanggah dengan syarak dan sesuatu yang boleh membatalkannya. Hal ini bertepatan dengan kaedah fiqah, iaitu:

شرط الواقف كنص الشارع.

Maksud: *Syarat yang ditetapkan oleh pewakaf adalah sama seperti nas syarak.*

(Ibn Nujaim, 1997)

Walaupun terdapat pendapat yang mengatakan bahawa berkekalan dan berterusan itu sebahagian daripada kesempurnaan wakaf, tidak dilarang jika pewakaf ingin mewakafkan sesuatu itu secara bertempoh.

PENUTUP

Wakaf *muaqqat* semakin mendapat perhatian para pengkaji berikutan prospek dan potensi yang ada padanya. Pandangan Mazhab Maliki dan segelintir al-Hanafiyah (khususnya Abu Yusuf) mengharuskan pelaksanaan wakaf bertempoh, atas asas ia tidak menyalahi tujuan berwakaf dan lebih menepati *maslahah* manusia. Karakteristik ini membuatkan wakaf *muaqqat* dilihat lebih fleksibel dan mudah untuk dibangunkan sekali gus meminimakan masalah harta wakaf yang tidak terurus. Justeru, wakaf jenis ini dipercayai mampu menarik lebih ramai pewakaf untuk mewakafkan harta mereka. Semakin banyak harta yang diwakafkan, dan semakin mudah ia untuk dibangunkan, bermakna semakin banyaklah manfaat dan kemaslahatan yang dapat dinikmati.

RUJUKAN

- Muhammad Abu Zahrah. (1959). *Muhadarah fi al-waqf*. Kaherah: Dar al-Fikr al-‘Arabi.
- Ahmad Ibrahim BUK. (1943). *Kitab al-waqf*. Kaherah: Maktabah Abdullah Wahbah.
- Ibrāhīm ibn Muḥammad Al-Bajuri (2016). *Hashiyat al-Bajuri ‘ala sharh al-‘Allamah ibn Qasim al-Ghazzi ‘ala matn Abi Shuja*, (Tahqiq: Mahmud salih Ahmad Hasan al-Hadidi. Jil. 3, cet.1). Jeddah: Dar al-Minhaj.
- Al-Buhuti, M. ibn Yunus. (t.t.). *Kassyaf al-qina‘ ‘an matn al-iqna‘* (Jil.4). Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Dardir. A.A. (t.t.). *Al-sharh al-kabir*. (Jil.4). Kaherah: Dar Ihya al-Kutub al-Arabiyah.
- Al-Dusuqi, Muhammad bin Ahmad. (n.d.). *Hasyiyah al-dusuqi ‘ala al-syarh al-kabir*. (Jil.4). Dar al-Fikr.
- Al-Majlis al-A‘la li Shu‘un. al-Islamiyyah. (1980). *Fatawa al-Azhar wa Dar al-Ifta‘ imiah aam*. Kaherah: Dar al-Ifta.
- Al-Mardawi. (1995). *Al-insaf fi ma‘rifat al-rajih min al-khilaf*. (Tahqiq: Muḥammad Ḥamid al-Fiqi, Jil. 7, cet. 2). Beirut: Dar al-Ihya al-Turath al-Arabi.
- Al-Mawardi, Abu al-Hasan. (1999). *Al-hawi al-kabir fi fiqh mazhab al-Imam al-Syafi‘i*, (Jil. 7, cet. 1). Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Nawawi. (1999). *Raudhat al-tholibin* (Jil. 4). Riyadh: Dar ‘Alam al-Kutub.
- Al-Šawkānī. (1993). *Fathu al-Qadīr*. Damascus: al-Qalam al-Ṭayyib
- Al-Shīrazi (1992). *Al-muhadzab fi fiqh al-Imam Al-Shafi‘i* (1st ed.). Beirut: Dar Al-Shamiyyah
- Al-Shaibani & Al-Sarkhasi, (1998). *Sharḥ kitab al-sīr al-kabir* (1s ed.). Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Al-Sarakhsi, Muhammad b. Ahmad b. Abi Sahl Abu Bakr. (1997). *Al-mabsut* (Jil.12). Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Sowi, Abu al-‘Abba. (t.t.). *Hasyiah al-Sowi ‘ala al-syarh al-soghir* (Jil.4). Dar al-al-Ma‘arif.
- Al-Syirbini. M. A. (2022). *Mughni al-muhtaj ila ma‘rifat ma‘aii alfaz al-minhaj*. Beirut: Dar al-Faiha’.
- Al-Zarqa, Mustafa Ahmad. (1997). *Ahkam al-awqaf*. ‘Amman: Dar ‘Ammar.
- Asmak Ab Rahman. (2009). Peranan wakaf dalam pembangunan ekonomi umat Islam dan aplikasinya di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 17(1), 113 – 152.

- Burhan al-Din al-Bukhari, Abu al-Ma'ali Mahmud ibn Ahmad. (2004). *Al-muhit al-Burhani fi al-fiqh al-Nu'mani*. (Tahqiq: 'Abd al-Karim Sami al-Jundi. Jil.6). Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Ibn 'Abidin, Muhammad Amin bin 'Umar bin 'Abd al-'Aziz. (1992). *Radd al-mukhtar 'ala al-durr al-mukhtar* (Jil.4. Cet.2). Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn al-Humam, Kamal al-Din. (t.t.). *Sharh fath al-qadir*. (Jil.6). Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Qudamah (1997). *Al-sharh al-kabir 'ala al-mughni*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Taymiyyah. (t.t.). *Al-fatwa al-kubra* (Jil. 4). Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Nujaim. (1997). *Al-bahr al-ra'iq fi syarh kanzu al-daqa'iq*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Monzer Kahf. (2000). *Al-waqf al-Islami: Tatawwuruhi wa-idaratuhu wa-tanmiyatuhu*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Muhammad Firdaus Ab Rahman, Hussein 'Azeemi Abdullah Thaidi, Farhana Mohamad Suhaimi, Siti Farahiyah Ab Rahim (2024). Proposed temporary waqf model for family waqf implementation in Malaysia. *Journal of Islamic Accounting and Business Research* 15 (1): 56 – 78. <https://doi.org/10.1108/JIABR-04-2022-0098>
- Muhammad Tahir Sabit dan Mar Iman Abdul Hamid, (2006). Obstacles of the current concept of waqf to the development of waqf properties and the recommended alternative, *Malaysian Journal of Real Estate*, 1, pp. 27 – 38.
- Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). (2021). *Terjemahan Sahih al-Bukhari* (Jil. 3, Cet. 1). Shah Alam: Ultimate Print Sdn. Bhd.
- Zakariyya bin Muhammad bin Ahmad Zakariyya al-Ansori. (1994). *Fath al-wahab bi syarh manhaj al-tullab* (Jil.1). Beirut: Dar al-Fikr.



PERUNDANGAN DAN FATWA BERKAITAN WAKAF *MUAQQAT* DI NEGARA ISLAM

Izham Hakimi Redzan

PENDAHULUAN

Wakaf ialah suatu bentuk amalan kebajikan yang diperkenalkan dalam perundangan Islam yang merangkumi segala bentuk kebaikan, kebajikan, ihsan serta semua jenis bentuk solidariti, belas kasihan dan kerjasama selagi mana tidak ditegah oleh syarak. Hikmah daripada pensyariatan wakaf adalah untuk menampung keperluan golongan yang memerlukan, menjaga kebajikan orang sakit, membela golongan yang lemah, membantu mereka dalam pembangunan kemampuan ekonomi atau sosial serta menyokong sesiapa yang ingin memperkukuh pengetahuan atau kemahiran. Kebajikan wakaf secara khusus meliputi semua golongan yang memerlukan sama ada Muslim atau bukan Muslim, kaya ataupun miskin, yang dekat mahupun jauh. Begitu juga faedah wakaf merangkumi seluruh bidang kehidupan dan lapisan masyarakat, bahkan manfaatnya turut meluas termasuk kepada haiwan (al-Naji Lamin, 2012).

Firman Allah SWT dalam *Surah al-Hajj*:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَزْكِعُوا أَنفُسَكُمْ وَأَسْجُدُوا وَاعْبُدُوا رَبَّكُمْ
وَأَفْعَلُوا الْخَيْرَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٧٧﴾

Maksud: *Wahai orang-orang yang beriman! Rukuklah kamu, sujudlah dan sembahlah Tuhan kamu, serta lakukanlah kebaikan, mudah-mudahan kamu beroleh kejayaan.*

(*Surah al-Hajj 22: 77*)

Maka firman Allah SWT وَأَفْعَلُوا الْخَيْرَ “lakukanlah kebaikan” termasuklah amalan berwakaf. Dengan itu kita dapat melihat bahawa wakaf ialah sebuah konsep kebajikan dalam agama Islam yang menyeluruh dan membawa kepada matlamat yang mulia. Selain itu juga, wakaf merupakan suatu landasan yang kukuh dalam membina keamanan dan keharmonian. Seterusnya, ia juga merupakan satu instrumen pengukur kejayaan dan tahap kemajuan individu, masyarakat dan negara (al-Naji Lamin, 2012).

Perkara yang disebut dapat dibuktikan dari segi jenis wakaf. Dari satu sudut, wakaf boleh dikelaskan kepada dua jenis:

Pertama: Wakaf *ahli* yang dikenali sebagai wakaf *zurri*, wakaf khas atau wakaf *al-mu'awqqat*. Wakaf *ahli* merupakan harta yang diwakafkan kepada individu tertentu yang mana kebiasaannya terdiri daripada kalangan keturunan pewakaf sendiri. Tujuan utamanya adalah untuk menyediakan sumber tetap kepada penerima manfaat wakaf tersebut sebagai jaminan supaya tidak berlaku kemiskinan pada masa hadapan.

Kedua: Wakaf *khairi* atau wakaf am. Ia merujuk kepada harta yang diwakafkan untuk kepentingan umum dan disalurkan kepada pelbagai bentuk kebajikan, sesuai dengan syarat-syarat yang ditetapkan oleh pewakaf. Bentuk wakaf ini merangkumi

institusi keagamaan, sosial dan kebudayaan seperti masjid, sekolah dan hospital. Dalam erti kata yang lain, inilah wakaf yang disalurkan kepada bidang kebajikan umum dan wakaf jenis ini adalah yang paling bermanfaat serta paling luas faedahnya (al-Naji Lamin, 2012).

Dalam merealisasikan tujuan pensyariatkan wakaf yang merupakan sebuah instrumen kebajikan yang bersifat umum di samping wakaf *muabbad*, wakaf *muaqqat* juga memainkan peranan penting dalam membantu mencapai tujuan ini khususnya pada masa kini. Sehubungan itu, artikel ini cuba untuk menjawab beberapa persoalan berkenaan wakaf *muaqqat* yang merupakan keperluan bagi memperkasakan industri wakaf pada masa kini, antaranya:

1. Apakah keperluan wakaf *muaqqat* pada masa sekarang?
2. Apakah pendapat ulama kontemporari dan institusi-institusi agama berkenaan isu wakaf *muaqqat*?
3. Apakah wakaf *muaqqat* diterima pakai di negara-negara Islam?
4. Bagaimana boleh melihat pengalaman berkenaan perundangan wakaf *muaqqat* di luar negara yang boleh diambil faedah dalam memperkasakan wakaf di Malaysia?

KEPERLUAN WAKAF *MUAQQAT* PADA MASA SEKARANG

Apabila dilihat kepada perubahan ekonomi semasa, khususnya pada era pasca COVID-19, beberapa kajian menunjukkan bahawa penetapan tempoh dalam wakaf dapat memenuhi pelbagai kemaslahatan dan kebaikan (Ahmad, 2006). Terdapat

banyak keperluan dalam wakaf bersifat bertempoh (*muaqqat*) yang tidak memerlukan kepada berkekalan (*ta'bid*). Antaranya:

1. Penjagaan fakir miskin;
2. Kebajikan berbentuk pendidikan;
3. Kebajikan perubatan; dan
4. Kebajikan tempat tinggal.

Ada juga sebahagian wakaf yang bersifat *ta'bid* seperti masjid, madrasah dan kubur yang kadangkala memerlukan kepada penetapan tempoh tertentu pada kes-kes tertentu (Abu Khayr, 2020). Antara keperluan kepada wakaf *muaqqat* pada masa sekarang adalah seperti berikut:

1. Wakaf *muaqqat* sesuai dengan golongan masyarakat pada masa kini khususnya golongan kaya. Hal ini kerana kekayaan pada hari ini tidak lagi terbatas pada pemilikan hartanah dan tanah semata-mata. Sumber kekayaan kini turut merangkumi aset alih seperti simpanan tunai di bank, saham, bon dan sebagainya. Oleh itu, wakaf *muaqqat* dapat merealisasikan maslahat untuk pewakaf, penerima manfaat wakaf dan juga masyarakat;
2. Wakaf *muaqqat* mengambil kira pewakaf dan keadaannya, aset wakaf serta keperluan dan kemaslahatan penerima manfaat wakaf. Ia juga memberi perhatian kepada keterjaminan aset wakaf dan keupayaannya untuk terus memberi manfaat sepanjang tempoh ia diwakafkan;
3. Wakaf *muaqqat* ialah suatu bentuk galakan berbuat kebajikan dan dorongan bagi mewujudkan inisiatif baharu untuk

memudahkan para pewakaf melakukan kebajikan. Terdapat kaedah dalam agama dikenali sebagai:

رَفْعُ الْحَرْجِ عَنِ الْمُحْسِنِينَ.

Maksud: *Mengangkat kesusahan dari golongan yang ingin melakukan kebajikan.*

Perkara ini juga sesuai sebagaimana firman Allah SWT dalam *Surah at-Taubah*:

... مَا عَلَى الْمُحْسِنِينَ مِنْ سَبِيلٍ ...

Maksud: ... *Tidak ada jalan (kesalahan) atas orang-orang yang berbuat kebaikan ...*

(*Surah at-Taubah* 9: 91)

Oleh yang demikian, penetapan tempoh dalam wakaf seharusnya ditentukan berdasarkan kehendak pewakaf itu sendiri atau kepada sifat harta yang diwakafkan, atau kepada jenis tujuan wakaf tersebut (Monzer Kahf, t.t.).

4. Wakaf *muaqqat* memberikan pelbagai bentuk fleksibiliti (al-murunah) dan kemudahan yang merangkumi pelbagai aspek amal kebajikan serta manfaat kepada umat Islam pada masa hadapan. Terdapat banyak keperluan yang secara khususnya pada zaman sekarang bersifat bertempoh dan tidak memerlukan kepada berkekalan (Monzer Kahf, t.t.); dan
5. Wakaf *muaqqat* juga dapat menambah bilangan pewakaf yang akhirnya membawa kepada pertambahan jumlah penerima manfaat wakaf. Hal ini sekali gus merealisasikan prinsip tolong-menolong dalam masyarakat (al-takaful al-ijtima'i) yang merupakan salah satu prinsip agung Islam

serta membantu memenuhi sebahagian keperluan asas dan keperluan hidup bagi kelompok besar daripada golongan yang memerlukan di samping meringankan beban pihak kerajaan (Majida Hazza', 2006). Inilah *maqasid syariah* daripada daripada 'uqud al-tabarru'at (kontrak-kontrak derma dan sumbangan) seperti hibah, hadiah, wasiat sedekah dan wakaf yang diinginkan padanya untuk membuka ruang bagi memperluaskan kontrak-kontrak wakaf agar dapat merangkumi pelbagai perkara baharu yang timbul selaras dengan keperluan masyarakat Islam kontemporari. Perkara ini telah disebutkan oleh Sheikh Maqasid Ibn 'Ashur (2004) dalam kitabnya bertajuk *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyah*:

التَّكْثِيرُ مِنْهَا لِمَا فِيهَا مِنَ الْمَصَالِحِ الْعَامَّةِ وَالْخَاصَّةِ،
وَأَنْ تَكُونَ التَّبَرُّعَاتُ صَادِرَةً عَنْ طَيْبِ نَفْسٍ لَا يُخَالِجُهَا
تَرَدُّدٌ، لِأَنَّهَا مِنَ الْمَعْرُوفِ وَالسَّخَاءِ، وَالتَّوَسُّعِ فِي أَنْعَادِهَا
حَسَبَ رَغْبَةِ الْمُتَبَرِّعِينَ، وَأَنْ لَا يُجْعَلَ التَّبَرُّعُ ذَرِيعَةً إِلَى
إِضَاعَةِ مَالِ الْغَيْرِ مِنْ حَقِّ وَارِثٍ أَوْ دَائِنٍ.

Maksud: *Memperbanyakkan (kontrak-kontrak derma) kerana padanya terdapat kepentingan umum dan khusus. Hendaklah juga sumbangan itu lahir daripada kerelaan hati tanpa dicampuri keraguan kerana ia termasuk dalam perbuatan baik dan kemurahan hati. Begitu juga memperluaskan pelaksanaan akad tersebut mengikut kehendak para penyumbang, serta tidak menjadikan sumbangan itu sebagai alasan untuk mensia-siakan harta orang lain sama ada hak waris ataupun hak pemiutang.*

FATWA BERKAITAN WAKAF *MUAQQAT* DI NEGARA ISLAM

Berdasarkan apa yang dibincang berkaitan kepentingan wakaf *muaqqat* pada masa kini, fatwa-fatwa di luar negara dan negara-negara Islam juga menekankan peranan penting wakaf *muaqqat*. Antara ulama kontemporari yang menfatwakan keharusan wakaf *muaqqat*:

1. **Muhammad Abu Zuhrah (1971)** yang merupakan ulama dalam bidang fiqh dan pada masa yang sama dalam bidang undang-undang berpendapat bahawa keharusan wakaf *muaqqat* adalah suatu yang sesuai dengan roh syariat Islam:

رَأَيْنَا أَنَّ الْأَكْثَرِيَّةَ قَالُوا بِأَنَّ التَّأْيِيدَ جُزْءٌ مِنْ مَعْنَى الْوَقْفِ
وَمَفْهُومِهِ، إِلَّا أَنَّ الْقَلَّةَ مِنَ الْفُقَهَاءِ رَأَتْ أَنَّ التَّأْيِيدَ لَيْسَ
جُزْءًا مِنْ مَعْنَى الْوَقْفِ، فَيَجُوزُ مُوقَّتًا وَمُؤَبَّدًا مَعًا، وَهَؤُلَاءِ
الْقَلَّةُ اسْتَمَدُّوا رَأْيَهُمْ مِنْ مَعَانِي الشَّرِيعَةِ وَمَغْزَاهَا، وَهِيَ
بِهَذَا اسْتِعَاضَتْ عَنْ قَلَّةٍ عَدَدَهَا بِقُوَّةِ دَلِيلِهَا، كَمَا أَنَّ مِنْ
هَذِهِ الْقَلَّةِ إِمَامًا جَلِيلًا، هُوَ مِنْ أَيْمَةِ الرَّأْيِ وَعِلْمَاءِ السُّنَّةِ
الْإِمَامُ مَالِكٌ، فَجَوَّازُ تَوْقِيتِ الْوَقْفِ مَعَ قُوَّةِ دَلِيلِهِ قَدْ زَادَ
قُوَّةَ فَوْقَ قُوَّتِهِ أَنَّهُ قَوْلُ مِمَّنْ لَا يَحِيدُ عَنِ السُّنَّةِ قَيْدَ أُنْمُلَةٍ،
وَمَنْ يَدْرِكُ الْوُجُوهَ السَّلِيمَةَ.

Maksud: Kami mendapati bahawa majoriti ulama berpendapat bahawa *ta'bid* (wakaf berbentuk kekal) adalah sebahagian daripada makna dan konsep wakaf. Namun, sebahagian kecil daripada ulama fiqh berpendapat bahawa *ta'bid* bukanlah

sebahagian daripada makna wakaf (dan konsepnya). Oleh yang demikian, wakaf boleh berlaku secara bertempoh ataupun kekal. Golongan minoriti ini (ulama bermazhab Maliki) mengambil pandangan mereka bersandarkan maqasid dan tujuan syariah (daripada pensyariatan wakaf). Dengan itu, mereka telah menggantikan bilangan mereka yang sedikit (minoriti) dengan kekuatan dalil (hujah) yang mereka kemukakan. Bahkan, dalam kalangan minoriti ini terdapat seorang imam agung, daripada kalangan imam Ahl al-Ra'yi (golongan ulama berfikiran rasional) dan ulama Sunnah, iaitu Imam Malik. Maka, keharusan meletakkan tempoh dalam wakaf, di samping kekuatan dalilnya telah bertambah lagi kekuatannya kerana ia adalah pendapat seorang yang tidak menyimpang daripada sunnah walaupun sebesar hujung jari dan seorang yang memahami cara-cara istidlal (sumber-sumber penghujahan) dengan sebaik-baiknya.

Selain fatwa dan pendapat ulama secara individu, wakaf *muaqqat* juga mendapat perhatian para ulama fiqah di dunia Islam yang berada di bawah institusi fatwa dengan kepersepakatan yang berbentuk kolektif ataupun dikenali juga sebagai *al-fatwa al-jama'iyah* ataupun *al-ijtihad al-jama'i* dalam melihat keharusan wakaf *muaqqat* dan kepentingannya untuk menangani isu semasa.

2. Majma' al-Fiqh al-Islami al-Dauli

Dalam persidangan ke-19 Majlis Majma' al-Fiqh al-Islami ad-Dauli yang bernaung di bawah Pertubuhan Persidangan Islam

di Emiriah Arab Bersatu pada 1 hingga 5 Jamadil Awal 1430H, bersamaan 26 April hingga 30 April 2009, pada resolusi No: 181 (19/7) mengenai wakaf saham, sukuk, hak-hak intelektual dan manfaat disebutkan:

يُقَصَّدُ بِالتَّوْقِيْتِ أَنْ يَكُونَ لِلْوَقْفِ مَدَّةٌ يَنْتَهِي بِانْقِضَائِهَا،
وَيَجُوزُ التَّوْقِيْتُ بِإِرَادَةِ الْوَاقِفِ فِي كُلِّ أَنْوَاعِ الْمَوْقُوفَاتِ.

Maksud: *Dimaksudkan dengan penetapan tempoh (bagi wakaf) adalah menjadikan wakaf itu mempunyai jangka masa tertentu yang akan berakhir dengan tamatnya tempoh tersebut. Dibenarkan penetapan tempoh itu mengikut kehendak pewakaf dalam semua jenis harta wakaf.*

3. Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (AAOIFI)

Dalam *Shariah Standards 33: Waqf* (2008), perkara: 3/1/4 menyebutkan:

In principle waqf should be eternal. Nevertheless, temporary waqf is also permissible when the donor desires to get back his property after a specific period.

Maksud: Pada prinsipnya, wakaf seharusnya bersifat kekal. Namun demikian, wakaf sementara juga dibenarkan apabila pewakaf berkehendak untuk mendapatkan semula hartanya selepas tempoh tertentu.

(Shariah Standards, 2019)

Selain itu, AAOIFI telah meletakkan piawaian pelaksanaan wakaf *muqqat* yang menyeluruh merangkumi wakaf tunai, *sukuk* dan tabung pelaburan wakaf.

WAKAF TUNAI BERTEMPOH

Perbincangan wakaf tunai oleh AAOIFI ada memperincikan berkenaan wakaf sementara akaun pelaburan. Disebutkan dalam perkara 2/4/13/2:

يَجُوزُ وَقْفُ الْحِسَابَاتِ الْاِسْتِمَارِيَّةِ عَلَى سَبِيلِ التَّأْيِيدِ أَوْ
التَّقْيِيتِ، وَيَجْرِي عَلَيْهَا أَحْكَامُ وَقْفِ النُّقُودِ.

Maksud: *Harus mewakafkan akaun-akaun pelaburan secara kekal atau sementara, dan ia tertakluk kepada hukum-hakam wakaf tunai.*

(Shariah Standards, 2019)

Perincian ini menyebutkan aset wakaf itu ialah bilangan wang yang telah diwakafkan pada tempoh yang telah dihadkan dan susut nilai masa wang tidak akan memberi kesan kepada jumlah wang yang diwakafkan secara bertempoh dan ketika proses pengembalian. Dengan erti kata lain, jumlah wang yang diwakafkan itu ialah jumlah yang sama akan dikembalikan kepada pemberi wakaf. Ini dapat dilihat pada perkara 2/4/13/3 dan 2/4/13/4 daripada Shariah Standards:

إِذَا اسْتُمِرَّتِ النُّقُودُ الْمَوْقُوفَةُ فِي شِرَاءِ أُصُولٍ، فَإِنَّ
تِلْكَ الْأُصُولَ لَا تَكُونُ وَقْفًا بَعَيْنِهَا مَكَانَ النُّقْدِ، وَيَجُوزُ

يَبْعُهَا لِلِاسْتِثْمَارِ الْأَكْثَرِ مَصْلَحَةً لِلْوَقْفِ، وَيَكُونُ الْأَصْلُ
الْمَوْقُوفُ هُوَ الْمَبْلُغُ النَّقْدِيُّ.

Maksud: Apabila wang wakaf dilaburkan untuk membeli aset, maka aset tersebut tidak menjadi aset wakaf (pada hakikatnya) bagi menggantikan wang tunai itu. Ia boleh dijual untuk pelaburan lain yang lebih memberi manfaat kepada wakaf dan harta asal yang diwakafkan tetaplah jumlah wang tunai tersebut.

(Shariah Standards, 2019)

وَيَعُدُّ النَّقْدُ الْمُسَمَّى وَقْتَ الْوَقْفِ هُوَ الْأَصْلُ الْمَوْقُوفَ،
وَلَا أَثَرَ لِتَغْيِيرِ الْقُوَّةِ الشَّرَائِيَّةِ عَلَى قِيَمَةِ الْأَصُولِ النَّقْدِيَّةِ
الْمَوْقُوفَةِ، وَيَجُوزُ لِلْوَقْفِ أَنْ يَشْتَرِطَ أَنْ يَلْحَقَ جُزْءٌ مِنْ
رِيعِ الْوَقْفِ بِالْأَصْلِ النَّقْدِيِّ الْمَوْقُوفِ.

Maksud: Wang tunai yang ditentukan pada waktu wakaf itu dianggap sebagai aset asal wakaf, dan perubahan kuasa beli (susut nilai) tidak memberi sebarang kesan terhadap nilai wang tunai yang diwakafkan. Pewakaf juga dibenarkan untuk mensyaratkan supaya sebahagian daripada hasil wakaf dijadikan sebagai aset wakaf tunai asal yang diwakafkan.

(Shariah Standards, 2019)

WAKAF SUKUK BERTEMPOH

Dalam *Shariah Standards* 2/4/15/1 juga mengetengahkan panduan untuk mewakafkan sukuk bersifat bertempoh:

وَإِنْ كَانَ وَقْفُ الصُّكُوكِ أَوْ وَحَدَاتِ الصَّنَادِيقِ
الاسْتِثْمَارِيَّةِ عَلَى سَبِيلِ التَّأْقِيتِ، فَتُصَرَّفُ التَّوْزِيعَاتُ
الدَّوْرِيَّةُ فِي مَصَارِفِ الْوَقْفِ، مَعَ مُرَاعَاةِ الْآتِي ...

Maksud: *Sekiranya wakaf sukuk atau unit dana pelaburan dibuat secara bertempoh, maka agihan berkala hendaklah disalurkan kepada tujuan-tujuan wakaf, dengan mengambil kira perkara-perkara berikut ...*

(Shariah Standards, 2019)

PERUNDANGAN BERKAITAN WAKAF *MUAQQAT* DI NEGARA ISLAM

Perundangan penting dalam melaksanakan hukum Islam kerana ia membentuk kerangka kerja rasmi untuk memastikan undang-undang syariah dapat dilaksanakan secara sistematik dan teratur, menjamin keadilan dan keamanan dalam masyarakat, serta memastikan kesesuaian ajaran Islam dengan keadaan semasa dan tempat melalui penggubalan dan pemodenan undang-undang syariah.

Begitu juga isu berkenaan wakaf *muaqqat*, walaupun dari segi teorinya sudah cukup untuk membuktikan keperluan dalam memperkasakan wakaf dengan elemen wakaf *muaqqat*,

tetapi antara faktor yang memberi peranan penting dalam merealisasikan isu ini adalah dengan wujudnya undang-undang.

Antara negara Islam yang mengiktiraf wakaf *muaqqat* adalah seperti berikut:

1. Undang-undang Wakaf Kuwait 1951 (Perkara 13)

وَقَفَّ الْمَسْجِدِ وَالْمَقْبَرَةِ وَمَا وَقَفَّ عَلَيْهِمَا لَا يَكُونُ إِلَّا مُؤَبَّدًا، وَمَا عَدَاهُ مِنَ الْوَقْفِ يَجُوزُ أَنْ يَكُونَ مُؤَقَّتًا أَوْ مُؤَبَّدًا، وَإِذَا أُطْلِقَ كَانَ مُؤَبَّدًا، وَيَجُوزُ لِلْوَقْفِ تَأْقِيتُ وَقْفِهِ الصَّادِرِ قَبْلَ الْعَمَلِ بِهَذَا الْقَانُونِ مَتَى كَانَ لَهُ حَقُّ الرَّجُوعِ.

Maksud: *Wakaf masjid, perkuburan atau apa-apa yang berkaitan dengan keduanya mestilah dalam bentuk kekal, manakala selain daripadanya boleh dilakukan dalam bentuk kekal ataupun bertempoh. Jika wakaf dilakukan secara mutlak, maka ia bermaksud wakaf kekal. Dan dibenarkan bagi pewakaf untuk menetapkan tempoh bagi wakafnya yang dibuat sebelum penguatkuasaan undang-undang ini, selagi dia (pewakaf) mempunyai hak untuk menarik balik (wakaf tersebut).*

(Al-Qanun al-Khas, 1951)

2. Al-Qanun al-Istirshadi li al-Waqf Kuwait 2014 (Perkara 65)

إِذَا كَانَ الْوَقْفُ الْخَيْرِيُّ وَالْحِصَّةُ الْخَيْرِيَّةُ فِي الْوَقْفِ الْمَشْتَرَكِ مُؤَقَّتَةً، فَيَتِمُّ تَحْدِيدُ تَوْقِيتِهَا بِالزَّمَنِ الَّذِي لَا يَجِبُ أَنْ يَقِلَّ عَنْ خَمْسِ سَنَوَاتٍ ...



Maksud: *Jika wakaf tersebut ialah wakaf khairi (wakaf am) dan sebahagian daripada wakaf musytarak ialah wakaf khairi yang bersifat bertempoh, maka tempoh wakaf tersebut hendaklah tidak kurang dari 5 tahun ...*

(Al-Qanun al-Istirshadi, 2014)

3. Undang-undang Wakaf No. 41 Indonesia 2004 (Bab 1, Fasal 1)

“Wakaf ialah perbuatan hukum waqif untuk memisahkan dan/atau menyerahkan sebahagian harta benda miliknya untuk dimanfaatkan selamanya atau untuk jangka waktu tertentu sesuai dengan kepentingannya dalam keperluan ibadah dan/atau kesejahteraan umum menurut syariah”.

4. Undang-undang (14) Berkenaan Pengurusan Wakaf dan Hibah di Emiriah Dubai 2017 (Perkara 7)

يَكُونُ الْوَقْفُ مُؤَقَّتًا وَفَقًا لِلْمُدَّةِ الَّتِي يُحَدِّدُهَا الْوَأَقِفُ فِي
إِشْهَادِ الْوَقْفِ، وَيَجِبُ أَلَّا تَقِلَّ هَذِهِ الْمُدَّةُ عَنْ سَنَةٍ وَاحِدَةٍ.

يَكُونُ الْوَقْفُ مُؤَبَّدًا فِي الْأَحْوَالِ التَّالِيَةِ:

- إِذَا تَضَمَّنَ إِشْهَادُ الْوَقْفِ نَصًّا صَرِيحًا بِأَنَّهُ مُؤَبَّدٌ.
- وَقْفُ الْمَسْجِدِ.
- وَقْفُ الْمَقْبَرَةِ.
- الْوَقْفُ الَّذِي لَمْ يَتَضَمَّنْ إِشْهَادُ الْوَقْفِ الصَّادِرُ بِهِ عَلَى مُدَّةٍ مُحَدَّدَةٍ.

Maksud: *Wakaf bertempoh berlaku mengikut kepada tempoh yang telah ditetapkan oleh pewakaf ketika melakukan wakaf, namun tempoh tersebut hendaklah tidak kurang dari setahun.*

Wakaf kekal pula berlaku dalam keadaan di bawah:

- *Pewakaf menyebut dengan jelas bahawa ia adalah wakaf kekal;*
- *Wakaf untuk masjid;*
- *Wakaf untuk perkuburan;*
- *Wakaf yang tidak ditetapkan tempoh tertentu.*

(Al-Qanun Emiriah Dubai, 2017)

Manakala dalam undang-undang (8) pada tahun 2018 berkenaan pengurusan wakaf di Emiraah Sharjah menyebutkan tempoh tertentu bagi wakaf *muaqqat*:

إِذَا كَانَ الْوَقْفُ مُؤَقَّتًا فَلَا تَتَجَاوَزِ الْمُدَّةَ حَمْسِينَ سَنَةً مِنْ
تَارِيخِ الْإِنْشَاءِ، وَإِذَا وَقِّتَ الْوَقْفُ الْأَهْلِيُّ فَلَا يَكُونُ عَلَى
أَكْثَرَ مِنْ طَبَقَتَيْنِ.

Maksud: *Jika wakaf itu dilaksana secara bertempoh, maka ia tidak boleh melebihi tempoh 50 tahun dari tempoh ia dilaksanakan. Manakala bagi wakaf ahli atau wakaf zurri, maka ia hendaklah tidak melebihi dua tabaqat.*

(Al-Qanun al-Ittihadi, 2018)

Adapun dalam al-Qanun al-Ittihadi Emiriah Arab Bersatu (UAE) telah mentakrifkan waqaf *muaqqat*, berbeza dengan undang-undang wakaf di negara lain yang hanya menyebut

wakaf *muaqqat* adalah sejenis bentuk wakaf. Hal ini dapat dilihat dalam *al-Qānūn al-Ittiḥādī* pada perkara yang ke-4 dalam penerangan bentuk wakaf dan jenis-jenisnya:

الْوَقْفُ الْمُؤَقَّتُ: وَهُوَ أَيُّ وَقْفٍ يُحَدِّدُ لَهُ الْوَاقِفُ مُدَّةً مُحَدَّدَةً أَوْ طَبَقَةً مُعَيَّنَةً مِنْ ذُرِّيَّتِهِ، وَذَلِكَ وَفَقِ الصَّوَابِطِ وَالشُّرُوطِ الَّتِي يُحَدِّدُهَا اللَّائِحَةُ التَّنْفِيزِيَّةُ لِهَذَا الْقَانُونِ.

Maksud: *Wakaf muaqqat bermaksud sebarang bentuk wakaf yang ditetapkan oleh pewakaf akan tempoh tertentu atau dihadkan kepada satu generasi tertentu daripada keturunannya, menurut garis panduan dan syarat yang ditetapkan oleh peraturan pelaksanaan undang-undang ini.*

(Al-Qanun al-Ittiḥadi, 2018)

5. Undang-undang Wakaf Lubnan 1948 (Perkara 48)

Menurut Abu Zahrah (1971), perundangan wakaf Mesir diambil daripada Undang-undang Wakaf Lubnan dengan menyatakan bahawa wakaf *muaqqat* hendaklah tidak melebihi 60 tahun, manakala wakaf masjid mestilah bersifat kekal dan tidak boleh diletakkan tempoh masa tertentu. Beliau juga menyimpulkan bahawa wakaf *muaqqat* dan *muabbad* boleh dikategorikan kepada tiga bahagian, iaitu:

- (a) Wakaf *muabbad*, iaitu wakaf masjid;
- (b) Wakaf *muaqqat*, iaitu wakaf *zurri* seperti yang dinyatakan dalam Undang-undang Wakaf Lubnan; dan
- (c) Harus wakaf secara bertempoh atau kekal, iaitu wakaf untuk kebajikan.

6. Mudawwanah al-Awqaf Maghribi 2010

Perkara 1:

الْوَقْفُ كُلُّ مَالٍ حُسِبَ أَصْلُهُ بِصَفَةِ مُؤَبَّدَةٍ أَوْ مُؤَقَّتَةٍ،
وُخْصِصَتْ مَنَفَعَتُهُ لِفَائِدَةٍ جِهَةً بَرًّا وَإِحْسَانٍ عَامَّةٍ أَوْ خَاصَّةٍ،
وَيَتِمُّ إِنشَاؤُهُ بِعَقْدٍ أَوْ بِوَصِيَّةٍ أَوْ بِقُوَّةِ الْقَانُونِ.

Maksud: *Wakaf ialah setiap harta yang diinfakkan secara ditahan hak miliknya sama ada secara kekal (muabbad) atau bertempoh (muaqqat), dan manfaatnya diperuntukkan kepada tujuan kebajikan dan ihsan, sama ada bersifat umum atau khusus. Wakaf boleh diwujudkan melalui akad, wasiat atau secara perundangan.*

Perkara 23:

يَجُوزُ أَنْ يَكُونَ الْوَقْفُ مُؤَبَّدًا أَوْ مُؤَقَّتًا.

Maksud: *Wakaf boleh terjadi dalam bentuk berkekalan dan bertempoh.*

Perkara 49:

يَنْقُضِي الْوَقْفُ فِي الْحَالَتَيْنِ التَّالِيَتَيْنِ: إِذَا انصَرَمَتْ مُدَّةُ
الْوَقْفِ الْمُؤَقَّتِ ...

Maksud: *Wakaf akan berakhir ketika mana berlaku salah satu daripada dua perkara: Jika tamat tempoh wakaf bertempoh ...*

(Mudawwanah al-Awqaf, 2010)

7. Undang-undang 01 – 07 Berkenaan Wakaf Algeria 2001 (Perkara 26)

Perkara 26 telah memperkenalkan salah satu bentuk wakaf *muaqqat* yang diwakafkan oleh pewakaf dalam bentuk wakaf wang secara *wadi'ah* (simpanan) untuk pelaburan, seterusnya dikembalikan *wadi'ah* tersebut selepas beberapa tempoh kepada pewakaf:

وَدَائِعُ ذَاتِ الْمَنَافِعِ الْوَقْفِيَّةِ: وَهِيَ الَّتِي تُمْكِنُ
صَاحِبَ مَبْلَغٍ مِنَ الْمَالِ لَيْسَ فِي حَاجَةٍ إِلَيْهِ لِفَتْرَةٍ
مُعَيَّنَةٍ مِنْ تَسْلِيمِهِ لِلسُّلْطَةِ الْمُكَلَّفَةِ بِالْأَوْقَافِ فِي
شَكْلِ وَدِيْعَةٍ يَسْتَرْجِعُهَا مَتَى شَاءَ، وَتَقُومُ السُّلْطَةُ
الْمُكَلَّفَةُ بِالْأَوْقَافِ بِتَوْظِيْفِ هَذِهِ الْوَدِيْعَةِ مَعَ مَا لَدَيْهَا
مِنْ أَوْقَافٍ.

Maksud: *Deposit yang mempunyai manfaat wakaf: Iaitu apabila seseorang yang memiliki sejumlah wang yang tidak diperlukan untuk satu tempoh tertentu menyerahkannya kepada pihak berkuasa yang bertanggungjawab terhadap wakaf dalam bentuk deposit, boleh diambil semula bila-bila masa yang dikehendaki (mengikut persetujuan). Pihak berkuasa wakaf akan mengurus dan melaburkan deposit ini bersama dengan harta wakaf yang sedia ada.*

(Shawqi Nadhir, 2024)



8. Undang-undang Wakaf Libya

Berdasarkan Undang-undang Wakaf Libya 124 berkenaan wakaf (Perkara 4):

تَأْيِيدُ الْوَقْفِ وَتَأْقِيْتُهُ: لَا يَكُونُ وَقْفُ الْمَسْجِدِ وَالْوَقْفِ عَلَيْهِ إِلَّا مُؤَبَّدًا، أَمَّا الْوَقْفُ عَلَى جِهَاتِ الْبِرِّ الْأُخْرَى وَعَلَى الْمُسْتَحِقِّينَ فَيَجُوزُ أَنْ يَكُونَ مُؤَبَّدًا أَوْ مُوقَّتًا حَسَبَمَا يُنصُّ عَلَيْهِ فِي إِشْهَادِ الْوَقْفِ، وَعِنْدَ الْإِطْلَاقِ يَكُونُ مُؤَبَّدًا، وَإِذَا كَانَ الْوَقْفُ مُوقَّتًا فَلَا تَتَجَاوَزُ الْمُدَّةُ سِتِّينَ سَنَةً هِجْرِيَّةً مِنْ تَارِيخِ الْإِنْشَاءِ، وَإِذَا أُقِتَ الْوَقْفُ عَلَى غَيْرِ الْحَيْرَاتِ بِالْمَوْقُوفِ عَلَيْهِمْ فَلَا يَكُونُ عَلَى أَكْثَرِ مِنْ طَبَقَتَيْنِ، وَلَا يَدْخُلُ الْوَاقِفُ فِي حِسَابِ الطَّبَقَاتِ.

Maksud: Wakaf kekal dan wakaf bertempoh: Wakaf masjid dan wakaf untuk keperluannya hendaklah bersifat kekal sahaja. Adapun wakaf kepada pihak-pihak kebajikan yang lain dan kepada para penerima manfaat wakaf, maka ia boleh dibuat sama ada secara kekal atau bertempoh, sebagaimana yang dinyatakan dalam dokumen pengisytiharan wakaf. Jika wakaf tidak dinyatakan tempohnya, maka dianggap sebagai wakaf kekal. Jika wakaf itu bersifat bertempoh, maka tempohnya tidak boleh melebihi 60 tahun Hijrah dari tarikh diwujudkan. Adapun jika wakaf itu diperuntukkan kepada individu (wakaf zurri), maka ia tidak boleh melebihi dua peringkat keturunan dan pewakaf tidak termasuk dalam kiraan peringkat tersebut.

(Ahkam al-Waqf, 1972)

9. Undang-undang Wakaf Mesir

Wakaf *muaqqat* menurut Undang-undang Wakaf Mesir menyatakan bahawa wakaf masjid tidak sah melainkan wakaf secara kekal dan ini merupakan pandangan jumbuh ulama. Harus wakaf secara bertempoh atau secara kekal bagi wakaf selain daripada masjid seperti wakaf sekolah dan seumpamanya.

Adapun wakaf kepada ahli keluarga hendaklah diaplikasikan dalam bentuk wakaf secara bertempoh dan tidak sah wakaf secara kekal. Dalam hal ini, wakaf kepada keluarga secara bertempoh mestilah tidak melebihi 60 tahun setelah berlakunya perwakafan.

المَادَّةُ (٥): وَقَفُ الْمَسْجِدِ لَا يَكُونُ إِلَّا مُؤَبَّدًا، وَيَجُوزُ أَنْ يَكُونَ الْوَقْفُ عَلَى مَا عَدَاهُ مِنَ الْخَيْرَاتِ مُؤَقَّتًا أَوْ مُؤَبَّدًا، وَإِذَا أُطْلِقَ كَانَ مُؤَبَّدًا، أَمَّا الْوَأَقِفُ عَلَى غَيْرِ الْخَيْرَاتِ فَلَا يَكُونُ إِلَّا مُؤَقَّتًا، وَلَا يَجُوزُ عَلَى أَكْثَرِ مِنْ طَبَقَتَيْنِ. وَيُعْتَبَرُ الْمَوْقُوفُ عَلَيْهِمْ طَبَقَةً وَاحِدَةً إِذَا عَيْنَهُمُ الْوَأَقِفُ بِالْإِسْمِ حِينَ الْوَقْفِ، رَبَّ بَيْنَهُمْ أَوْ لَمْ يَرْتَبْ، وَإِنْ كَانُوا غَيْرَ مُعَيَّنِينَ بِالْإِسْمِ اعْتَبِرَ كُلُّ بَطْنٍ طَبَقَةً، وَلَا يَدْخُلُ الْوَأَقِفُ فِي حِسَابِ الطَّبَقَاتِ. وَإِذَا أُقْتُ الْوَأَقِفُ عَلَى غَيْرِ الْخَيْرَاتِ بِمُدَّةٍ مُعَيَّنَةٍ وَجَبَ إِلَّا تَجَاوَزَ سِتِّينَ عَامًا مِنْ وَقْتِ وَفَاةِ الْوَأَقِفِ. وَيَجُوزُ لِلْوَأَقِفِ تَأْقِيتُ

وَقَفِهِ الصَّادِرِ قَبْلَ الْعَمَلِ بِهَذَا الْقَانُونِ طِبْقًا لِأَحْكَامِ
الْفَقَرَاتِ السَّابِقَةِ مَتَى كَانَ لَهُ حَقُّ الرُّجُوعِ.

Maksud: *Perkara (5): Wakaf masjid mestilah wakaf yang berbentuk kekal (muabbad) manakala selain daripada wakaf masjid dalam bentuk kebajikan umum harus untuk diwakafkan sama ada secara bertempoh (muaqqat) atau kekal (muabbad). Apabila pewakaf itu menyebutkan wakaf secara umum, maka ia dianggap sebagai wakaf yang kekal. Adapun wakaf yang bukan untuk tujuan kebaikan (wakaf zurri), maka ia mestilah hanya dilakukan secara bertempoh dan tidak melebihi daripada dua generasi. Jika penerima wakaf telah ditentukan namanya, maka mereka dikira sebagai satu generasi sama ada dia mengaturnya secara berperingkat ataupun tidak. Jika mereka tidak ditentukan dengan nama, setiap keluarga itu dianggap sebagai satu generasi. Pewakaf tidak termasuk dalam generasi tersebut. Jika pewakaf mengekalkan selain daripada wakaf khairi untuk tempoh tertentu, ia tidak boleh melebihi 60 tahun dari kematian pewakaf. Pewakaf boleh menetapkan tempoh bagi wakaf yang dilakukan sebelum pelaksanaan undang-undang ini mengikut peruntukan perenggan sebelumnya jika dia mempunyai hak untuk meminta kembali.*

(Undang-undang Wakaf Mesir, 1946)

Sekiranya pewakaf telah meletakkan syarat bahawa tempoh wakaf tersebut hanya untuk satu generasi, maka cukup sekadar tempoh tersebut sahaja, lalu harta itu akan dikembalikan kepada

pemilik asalnya. Jika pemilik asalnya telah meninggal dunia, maka harta tersebut akan dipulangkan kepada ahli warisnya. Jika semua ahli waris telah tiada, maka harta tersebut akan diserahkan kepada harta perbendaharaan negara:

الْمَادَّةُ (١٦): يَتَّهِى الْوَقْفُ الْمُؤَقَّتُ بِانْتِهَاءِ الْمُدَّةِ الْمُعَيَّنَةِ
أَوْ بِانْقِرَاضِ الْمُؤَقَّوفِ عَلَيْهِمْ ...

Maksud: *Perkara (16): Wakaf bertempoh berakhir dengan tamatnya tempoh yang ditentukan atau dengan berakhirnya penerima wakaf (kematian).*

(Undang-undang Wakaf Mesir, 1946)

Berikut merupakan ringkasan daripada perbahasan yang telah dibincangkan di atas.

Bil.	Negara/ Badan Fatwa	Resolusi/Keputusan
1.	Majma' al-Fiqh al-Islami al-Dauli Persidangan kali ke-19 bertempat di Emiriah Arab Bersatu (UAE)	Resolusinya seperti berikut: (a) Sekiranya wakaf secara bertempoh, maka tempoh pembubaran mestilah mengikut kehendak pewakaf; dan (b) Maksud bertempoh ialah pelaksanaan wakaf tersebut terdapat tempoh tamat pada waktu tertentu dan harus menetapkan tempoh wakaf mengikut kehendak pewakaf dalam segala jenis wakaf.

Bil.	Negara/ Badan Fatwa	Resolusi/Keputusan
2.	AAOIFI	<p>(a) Secara dasarnya, wakaf hendaklah bersifat kekal. Namun, wakaf secara bertempoh juga diharuskan sekiranya pewakaf meletakkan syarat untuk dikembalikan semula harta wakaf tersebut setelah tempoh waktu tertentu; dan</p> <p>(b) AAOIFI juga telah membincangkan dengan terperinci dalam <i>Shariah Standards</i> ini bagaimana aplikasi wakaf <i>muaqqat</i> dalam bentuk tunai, <i>sukuk</i> dan tabung pelaburan wakaf.</p>
3.	Undang-undang Wakaf Kuwait 1951 (Perkara 13)	Wakaf masjid, perkuburan atau apa-apa yang berkait dengan keduanya mestilah dalam bentuk kekal, manakala selain daripadanya harus dilakukan dalam bentuk kekal ataupun bertempoh.
4.	al-Qanun al-Istirshadi li al-Waqf Kuwait 2014 (Perkara 65)	Jika wakaf tersebut ialah wakaf <i>khairi</i> dalam bentuk <i>musytarak</i> itu bertempoh, maka tempoh wakaf tersebut hendaklah tidak kurang dari lima tahun.
5.	Undang-undang Wakaf No 41 Indonesia 2004 (Bab 1, Fasal 1)	Wakaf adalah perbuatan hukum pewakaf untuk memisahkan dan/atau menyerahkan sebagian harta benda miliknya untuk dimanfaatkan selamanya atau untuk jangka waktu tertentu sesuai dengan kepentingannya guna keperluan ibadah dan/atau kesejahteraan umum menurut syariah.

Bil.	Negara/ Badan Fatwa	Resolusi/Keputusan
6.	Undang-undang (14) Berkenaan Pengurusan Wakaf dan Hibah di Emiriah Dubai 2017 (Perkara 7)	Wakaf <i>muaqqat</i> berlaku mengikut kepada tempoh yang telah ditetapkan oleh pewakaf ketika melakukan wakaf, namun tempoh tersebut hendaklah tidak kurang dari setahun.
7.	Undang-undang Wakaf Lubnan 1948 (No. 48)	(a) Wakaf <i>khairi</i> boleh diwujudkan dalam bentuk kekal dan bertempoh; dan (b) Wakaf mesti bertempoh, iaitu wakaf zuriat atau wakaf keluarga.
8.	Mudawwanah al-Awqaf Maghribi 2010	(a) Perkara 1: Wakaf ialah setiap harta yang diinfakkan secara ditahan hak miliknya sama ada secara <i>muabbad</i> atau <i>muaqqat</i> ; (b) Perkara 23: Wakaf boleh terjadi dalam bentuk <i>muabbad</i> dan <i>muaqqat</i> ; dan (c) Perkara 49: Wakaf akan berakhir ketika mana berlaku salah satu daripada dua perkara, iaitu jika tamat tempoh wakaf <i>muaqqat</i> .
9.	Undang-undang 01 – 07 berkenaan wakaf Algeria 2001	Perkara 26: Telah memperkenalkan salah satu bentuk wakaf bertempoh yang diwakafkan oleh pewakaf dalam bentuk wang, iaitu <i>wadi'ah</i> (simpanan) untuk pelaburan, seterusnya dikembalikan <i>wadi'ah</i> tersebut selepas beberapa tempoh kepada pewakaf.

Bil.	Negara/ Badan Fatwa	Resolusi/Keputusan
10.	Undang-undang Wakaf Libya 124	Perkara 4: Wakaf kekal dan wakaf bertempoh. Wakaf masjid hendaklah bersifat kekal (muabbad) sahaja. Adapun wakaf kebajikan yang lain daripada masjid, maka ia boleh dibuat sama ada secara kekal atau untuk tempoh tertentu.
11.	Undang-undang Wakaf Mesir	Perkara 5: Adapun wakaf yang bukan untuk tujuan kebaikan, maka ia mestilah hanya dilakukan secara bertempoh dan tidak melebihi daripada dua generasi.

PERBANDINGAN ANTARA PERLAKSANAAN WAKAF MUAQQAT DI LUAR NEGARA DAN BEBERAPA NEGERI DI MALAYSIA

Dalam kajian Firdaus dan Amanullah (2017) membincangkan pengalaman wakaf di Kuwait dan Malaysia dari sudut perundangan syariah. Pengkaji merumuskan bahawa di Kuwait membolehkan wakaf *muaqqat* sebagaimana dibolehkan wakaf *muabbad*. Di Malaysia, wakaf *muaqqat* tidak dibenarkan di kebanyakan negeri kecuali Johor, menurut Kaedah-Kaedah Wakaf Tahun 1983, Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001 dan Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016.

Tempoh penentuan wakaf *muaqqat* adalah tidak melebihi 60 tahun dan tidak kurang daripada 10 tahun atau tidak melebihi dua generasi dan tidak kurang daripada satu generasi. Adapun tempoh wakaf *muaqqat* bagi bahagian kebajikan dalam wakaf *musytarak* ditentukan dengan masa tidak kurang daripada lima

tahun. Sementara itu, wakaf masjid dan wakaf tanah perkuburan tidak boleh dijadikan wakaf *muaqqat*.

Walaupun kebanyakan negeri di Malaysia tidak membenarkan wakaf *muaqqat*, namun Selangor dan Melaka bersepakat bahawa pewakaf berhak meletakkan syarat-syarat yang sah dan wajib dipatuhi oleh nazir. Perkara ini melazimi daripadanya syarat penentuan tempoh dalam wakaf ialah syarat yang sah kerana ia tidak bercanggah dengan maksud wakaf, tidak menjejaskan kepentingan mana-mana pihak dan tidak bertentangan dengan *maqasid* wakaf.

Selain itu, terdapat peruntukan undang-undang berkaitan wakaf *muaqqat* perlu diberikan perhatian ketika kontrak wakaf *muaqqat*, antaranya:

- (a) Mengenai penamatan wakaf;
- (b) Pemilikan harta wakaf selepas tamat tempoh; dan
- (c) Pengembalian aset wakaf selepas tamat tempoh.

Penamatan wakaf berkait rapat dengan wakaf *muaqqat*. Disebabkan beberapa negeri tidak membenarkan wakaf *muaqqat*, maka perkara ini tidak dinyatakan dalam undang-undang mereka. Selepas berakhirnya wakaf, harta yang diwakafkan kembali kepada pemilik asalnya sekiranya masih hidup, atau kepada warisnya, atau ke baitulmal.

Bagi Kuwait dan negeri Johor membincangkan berkenaan isu penamatan wakaf, pemilikan harta yang diwakafkan yang bertempoh itu berpindah milik kepada pihak berkanun atau apa-apa yang dikenali sebagai “al-Amanah” di Kuwait dan

“Majlis” di Malaysia. Pemindahan ini boleh bersifat kekal atau sementara bergantung kepada pewakaf. Bagi wakaf *muaqqat*, harta wakaf akan kembali kepada pemilik asal setelah tamat tempoh yang ditetapkan.

Berhubung dengan pengembalian wakaf, tidak dibenarkan pembatalan wakaf *muaqqat* sebelum berakhirnya tempoh yang telah ditetapkan. Namun demikian, wakaf *muaqqat* boleh ditukar menjadi wakaf *muabbad* demi kepentingan umum dengan persetujuan pewakaf atau waris-warisnya (Firdaus & Amanullah, 2017).

Walaupun begitu, perundangan wakaf *muaqqat* Kuwait lebih jauh komprehensif dalam perincian dan perbahasan dalam isu wakaf *muaqqat* sehingga wujud dua jenis undang-undang. Pertama ialah undang-undang wakaf dan kedua undang-undang pelaksanaan wakaf. Perkara ini mungkin dapat diteliti lebih lanjut oleh pengkaji-pengkaji dan pembuat dasar berkenaan wakaf *muaqqat* berkenaan pengalaman perundangan negara Kuwait dalam mewujudkan perundangan wakaf, khususnya apa yang berkenaan dengan wakaf *muaqqat*.

PENUTUP

Wakaf *muaqqat* merupakan salah satu instrumen penting dalam memperkasakan industri wakaf pada era kontemporari. Ia memberikan fleksibiliti kepada pewakaf, membuka ruang lebih luas untuk penyertaan masyarakat, serta menjawab keperluan semasa khususnya dalam aspek ekonomi, pendidikan, perubatan dan kebajikan sosial.

Dari sudut fatwa, ramai ulama kontemporari dan institusi antarabangsa seperti Majma' al-Fiqh al-Islami dan AAOIFI telah mengiktiraf keharusan wakaf *muaqqat* berasaskan *maqasid syariah*. Perundangan di banyak negara Islam seperti Kuwait, Indonesia, Maghribi, Lubnan, Algeria, Emiriah Arab Bersatu, Libya dan Mesir juga secara jelas mengiktiraf wakaf *muaqqat* melalui akta dan undang-undang rasmi, dengan menetapkan syarat-syarat tertentu termasuk tempoh minimum dan maksimum, serta jenis harta yang boleh diwakafkan.

Di Malaysia pula, meskipun kebanyakan negeri belum membenarkan wakaf *muaqqat*, terdapat negeri seperti Johor, Sarawak dan Terengganu yang telah memperuntukkan mekanisme perundangan berkaitan. Hal ini menunjukkan kesedaran yang semakin meningkat terhadap kepentingan wakaf *muaqqat* dalam meluaskan manfaat wakaf dan memastikan keberdayaannya selaras dengan perubahan zaman.

Secara keseluruhannya, pengiktirafan wakaf *muaqqat* bukan sahaja selaras dengan prinsip syariah, bahkan menjadi alternatif berdaya maju untuk mengukuhkan peranan wakaf dalam pembangunan ummah. Justeru, pengalaman negara-negara Islam lain seharusnya menjadi rujukan penting bagi pembuat dasar di Malaysia dalam menggubal undang-undang yang lebih komprehensif dan praktikal bagi memperkasa wakaf *muaqqat* di peringkat nasional.

RUJUKAN

- Ab Rahman, M. F., & Amanullah, M. (2017). Implementation of temporary waqf: A comparative study between Kuwait and Malaysia. *Jurnal Fiqh*, 14, 75 – 98. <https://doi.org/10.22452/fiqh.vol14no1.4>
- Abu Khayr Nash'at Ahmad 'Ata. (2020). Mada mashru'iyat al-waqf al-mu'awqat: Dirasah fiqhiyah ta'siliyah tatbiqiyyah 'ala daw' al-nawazil al-mu'asirah. *Majallat Kulliyat al-Dirasat al-Islamiyah Banin bi 'Aswan*, 3(3).
- Ahmad Muhammad Hulayyil. (2006). *Majalat waqfiyat muqtarahah ghair taqlidiyah li tanmiyat mustadamah. Al-mu'tamar al-thani li al-awqaf: "Al-siyagh al-tanmawiyah wa al-ru'a al-mustaqbaliyah.* Makkah al-Mukarramah: Jami'at Umm al-Qura.
- Al-Naji Lamin. (2012). *Al-waqf tanmiyatuh wa khuturat inditharihi 'an al-'amal al-khayri.* Kaherah. Dar al-Kalimah li al-Nashr wa al-Tawzi.
- Al-Qanun al-Istirshadi li al-Waqf. (2014). *Al-amanah li al-ammah li al-Awqaf* (1st ed). Al-Kuwayt. al-Amanah al-'Ammah li al-Awqaf.
- Al-Qanun al-Ittihadi bi Sha'n al-Waqf. (2018). Hukumat al-imat al-muttahidah. <https://uaelegislation.gov.ae/ar/legislations/1237>. [Diakses: 30 September 2025].
- Al-Qanun al-Khas bi al-Awqaf, (1951). (1st ed). *Al-amanah al-'ammah li al-awqaf.*
- Al-Tahir ibn 'Ashur. (2004). *Maqasid al-Shariah al-Islamiyah.* (1st ed). Qatar: Wizarat al-Awqaf wa-al-Shu'un al-Islamiyyah.
- Majida Hazza'. (2006). *Temporary endowment provisions: A comparative jurisprudential study. The second conference on endowments, developmental formulas and future visions.* Umm Al-Qura University, Makkah Al-Mukarramah.
- Majma' al-Fiqh al-Islamiy al-Dauliy. (2009). Resolusi No: 181 (19/7) *Mengenai wakaf saham, sukuk, hak-hak intelektual dan manfaat.* <https://iifa-aifi.org/ar/2307.html> [Diakses: 30 September 2025].
- Mudawwanat al-Awqaf. (2010). Al-Mamlakah al-Maghribiyah al-majlis al-a'la li al-sultah al-qada'iyyah. <https://www.conseilhabous.ma/index.php/modawanat-awqaf> [Diakses: 30 September 2025].
- Muhammad Abu Zahrah. (1971). *Muhadarat fi al-Waqf.* Beirut: Dar al-Fikr al-'Arabī.

- Monzer Kahf. (t.t.). *Qadaya fihiyyah mu'asirah fi al-awqaf*. Mawsu'at al-Iqtisad wa al-Tamwil al-Islami. <https://iefpedia.com/arab/>. [Diakses: 29 September 2025].
- Qanun Raqam (124) bi Sha'n Ahkam al-Waqf. (1972). <https://lawsociety.ly/legislation>. [Diakses: 30 September 2025].
- Shariah Standard. (2019). *Waqf. The accounting and auditing organization for Islamic financial institutions* (AAOIFI). <https://aaoifi.com/?lang=en> [Diakses: 30 September 2025].
- Shawqi Nadhir. (2024). *Al-qard al-hasan kaaliyah listismar al-nuqud al-mawqufah fi qanun al-qwqaf raqm: 01 – 07 Al-Mu'addal wa Al-Mutammim: Al-Mafhum wa al-Ishkalat*. <https://waqf-dz.org> [Diakses: 30 September 2025].
- Undang-Undang Republik Indonesia No. 41. (2004). Tentang Wakaf. Badan Wakaf Indonesia. <https://www.bwi.go.id/wp-content/uploads/2019/09/Undang-undang-No.-41-2004-Tentang-Wakaf.pdf>. [Diakses: 30 September 2025].

POTENSI DAN CABARAN PELAKSANAAN KONSEP WAKAF *MUAQQAT* DI MALAYSIA

Ridzwan Bakar & Mohd Fazdli Rosli

PENDAHULUAN

Wakaf merupakan salah satu instrumen pembangunan sosioekonomi Islam yang paling berkesan dan telah diamalkan sejak zaman Rasulullah SAW serta para sahabat r.a. yang mana menjadi tunjang pembangunan masyarakat Muslim dalam bidang pendidikan, kesihatan dan kebajikan (JAWHAR, 2021). Tradisi wakaf di rantau ini dipercayai bermula sejak awal kedatangan Islam di alam Melayu, terutamanya melalui sumbangan masyarakat dalam pembinaan masjid, surau, tanah perkuburan, sekolah pondok, serta kemudahan awam lain (Sharifah Zubaidah & Nor Asiah, 2019).

Dalam konsep klasiknya, wakaf ditakrifkan sebagai menahan sesuatu harta yang boleh diambil manfaatnya untuk tujuan kebajikan dengan mengekalkan zat harta tersebut secara kekal (muabbad), sebagaimana pandangan majoriti fuqaha (Mahmud, 2020). Model ini amat berkesan untuk pembangunan jangka panjang seperti masjid, madrasah, tanah pertanian dan aset kekal yang lain.

Mengikut kajian, Malaysia merupakan antara negara Islam yang paling maju dalam pembangunan instrumen kewangan Islam dan memiliki potensi besar dari segi aset umat Islam yang belum dimanfaatkan sepenuhnya. Menurut Bank Negara

Malaysia, aset perbankan Islam negara telah mencapai sekitar USD 254 bilion atau 38% daripada jumlah keseluruhan aset perbankan menjelang akhir 2019 (Bank Negara Malaysia, 2019). Dalam pasaran dana Islam pula, Malaysia terus mendahului Asia Pasifik dengan aset dana patuh syariah berjumlah kira-kira USD 36.4 bilion pada akhir 2021 (Cerulli Associates, 2021). Pada masa yang sama, pelbagai laporan menyebut bahawa nilai aset pusaka dan harta umat Islam yang “dibekukan” akibat kelemahan pengurusan faraid dianggarkan melebihi RM 70 bilion hingga RM 90 bilion (The Malaysian Reserve, 2025; Haque, 2020). Isu pengurusan aset wakaf di Malaysia turut memperlihatkan cabaran yang hampir serupa, terutamanya dari segi pengoptimuman dan pembangunan aset berimpak ekonomi. Sebagai contoh, di negeri Johor terdapat sebanyak 4,566 tapak tanah wakaf berkeluasan 5,408 hektar, namun sebahagian besar daripadanya masih belum dibangunkan kerana kekangan kewangan dan status tanah yang rumit (Juani Munir, 2020). Keadaan ini menunjukkan bahawa walaupun Malaysia mempunyai ekosistem kewangan Islam yang kukuh, masih terdapat ruang luas untuk memobilisasi aset umat Islam melalui instrumen-instrumen inovatif seperti wakaf *muaqqat* yang lebih fleksibel dan anjal berbanding model tradisional wakaf kekal.

Namun, realiti kontemporari menunjukkan bahawa keperluan umat Islam semakin kompleks dan dinamik. Terdapat banyak projek sosial, pendidikan, kesihatan, teknologi dan bantuan kebajikan yang hanya memerlukan pembiayaan untuk tempoh masa tertentu (IKIM, 2025). Pada masa yang sama, tidak semua penyumbang bersedia melepaskan aset mereka secara kekal



(Yayasan Waqaf Malaysia (YWM), 2024). Oleh itu, timbul keperluan kepada instrumen yang lebih anjal dan fleksibel bagi menarik penyertaan lebih ramai pewakaf dan membiayai projek berjangka.

Di sinilah muncul konsep wakaf *muqqat* sebagai inovasi yang masih berpaksikan prinsip syariah tetapi lebih sesuai dengan konteks moden. Wakaf *muqqat* membolehkan seseorang mewakafkan aset fizikal atau wangnya untuk tempoh tertentu, misalnya satu tahun, tiga tahun atau 10 tahun, iaitu sebelum aset itu dipulangkan semula atau diagihkan mengikut syarat pewakaf (Enakmen Wakaf Terengganu, 2016). Dengan cara ini, ia membuka ruang penyertaan yang lebih luas kepada masyarakat, meningkatkan kadar mobilisasi aset ummah, serta memastikan projek-projek wakaf dapat dibiayai dengan lebih terancang dan terukur.

Dalam konteks Malaysia, konsep ini mula mendapat perhatian serius beberapa tahun kebelakangan ini. Institusi seperti YWM, JAWHAR, MAIN, pihak berkuasa agama terlibat dan institusi kewangan Islam telah menganjurkan pelbagai program kesedaran, bengkel dan projek perintis untuk menguji keberkesanan wakaf *muqqat* (Bernama, 2024; CIMB Islamic, 2022). Hal ini selari dengan aspirasi kerajaan untuk memodenkan instrumen wakaf dan menjadikannya salah satu sumber pembiayaan pembangunan yang mampan. Artikel ini akan meninjau potensi pelaksanaan wakaf *muqqat* di Malaysia dengan memberi tumpuan kepada definisi dan konsepnya, justifikasi dan latar semasa, potensi sektor, cabaran utama serta cadangan strategi pelaksanaan yang praktikal.

SEJARAH APLIKASI WAKAF *MUAQQAT* DALAM DUNIA ISLAM

Walaupun istilah “wakaf *muaqqat*” mula mendapat perhatian dalam wacana kontemporari, konsepnya bukanlah asing dalam sejarah peradaban Islam. Sejak zaman kegemilangan wakaf terutamanya pada zaman *khilafah Islamiyah*, umat Islam telah menunjukkan keanjalan dalam menguruskan harta wakaf sesuai dengan keperluan masyarakat.

Zaman Khulafa’ al-Rashidin dan Umayyah

Dalam sejarah awal Islam, beberapa sahabat Nabi SAW telah menunjukkan amalan wakaf yang mempunyai unsur sementara atau bersyarat. Menurut Kahf (1998), antara contohnya ialah Zubayr bin al-‘Awwam r.a. yang mewakafkan beberapa rumahnya di Madinah, Basrah, Kufah dan Mesir untuk dimanfaatkan oleh ahli keluarganya dalam tempoh tertentu. Setelah tiada lagi zuriatnya, harta tersebut dikembalikan untuk kegunaan umum umat Islam. Bentuk wakaf ini mencerminkan elemen *muaqqat* kerana manfaatnya dihadkan kepada tempoh dan kumpulan tertentu.

Zaman Abbasiyyah

Pada zaman Abbasiyyah, beberapa pewakaf menyerahkan rumah atau kedai mereka kepada madrasah untuk dijadikan sebagai asrama atau ruang kuliah bagi tempoh tertentu sebelum dikembalikan. Amalan ini mencerminkan konsep wakaf *muaqqat*, iaitu manfaat harta wakaf dapat dinikmati oleh masyarakat tanpa menjejaskan hak milik pewakaf (Cizakçça, 2000).



Zaman Uthmaniyyah

Di bawah sistem perundangan Uthmaniyyah, terdapat instrumen yang dikenali sebagai “*waqf-i-mu’aqqat*” atau “*icâre-i-vakf*”¹ yang membolehkan pemilik tanah menyewakan atau mewakafkan tanah untuk tempoh tertentu bagi tujuan kebajikan. Walaupun secara teknikal ia merujuk kepada sewaan aset wakaf, instrumen ini tetap mengandungi unsur wakaf bertempoh (*muaqqat*), kerana manfaatnya diberikan secara sementara dan bersyarat. Rekod arkib menunjukkan ratusan perjanjian wakaf jenis ini digunakan untuk membiayai infrastruktur awam tanpa memindahkan pemilikan kekal tanah kepada negara (Mandaville, 1979; Hoexter, 1998).

1 “*icâre-i vakf*” (kadang ditulis *icare-i vakf* atau *icareteyn*) ialah istilah Turki-Uthmaniyyah untuk satu sistem wakaf sewaan/pajakan yang diamalkan secara meluas dalam Empayar Uthmaniyyah pada abad ke-16 hingga awal abad ke-20. Ia muncul sebagai mekanisme untuk memanfaatkan harta wakaf yang terbengkalai atau memerlukan pembiayaan tambahan.

Ciri asasnya:

- Aset wakaf disewakan atau dipajakkan untuk tempoh panjang – lazimnya 30, 49, bahkan 99 tahun – kepada pihak tertentu dengan bayaran di hadapan (seumpama deposit besar) dan bayaran sewaan tahunan yang rendah.
- Wakaf mendapat modal segera daripada bayaran awal itu untuk membina, membaik pulih atau mengekalkan aset wakaf.
- Penyewa/pemajak mendapat hak guna jangka panjang, kadang kala boleh diwariskan, tetapi pemilikan asal aset tetap milik wakaf.

Sejarawan seperti Cizakçça (2000) dan Mandaville (1979) menjelaskan bahawa sistem ini lahir kerana keperluan praktikal: Banyak harta wakaf Uthmaniyyah tidak produktif atau memerlukan pembaikan, jadi *icâre-i vakf* membolehkan pewakaf/nazir mendapatkan modal tanpa menjual harta wakaf. Secara fiqah, ia dianggap satu bentuk “wakaf sementara/bertanggung” yang diizinkan oleh Mazhab Hanafi dengan syarat kontrak jelas. Ringkasnya, *icâre-i vakf* ialah “model pajakan jangka panjang atas harta wakaf untuk dapatkan modal”, satu contoh klasik bagaimana prinsip wakaf *muaqqat* dipraktikkan dalam sejarah.

Andalusia dan Afrika Utara

Di Andalusia, rekod menunjukkan beberapa projek wakaf air bersih, jalan raya dan sistem saliran diwakafkan hanya pada musim tertentu (Hoexter, 1998). Di Maghribi pula terdapat “wakaf kebun” untuk hasil zaitun yang diwakafkan hanya dalam musim tertentu untuk dana pendidikan (Cizakçça, 2000).

Kesemua contoh ini menunjukkan bahawa wakaf dalam sejarah Islam tidak statik. Ulama dan pemerintah menggunakan kerangka syariah yang fleksibel untuk memastikan manfaat harta sampai kepada masyarakat mengikut keperluan semasa.

MODEL PELAKSANAAN KONTEMPORARI

Beberapa program telah menggunakan konsep wakaf *muaqqat* dalam bentuk praktikal. Contoh paling kerap disebut ialah Program CIMB Islamic iTEKAD Rider Entrepreneur yang menyediakan motosikal kepada belia B40/asnaf dengan dana *Temporary Waqf* selama 12 bulan sebagai ‘*ariyah* (pinjaman) dan kemudiannya hibah apabila tempoh tamat (CIMB Islamic, 2022). Walaupun tidak diuar-uarkan dengan istilah fiqah, strukturnya memenuhi ciri wakaf *muaqqat*; manfaat diberi untuk tempoh tertentu, aset diurus secara amanah dan wujudnya klausa pemilikan selepas tamat tempoh.

Inisiatif seperti ini menunjukkan bahawa wakaf *muaqqat* boleh digunakan untuk projek-projek berjangka pendek seperti modal peralatan, biasiswa, perumahan transit, klinik bergerak, projek teknologi, ladang bermusim dan sebagainya. Dengan kata lain, ia boleh menjadi jambatan antara wakaf tradisional



yang bersifat kekal dengan keperluan pembangunan moden yang memerlukan pembiayaan lebih anjal.

POTENSI PELAKSANAAN WAKAF *MUAQQAT* DI MALAYSIA

Instrumen Wakaf yang Lebih Fleksibel

Kebangkitan instrumen wakaf di Malaysia sejak dua dekad kebelakangan ini memperlihatkan transformasi daripada model tradisional kepada model inovatif yang lebih inklusif. Menurut Mohamad dan Ibrahim (2019), wakaf *muaqqat* menawarkan fleksibiliti kerana pewakaf boleh menetapkan tempoh, jenis aset dan pengurusan manfaat wakaf mengikut keperluan semasa masyarakat atau projek tertentu. Fleksibiliti ini menjadikannya sesuai untuk membiayai projek-projek berjangka pendek, sambil memastikan hak milik aset tidak hilang secara kekal. Ibrahim dan Mohd Noor (2018) pula menekankan bahawa model ini boleh menjadi alternatif pembiayaan sosial Islam di Malaysia. Pembiayaan ini membolehkan dana atau aset diagihkan untuk projek seperti kebajikan, pendidikan, kesihatan dan pemerkasaan komuniti secara patuh syariah, sambil mengekalkan hak milik asal pewakaf. Walaupun bentuk wakaf *muabbad* masih mendominasi, perkembangan dasar dan program yang diperkenalkan oleh JAWHAR, YWM, MAIN dan institusi kewangan Islam menunjukkan minat yang kian meningkat terhadap wakaf *muaqqat* atau wakaf bertempoh sebagai pilihan lain bagi membiayai projek sosial berjangka pendek (Bernama, 2024; JAWHAR, 2021). Dengan pengiktirafan wakaf *muaqqat* dalam beberapa enakmen negeri

seperti Terengganu dan penerimaan prinsipnya oleh fatwa negeri, Malaysia berada pada kedudukan strategik untuk memanfaatkan potensi instrumen ini secara lebih sistematik (Rahman, 2017).

Beberapa faktor telah mendorong potensi ini untuk mencapai matlamat pelaksanaannya. Pertama, perubahan corak keperluan sosioekonomi bagi projek-projek pendidikan, kesihatan, teknologi dan kebajikan kini kebanyakannya bersifat jangka pendek, memerlukan modal intensif pada peringkat awal tetapi tidak memerlukan pemilikan aset kekal (Ibrahim & Mohd Noor, 2018). Kedua, sikap dan kecenderungan pewakaf moden kepada bentuk sumbangan sementara sejajar dengan trend tanggungjawab sosial korporat (CSR) dan program berasaskan projek (YWM, 2024). Ketiga, asas *maqasid syariah* yang kukuh – wakaf *muqqat* membolehkan harta dimanfaatkan untuk masyarakat sambil memelihara pemilikan pewakaf, memenuhi *hifz al-mal* dan *jalb al-maslahah* (Abu Zahrah, 1959). Keempat, legitimasi fiqh dan undang-undang – pandangan Mazhab Hanafi dan Maliki, serta keputusan Majma' al-Fiqh al-Islami (OIC, 2004), memberi sandaran hukum yang kuat kepada instrumen ini (Sharifah Zubaidah & Nor Asiah, 2019).

Instrumen Wakaf yang Inovatif

Dalam konteks Malaysia, dua konsep asas utama telah dikenal pasti sebagai model pelaksanaan wakaf *muqqat* yang inovatif. Konsep pertama ialah dana atau aset tunai yang diwakafkan dilaburkan terlebih dahulu secara patuh syariah bagi tempoh tertentu; hasil atau pulangan daripada pelaburan itu digunakan untuk membiayai manfaat kepada masyarakat sepanjang tempoh tersebut, manakala prinsipal asal dikembalikan kepada pewakaf selepas tamat tempoh. Model ini bukan sahaja menjamin



kelestarian dana tetapi juga membolehkan pewakaf menyertai projek kebajikan tanpa kehilangan aset secara kekal (Ibrahim & Mohd Noor, 2018; Mohamad & Ibrahim, 2019).

Konsep kedua ialah dana wakaf ditukar kepada aset fizikal tertentu seperti bangunan, kenderaan atau peralatan untuk tempoh tertentu; hasil sewaan, pajakan atau pendapatan daripada aset tersebut digunakan untuk membiayai projek kebajikan atau untuk memulangkan semula prinsipal wakaf kepada pewakaf selepas tamat tempoh. Model ini menyerupai sistem *icare-i-vakf* pada zaman Uthmaniyyah yang membolehkan pemilik tanah atau bangunan menyewakan atau mewakafkan aset mereka secara sementara untuk tujuan kebajikan sambil mengekalkan pemilikan jangka panjang (Cizakca 2000; Mandaville, 1979).

Kedua-dua konsep ini bertepatan dengan prinsip fiqah wakaf *muaqqat* yang dibenarkan oleh Mazhab Hanafi dan Maliki, serta panduan Majma' al-Fiqh al-Islami (OIC, 2004) yang mengiktiraf wakaf *muaqqat* sebagai satu bentuk kebajikan yang sah. Menurut Sharifah Zubaidah dan Nor Asiah (2019), pendekatan ini juga sesuai untuk persekitaran Malaysia kerana ia menggalakkan penglibatan sektor swasta dan individu berpendapatan tinggi yang mungkin keberatan untuk melepaskan aset mereka secara kekal tetapi bersedia menyumbang secara sementara untuk pembangunan ummah.

POTENSI SEKTOR-SEKTOR UTAMA

Sektor pendidikan merupakan medan paling jelas untuk aplikasi wakaf *muaqqat*. Mohamad dan Ibrahim (2019) mencadangkan agar dana wakaf digunakan untuk menaja program biasiswa atau

pembiayaan asrama sementara bagi pelajar luar bandar, serta program latihan kemahiran bersiri selama 6 hingga 24 bulan. Pelaksanaan melalui wakaf *muaqqat* ini akan memudahkan penjadualan tempoh manfaat, pengukuran impak setiap kohort dan penamatan program secara berjadual, selaras dengan tujuan wakaf dan keperluan masyarakat.

Ibrahim dan Mohd Noor (2018) pula menegaskan bahawa klinik bergerak, peralatan kesihatan untuk keluarga asnaf atau subsidi rawatan tertentu sesuai dibiayai melalui wakaf bertempoh kerana ia memerlukan dana operasi yang berubah-ubah mengikut musim.

Di samping itu, bidang teknologi dan pendigitalan yang lazimnya memerlukan pembiayaan projek 12 hingga 36 bulan boleh memanfaatkan wakaf *muaqqat* untuk membangunkan aplikasi kebajikan, *digital labs* atau infrastruktur data bagi masjid dan madrasah. Misalnya, pembiayaan aset menerusi Program CIMB Islamic iTEKAD Rider Entrepreneur bagi tujuan memperkasakan sosial dan keusahawanan, wakaf tunai *muaqqat* digunakan untuk membiayai motosikal penghantaran, mesin jahit industri atau kios mudah alih untuk tempoh 12 hingga 24 bulan. Ia kemudiannya diserahkan sebagai hibah kepada penerima manfaat telah pun diaplikasikan (CIMB Islamic, 2022; Bernama, 2024).

Konsep wakaf *muaqqat* juga boleh digabungkan dengan perumahan transit dan perlindungan sementara. Sewaan rumah transit untuk keluarga rentan atau pelajar generasi awal selama tempoh tertentu boleh ditaja dengan kontrak bertempoh, mengurangkan tekanan terhadap bekalan perumahan sosial kekal (JAWHAR, 2021).

Dalam bidang pertanian dan keselamatan makanan pula, ladang bermusim, rumah hijau atau sistem *cold-chain* berskala kecil memerlukan modal pusingan bertempoh yang boleh dibungkus di bawah skim wakaf *muaqqat* (Cizakca, 2000). Malah, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (2023) telah mencadangkan potensi gabungan wakaf *muaqqat* dengan instrumen pasaran modal Islam seperti unit amanah wakaf atau sukuk wakaf bagi memperluas skala pembiayaan dengan pelan *roll-over* setiap 12 hingga 24 bulan.

Selain sektor pendidikan, kesihatan, keusahawanan dan perumahan transit yang telah dibincangkan, wakaf *muaqqat* juga mempunyai potensi luas untuk diterapkan dalam pelbagai bidang baharu yang selari dengan aspirasi pembangunan negara. Dalam bidang pendigitalan dan infrastruktur ICT, misalnya, model ini boleh digunakan untuk membiayai penyediaan komputer riba, pusat latihan ICT, perkhidmatan jalur lebar percuma di kampung serta projek pendigitalan rekod masjid untuk tempoh tertentu. Pendekatan ini menyokong agenda MyDigital Malaysia untuk memperkasa ekonomi digital umat Islam (Mohamad & Ibrahim, 2019).

Dalam sektor pelancongan Islam dan warisan, wakaf *muaqqat* boleh membiayai pemuliharaan sementara tapak warisan Islam seperti masjid lama, institusi pendidikan tradisi atau penyediaan kemudahan pelancong Muslim seperti pusat maklumat dan kemudahan wuduk. Model ini selari dengan dasar pelancongan negara yang menekankan pengukuhan produk pelancongan Islam (Ibrahim & Mohd Noor, 2018).

Bagi pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TVET), dana wakaf *muaqqat* juga boleh disalurkan untuk membiayai tenaga pengajar, peralatan latihan atau elaun pelatih bagi kohort tertentu dalam kitaran 6 hingga 18 bulan. Pendekatan ini akan memperkukuhkan sasaran kerajaan meningkatkan kebolehpasaran belia Muslim (YWM, 2024).

Di samping itu, konsep ini boleh diperluas kepada mobiliti komuniti, seperti penyediaan bas mini komuniti, van sekolah asnaf atau kenderaan kesihatan bergerak yang diwakafkan untuk tempoh 2 hingga 5 tahun sebelum dijual atau dihibah kepada penerima; ia mengikuti jejak program CIMB Islamic iTEKAD Rider Entrepreneur yang membiayai motosikal penghantaran B40 selama tempoh tertentu (CIMB Islamic, 2022; Bernama, 2024).

Potensi lain termasuk pendidikan awal kanak-kanak yang mana manfaat daripada wakaf *muaqqat* boleh membiayai kos sewaan bangunan, gaji guru dan penyediaan bahan pembelajaran bagi membantu golongan B40 mendapat pendidikan awal yang berkualiti (Ibrahim & Mohd Noor, 2018). Dalam bidang perkhidmatan sosial dan rehabilitasi, pusat perlindungan wanita, rumah transit anak yatim atau kemudahan rehabilitasi dadah memerlukan dana operasi 1 hingga 3 tahun yang boleh disediakan melalui wakaf *muaqqat* sehingga pusat-pusat ini berdikari (Mohamad & Ibrahim, 2019).

Di samping itu, instrumen ini boleh digunakan untuk projek alam sekitar dan tenaga yang boleh diperbaharui, seperti penanaman semula hutan, pembersihan sungai atau pemasangan



panel solar di masjid untuk tempoh 3 hingga 5 tahun selari dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG 13 – Tindakan Iklim). Ia juga sesuai untuk pembiayaan penyelidikan dan inovasi, contohnya geran penyelidikan universiti dalam bidang teknologi halal, *fintech* Islam dan kesihatan awam yang lazimnya berjangka 1 hingga 3 tahun (Suruhanjaya Sekuriti, 2023).

Dalam konteks bantuan kemanusiaan dan bencana pula, wakaf *muqqat* boleh dilaksanakan melalui mekanisme pelaburan bertempoh. Dana yang diwakafkan oleh penyumbang akan dilaburkan terlebih dahulu selama 6 hingga 12 bulan dalam instrumen pelaburan patuh syariah seperti sukuk, deposit Islamik atau dana wakaf tunai. Hasil keuntungan daripada pelaburan ini kemudiannya digunakan untuk menampung keperluan segera seperti makanan, ubat-ubatan dan tempat perlindungan bagi mangsa banjir, kebakaran atau bencana lain. Selepas tempoh yang ditetapkan berakhir, modal asal akan dikembalikan kepada pewakaf, manakala manfaat pelaburan disalurkan sepenuhnya kepada program bantuan. Pendekatan ini bukan sahaja memastikan dana digunakan secara produktif sebelum disalurkan, tetapi juga meningkatkan daya tarikan pewakaf yang ingin menyumbang sementara tanpa kehilangan hak milik kekal (Ibrahim & Mohd Noor, 2018).

Kesemua contoh ini memperlihatkan bahawa potensi wakaf *muqqat* di Malaysia bukan sahaja terhad kepada sektor tradisional tetapi merangkumi bidang baharu yang strategik. Dengan model ini, institusi wakaf dapat merangka pembiayaan berstruktur untuk pelbagai sektor berjangka pendek tanpa

menjejaskan pemilikan aset pewakaf secara kekal, sekali gus mengukuhkan lagi peranan wakaf dalam pembangunan sosioekonomi negara (Mohamad & Ibrahim, 2019; Ibrahim & Mohd Noor, 2018; YWM, 2024; Suruhanjaya Sekuriti, 2023).

KEISTIMEWAAN WAKAF *MUAQQAT*

Wakaf *muaqqat* merupakan satu pilihan alternatif yang praktikal bagi pewakaf atau institusi yang ingin menyalurkan sumbangan kepada projek sosial, pendidikan dan kebajikan dalam tempoh tertentu tanpa terikat kepada bentuk wakaf *muabbad*. Fleksibiliti instrumen ini membolehkan harta atau dana digunakan bagi projek bersasar seperti latihan kemahiran, pembiayaan asrama pelajar luar bandar atau bantuan kemanusiaan, dengan manfaatnya dikembalikan atau disalurkan semula selepas tempoh yang dipersetujui (Mohamad & Ibrahim, 2019).

Kelebihan utama wakaf *muaqqat* ialah kejelasan tempoh dan matlamat penggunaannya, yang membolehkan institusi wakaf menilai kesan setiap fasa pelaksanaan secara lebih sistematik. Melalui tempoh manfaat yang terhad, aset dapat digerakkan dengan lebih cepat mengikut keperluan semasa, sekali gus mengurangkan risiko pembekuan aset atau ketidakceapan dalam pengurusan (Ibrahim & Mohd Noor, 2018).

Selain itu, konsep ini turut menggalakkan penyertaan sektor swasta melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang berteraskan prinsip syariah. Syarikat boleh mewakafkan aset atau dana bagi tempoh tertentu tanpa kehilangan hak milik kekal, sambil memastikan sumbangan mereka memberikan

kesan nyata kepada pembangunan masyarakat. Oleh itu, wakaf *muaqqat* wajar dilihat bukan sebagai pengganti kepada wakaf *muabbad*, tetapi sebagai satu pilihan tambahan yang melengkapi ekosistem wakaf moden.

CABARAN PELAKSANAAN

Walaupun wakaf *muaqqat* mempunyai potensi besar, pelaksanaannya di Malaysia berhadapan dengan beberapa cabaran bersifat struktural antaranya:

- (i) Keseragaman kerangka perundangan antara negeri masih boleh ditambah baik dari aspek pentakrifan, prosedur pendaftaran, kaedah pewartaan/kelulusan dan bidang kuasa pengurusan wakaf. Kajian mengenai rangka kerja undang-undang wakaf di Malaysia menunjukkan wakaf tertakluk kepada undang-undang negeri dan dalam masa yang sama perlu berinteraksi dengan undang-undang tanah serta proses pentadbiran lain. Secara praktikal, pewakaf yang beroperasi merentas negeri berdepan cabaran dalam menyediakan dokumen berbeza. Perkara ini boleh melambatkan garis masa pelaksanaan sesuatu projek wakaf. Usaha penyelarasan memang ada, termasuk cadangan manual model perundangan oleh agensi persekutuan untuk membantu penyeragaman, namun penerimaan dan pengubalan pada peringkat negeri memerlukan masa (Sharifah Zubaidah & Nor Asiah, 2019);
- (ii) Kekurangan model *sighah* standard dalam kontrak wakaf *muaqqat*. Secara praktikal, akad bertempoh perlu memperincikan: Tempoh dan tarikh kuat kuasa; tujuan

dan penerima manfaat; tanggungjawab nazir/pengurus; kos penyelenggaraan, insurans dan cukai; KPI serta jadual pelaporan; kaedah penyelesaian pertikaian; dan mekanisme penamatan/pemulangan aset selepas tamat tempoh. Jika klausa-klausa ini longgar, ia boleh menyebabkan risiko pertikaian (Ibrahim & Mohd Noor, 2018);

- (iii) Keterbatasan kapasiti pengurusan institusi wakaf menjejaskan keupayaan mengurus instrumen bertempoh. Wakaf *muaqqat* memerlukan kemahiran pelaburan berjangka, pengurusan aliran tunai, penilaian risiko, pemantauan prestasi projek dan kawalan pematuhan yang lebih kerap kerana tempohnya terhad (Mohamad & Ibrahim, 2019). Dapatan kajian mengenai wakaf tunai bertempoh di Malaysia turut menonjolkan kerencaman pengurusan serta kekurangan kepakaran/tenaga kerja yang akhirnya boleh menyebabkan kelewatan agihan kepada penerima manfaat, pulangan yang kurang optimum ataupun tahap pencapaian sasaran manfaat yang kurang memuaskan dalam tempoh ditetapkan;
- (iv) Kesedaran masyarakat yang rendah menyebabkan ramai pewakaf masih beranggapan wakaf mesti kekal, sedangkan wakaf bertempoh mempunyai asas dan aplikasi tertentu. Walaupun wujud inisiatif memperkenalkan wakaf *muaqqat* melalui kerjasama korporat, penerimaan meluas memerlukan komunikasi yang konsisten: Menjelaskan rasional tempoh, manfaat sosial dan kedudukan hukum bahawa pewakaf/waris tidak boleh menarik balik harta sebelum tempoh berakhir, di samping pilihan menukarnya kepada wakaf kekal jika sesuai (YWM, 2024); dan

- (v) Kekangan tadbir urus dan ketelusan masih menjadi faktor utama kepercayaan masyarakat, khususnya bagi pewakaf korporat yang terikat kepada audit, pelaporan kewangan dan pengukuran impak. Aktiviti wakaf memerlukan pelaporan kepada MAIN, pewakaf dan orang awam serta menuntut kepentingan akauntabiliti perakaunan yang teratur. Jika format dan kekerapan pelaporan, indikator impak dan akses data tidak seragam, maka wakaf *muaqqat* sukar menerajui instrumen filantropi yang inklusif dan berkesan (JAWHAR, 2021).

CADANGAN STRATEGI PELAKSANAAN DAN PRAKTIKALITI

Untuk mengatasi cabaran tersebut, beberapa strategi praktikal boleh digerakkan secara bersama antaranya:

- (i) Penyelarasan dasar dan garis panduan nasional – JAWHAR bersama YWM boleh membangunkan panduan standard wakaf *muaqqat* untuk semua negeri, termasuk definisi, prosedur kelulusan dan kawalan selia (YWM, 2024);
- (ii) Pembangunan model akad standard – penyediaan templat *sighah* wakaf *muaqqat* yang jelas mengenai tempoh, nazir, mekanisme penamatan wakaf dan status prinsipal selepas tempoh pewakafan berakhir. Ia lebih memudahkan pewakaf dan penerima manfaat memahami hak dan tanggungjawab mereka (Ibrahim & Mohd Noor, 2018);
- (iii) Pemerkasaan kapasiti institusi wakaf – latihan profesional dalam pengurusan aset jangka pendek, pelaburan patuh

syariah dan laporan penilaian impak perlu disediakan kepada nazir negeri dan pengurus wakaf (Mohamad & Ibrahim, 2019);

- (iv) Kempen pendidikan dan kesedaran masyarakat – melalui seminar, media massa dan platform digital untuk menjelaskan konsep wakaf *muaqqat* sebagai instrumen yang sah di sisi syarak, fleksibel dan bermanfaat kepada masyarakat (IKIM, 2025);
- (v) Pemantapan tadbir urus dan ketelusan – penerapan sistem pelaporan impak, audit bebas dan papan pemuka digital projek untuk meningkatkan kepercayaan pewakaf korporat dan individu (Suruhanjaya Sekuriti, 2023);
- (vi) Penggunaan instrumen kewangan sokongan – kerajaan dan institusi kewangan Islam boleh menyediakan *qard al-hasan* (pinjaman berkebajikan), dana jaminan atau geran padanan (matching fund) untuk memulakan projek wakaf *muaqqat* sebelum ia menjana hasil sendiri (Bernama, 2024);
- (vii) Kerjasama sektor swasta dan awam – melibatkan bank Islam, *government-link companies* (GLC), universiti dan badan bukan kerajaan (NGO) dalam merancang dan melaksanakan projek wakaf *muaqqat* berskala besar supaya risiko dan kos ditanggung bersama.

Dengan strategi-strategi yang dinyatakan ini, wakaf *muaqqat* dapat direalisasikan sebagai instrumen patuh syariah yang praktikal dan diyakini, serta menjadi pelengkap penting kepada wakaf kekal dalam memperkukuh pembangunan sosioekonomi umat Islam di Malaysia.

PENUTUP

Secara keseluruhannya, wakaf *muaqqat* merupakan instrumen inovatif yang mempunyai asas syariah yang kukuh, sejarah amalan yang luas dan potensi besar untuk memperkukuh pembangunan sosioekonomi umat Islam di Malaysia. Kajian-kajian semasa seperti Mohamad dan Ibrahim (2019) serta Ibrahim dan Mohd Noor (2018) menunjukkan bahawa wakaf *muaqqat* bukan sahaja selari dengan pandangan mazhab utama dan keputusan Majma' al-Fiqh al-Islami, malah dapat memenuhi tuntutan *maqasid syariah* dengan memelihara harta pewakaf sambil mengagihkan manfaat kepada masyarakat. Pandangan Kahf (2015) dan laporan IRTI–IsDB (2018) turut menegaskan bahawa wakaf, termasuk model sementara ialah institusi pembangunan mampan yang boleh menyokong agenda keadilan sosial di negara-negara OIC.

Dengan kerangka undang-undang yang jelas, model akad standard yang telus, tadbir urus profesional serta kerjasama strategik antara kerajaan, institusi kewangan Islam, sektor swasta dan masyarakat sivil, wakaf *muaqqat* berpotensi menjadi pelengkap penting kepada wakaf kekal dalam membiayai projek pendidikan, kesihatan, teknologi, alam sekitar, penyelidikan dan bantuan kemanusiaan. Pendekatan ini bukan sahaja dapat mengoptimumkan mobilisasi aset umat Islam yang masih terbeku, malah meningkatkan penyertaan pewakaf baharu yang sebelum ini keberatan melepaskan aset mereka secara kekal (Hasan & Siraj, 2016; Abdul Karim & Mohd Shah, 2020).

Laporan World Bank and Islamic Development Bank (2016) dan Sadeq (2002) juga menunjukkan bahawa kebangkitan instrumen wakaf baharu mampu mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan kesejahteraan sosial jika diurus secara profesional dan telus. Oleh itu, pelaksanaan wakaf *muaqqat* yang sistematik dan inklusif akan memperkukuh ekosistem kewangan sosial Islam Malaysia, mengangkat reputasi negara sebagai peneraju inovasi wakaf serantau, serta menyumbang kepada agenda pembangunan mampan selari dengan visi Malaysia MADANI dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Akhir kalam, jika dilihat signifikannya kepentingan negara, pensyariatan wakaf *muaqqat* bukan sekadar membuka peluang kepada penyertaan lebih ramai pewakaf, tetapi juga memperkukuh ekosistem ekonomi Islam di Malaysia. Ia membolehkan mobilisasi aset ummah dalam skala besar, menarik penyertaan sektor swasta dan menjadikan Malaysia peneraju inovasi wakaf di peringkat serantau. Dari sudut *maqasid syariah* pula, ia memenuhi tuntutan memelihara harta, mengagihkan manfaat dan meningkatkan daya tahan sosioekonomi masyarakat Islam.



RUJUKAN

- Abdul Karim, S., & Mohd Shah, H. (2020). Waqf-based social finance: A Malaysian perspective. *Journal Of Islamic Accounting And Business Research*.
- Abu Zahrah, M. (1959). *Muhadarat fi al-waqf*. Kaherah: Dar al-Fikr al-‘Arabi.
- Al-Nawawi, Y. ibn S. (n.d.). *Syarh Sahih Muslim* (Jilid 11). Beirut: Dar al-Ma‘rifah.
- Bank Negara Malaysia. (2019). *Islamic banking and takaful statistics*. Kuala Lumpur: BNM.
- Bernama. (2024). *YWM waqf muaqqat workshop*. Putrajaya.
- Cerulli Associates. (2021). *Shariah-Compliant Fund Assets In Asia Pacific*.
- CIMB Islamic. (2022). *Itehad rider entrepreneur programme – temporary waqf*. Kuala Lumpur: CIMB Islamic Bank Berhad.
- Cizakca, M. (2000). *A history of philanthropic foundations: The Islamic world from the seventh century to the present*. Istanbul: Bogazici University Press.
- Enakmen Wakaf Terengganu. (2016). *Enakmen wakaf (Terengganu)*. Terengganu: Kerajaan Negeri Terengganu.
- Haque, A. (2020). *Issues in Islamic inheritance management in Malaysia*. Macrothink Institute.
- Hasan, S., & Siraj, S.A. (2016). *Corporate waqf: From principle to practice in Malaysia*. Kuala Lumpur: IBFIM.
- Hoexter, M. (1998). *Waqf studies in the Ottoman context*.
- Ibrahim, A., & Mohd Noor, A. (2018). Temporary waqf as an alternative instrument of social finance in Malaysia. *Journal of Islamic Finance*.
- International Islamic Fiqh Academy (Majma‘ al-Fiqh al-Islami). (2004). *Resolution on temporary waqf*. Jeddah: OIC.
- IRTI–Islamic Development Bank. (2018). *Revival of waqf for socio-economic development*. Jeddah: IRTI.
- Islamic Research and Training Institute & Islamic Development Bank. (2016). *Islamic social finance report*. Jeddah: IsDB.
- Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). (2025). *Wakaf muaqqat: meneroka potensi dan cabaran*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang. (2020). *Wakaf muaqqat (sementara)*. Pulau Pinang: Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang.
- Jabatan Mufti Negeri Selangor. (2014). Fatwa pelaksanaan produk wakaf musytarak. Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Bil. 2014/1.

- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). (2021). *Waqf information*. Putrajaya: JAWHAR.
- Kahf, M. (1998). *Financing the development of awqaf property*. Jeddah: Islamic Research and Training Institute (IRTI).
- Kahf, M. (2015). *Waqf: A sustainable development institution*. Jeddah: IRTI–Islamic Development Bank.
- Mandaville, J.E. (1979). Usurious piety: The cash waqf controversy in the Ottoman Empire. *International Journal of Middle East Studies*, 10(3), 289 – 308.
- Mahmud, M. (2020). *Realization of waqf muaqqat through Islamic private trust*.
- Mohamad, M. T., & Ibrahim, A. (2019). Waqf muaqqat in Malaysian legal framework: Issues and challenges. *International Journal Of Islamic Thought*.
- Noor Ain Alin, N., Ab Rahman, A., & Sukmana, R. (2025). Aplikasi wakaf mu'qqat di Malaysia: Analisis kritikal dari perspektif pembangunan ekonomi Islam. *Jurnal Syariah*, 33(1), 45 – 62.
- Rahman, M. F. A. (2017). The nature of temporary waqf, its ruling and public interest, *Global Journal Al-Thaqafah*, 2017, <https://doi.org/10.7187/GJAT122017-11>
- Sadeq, A. M. (2002). Waqf, perpetual charity and poverty alleviation. *International Journal Of Social Economics*, 29(1/2), 135 – 151.
- Sharifah Zubaidah, N. A., & Nor Asiah, M. (2019). *The legal framework of waqf in Malaysia*. Kuala Lumpur: IIUM Press.
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2023). *Waqf assets – islamic capital market*. Kuala Lumpur: SC.
- The Malaysian Reserve. (2025). Poor planning leaves billions in Islamic inheritance assets frozen. Kuala Lumpur.
- Juani Munir Abu Bakar. (2020). *Johor ada 4,566 tanah wakaf belum dibangunkan*. Utusan Malaysia. Diakses pada 19 Oktober 2025. <https://www.utusan.com.my/berita/2020/12/johor-ada-4566-tanah-wakaf/>
- Yayasan Waqaf Malaysia. (2024). *Waqf muaqqat workshop*. Putrajaya: YWM

PERUNDANGAN WAKAF *MUAQQAT* DI MALAYSIA

Nor Asiah Mohamad

PENDAHULUAN

Wakaf *muaqqat* merujuk kepada amalan wakaf yang dibuat secara bertempoh dari segi masa atau disandarkan kepada satu keadaan tertentu. Ia merupakan satu topik yang sering dibincangkan oleh para fuqaha sejak dahulu sehingga ke hari ini. Mazhab Maliki merupakan mazhab terbesar yang mengiktiraf wakaf *muaqqat* diikuti oleh beberapa pandangan kecil mazhab-mazhab lain termasuklah Mazhab Hanafi dan Syafie. Pandangan majoriti ulama bahawa wakaf mestilah bersifat kekal mencetus pelbagai perbincangan termasuklah tentang niat dan *sighah* pewakaf dan juga bentuk aset wakaf sama ada *'ain* yang wajib bersifat kekal atau sebaliknya. Sifat, keadaan dan konsep harta pada masa dahulu dan sekarang telah berubah dan ini menjadikan konsep aset wakaf juga turut berubah.

Dahulu, harta kebanyakannya direpresentasi oleh emas, tanah, wang emas dan perak, haiwan dan hamba sahaya tetapi kini konsep harta telah bercambah kepada kepakaran, ilmu pengetahuan dan sumber tenaga, karyawan, wang kertas dan wang digital serta lain-lain bentuk yang berubah mengikut amalan dan keperluan setempat. Pengiktirafan kepada perkembangan ini memerlukan kepada perbincangan pakar-pakar yang bukan sahaja daripada para ilmuwan agama bahkan

pakar-pakar bidang berkaitan. Pengiktirafan pandangan-pandangan ini ada yang diadaptasi sebagai sumber perundangan yang dizahirkan dalam bentuk ijtihad, fatwa, peruntukan undang-undang dan juga dasar kerajaan.

Pengkajian ini merujuk kepada pelbagai sumber perundangan berkaitan wakaf di Malaysia, merangkumi akta-akta persekutuan, enakmen-enakmen wakaf negeri, Perlembagaan Persekutuan, serta kaedah-kaedah, peraturan-peraturan dan fatwa yang berkuat kuasa. Rujukan pemakaian perundangan juga melihat kepada kes-kes berkenaan wakaf. Kajian ini menggunakan kaedah analisis doktrinal terhadap dokumen-dokumen yang relevan, termasuk semua undang-undang berkaitan seperti enakmen wakaf sedia ada, enakmen pentadbiran agama Islam, fatwa serta kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan berkaitan wakaf, *maqasid syariah* dan prinsip harta dalam Islam secara umum.

Tujuan analisis ini adalah untuk mengenal pasti jurang dalam perundangan semasa dan mencadangkan pindaan atau memperkenalkan peruntukan yang lebih jelas serta dasar-dasar berkenaan wakaf *muaqqat*. Memandangkan tidak semua negeri di Malaysia mempunyai undang-undang khusus berkaitan wakaf, dasar dan amalan mungkin boleh dibangunkan berdasarkan undang-undang lain atau rujukan buku-buku berautoriti mengenai wakaf. Oleh itu, kaji selidik dan temu bual dengan pegawai bertanggungjawab diadakan untuk mengenal pasti pendirian, dasar dan amalan terbaik bagi setiap negeri di Malaysia. Hanya negeri-negeri terpilih telah terlibat dalam kajian ini.

Penulisan ini dibahagikan kepada beberapa subtopik utama, bermula dengan perbincangan mengenai makna wakaf secara umum serta penelitian terhadap takrif wakaf *muaqqat* sekiranya terdapat peruntukan yang menyatakannya dalam undang-undang. Interpretasi konsep wakaf turut dianalisis melalui *sighah* atau keperluan lafaz wakaf, termasuk semakan terhadap borang-borang berkaitan yang digunakan oleh institusi berautoriti.

Analisis seterusnya dibuat dengan membandingkan peruntukan perundangan antara negeri-negeri yang menyebut wakaf *muaqqat* secara jelas, negeri-negeri yang tidak menyediakan peruntukan mengenainya, serta enakmen dan negeri-negeri yang secara terang menyebutkan wakaf *muabbad*. Pengesahan amalan dimuktamadkan dengan membuat temu bual atau melalui proses perbincangan dengan pihak yang berkenaan serta melalui pembentangan kajian secara berkumpulan. Hal ini termasuk mendapatkan penjelasan daripada beberapa negeri yang telah mempunyai peruntukan tentang wakaf *muaqqat* seperti Terengganu, Sarawak dan Johor serta negeri yang telah mempunyai fatwa berkaitan wakaf *muaqqat* melalui perbincangan berfokus. Selain dokumen perundangan, kedudukan wakaf *muaqqat* juga dilakukan dengan meneliti kajian literatur oleh penulis-penulis di Malaysia.

Prinsip amalan wakaf berbeza dengan amalan kebajikan yang lain seperti zakat dan derma. Wakaf disandarkan kepada rukun dan syarat yang jelas, yang perlu dipatuhi dan dijaga. Walau bagaimanapun, dalam situasi persaingan ekonomi semasa atau ketika pandemik, seorang *mutawalli* memerlukan

aset wakaf yang mudah dicairkan untuk tujuan pembangunan dan boleh digantikan melalui *istibdal* dengan bentuk aset wakaf yang lain. Dalam hal ini, pegangan kepada pandangan bahawa wakaf *muaqqat* tidak diharuskan boleh menjadi halangan atau merencatkan dinamik institusi wakaf itu sendiri yang berpegang kepada prinsip kelestarian harta dan manfaat yang berterusan.

Dalam wakaf, manfaat mestilah memberi faedah, mempunyai nilai dan berterusan serta mampan. Sesetengah harta wakaf di Malaysia didapati gagal dijanakan atas beberapa faktor. Secara umum, banyak harta wakaf yang berbentuk harta tidak alih masih dalam keadaan terbiar atas pelbagai sebab seperti lokasi yang tidak strategik, kekurangan modal untuk pembangunan dan saiz harta yang tidak ekonomik dan sebagainya. Disarankan prinsip wakaf yang bersifat *ijtihadi* mestilah dikembangkan mengikut keperluan semasa. Dengan membenarkan wakaf *muaqqat*, aset dapat dikumpul melalui pelbagai bentuk wakaf lain yang boleh digunakan untuk membangunkan wakaf sedia ada atau menggalakkan pewujudan aset wakaf yang baharu.

Pada masa ini, hanya lapan negeri di Malaysia mempunyai perundangan khusus berkaitan wakaf, manakala negeri-negeri lain hanya bergantung kepada beberapa peruntukan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri masing-masing. Hanya tiga negeri yang mempunyai peruntukan mengenai wakaf *muaqqat*, sekurang-kurangnya dalam seksyen takrif masing-masing. Terengganu melibatkan Seksyen 18 Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016. Sarawak mempunyai peruntukan yang membenarkan wakaf *muaqqat* dalam bentuk wakaf khas.

Negeri Johor pula melalui Kaedah-kaedah Wakaf 1983 juga mempunyai peruntukan mengenai wakaf *muaqqat*. Antaranya ialah peruntukan bahawa wakaf *ahli* tidak boleh melebihi 60 tahun atau dua generasi tidak termasuk tempoh hayat pewakaf. Undang-undang tersebut juga menjelaskan keadaan bagaimana wakaf *muaqqat* akan tamat serta menyatakan siapa yang akan memiliki harta tersebut apabila tempoh wakaf berakhir.

SUMBER UNDANG-UNDANG WAKAF DI MALAYSIA

Sumber utama hukum wakaf di Malaysia ialah al-Quran dan Sunnah. Walau bagaimanapun, ramai penulis mengulas bahawa tiada ayat yang jelas menyebut wakaf dalam al-Quran (Mohamad, Laeba & Hamdan, 2021). Walau bagaimanapun, amalan yang berkaitan sedekah jariah diterima sebagai asas kepada prinsip wakaf bagi mencapai matlamat pahala yang mengalir dalam sedekah. Oleh itu, walaupun terdapat undang-undang khusus wakaf, rujukan utama haruslah dilihat kepada hukum asal daripada al-Quran dan hadis. Sekiranya terdapat percanggahan, maka hukum syarak mendahului.

Di Malaysia, perundangan wakaf adalah berpunca kuasa daripada Perlembagaan Persekutuan 1957. Antara peruntukan yang penting ialah Senarai II, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan yang memberi kuasa kepada pihak berkuasa agama untuk membuat undang-undang wakaf di peringkat negeri masing-masing. Enakmen wakaf diwujudkan bagi menyediakan polisi dan peraturan wakaf. Undang-undang ini dimaktubkan sebagai enakmen, akta, kaedah dan peraturan seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Ringkasan Senarai Undang-undang Wakaf di Malaysia

Negeri	Undang-undang	Tahun	Catatan Penting
Johor	Kaedah-kaedah Wakaf Johor	1983	Antara undang-undang kecil terawal; MAINJ sebagai pemegang amanah tunggal.
Sarawak	Ordinan Wakaf (Sarawak)	2001	Menetapkan MIS sebagai pemegang amanah tunggal; antara negeri awal menggubal ordinan khusus wakaf.
Negeri Sembilan	Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan)	2005	Perincian tentang wakaf am, wakaf khas dan wakaf tunai.
Melaka	Enakmen Wakaf (Melaka)	2005	Memberi kuasa penuh kepada MAIM; wakaf tunai dan pelaburan.
Selangor	Enakmen Wakaf (Selangor)	2015	Enakmen awal yang mengiktiraf wakaf korporat, instrumen kewangan Islam, sukuk wakaf.
Perak	Enakmen Wakaf (Perak)	2016	Kerangka moden; MAIPk pemegang amanah tunggal; mengiktiraf wakaf tunai, saham, instrumen moden.
Terengganu	Enakmen Wakaf (Terengganu)	2016	Fokus pembangunan tanah wakaf dan pengukuhan peranan MAIDAM.
Sabah	Enakmen Wakaf (Negeri Sabah)	2018	Pengurusan aset wakaf, pemeliharaan serta penggunaan manfaat yang diperoleh daripada aset tersebut sesuai dengan prinsip syariah, penyelesaian pertikaian berkaitan wakaf.

Negeri	Undang-undang	Tahun	Catatan Penting
Pahang	Enakmen Wakaf (Pahang)	2022	Peruntukan jelas tentang pengurusan, pelaburan, pewakafan moden (saham, tunai, instrumen Islam).
Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya, Labuan)	Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah Persekutuan)	2025	Pindaan akta dilakukan secara lebih sistematik dengan fokus terhadap tadbir urus wakaf. Terdapat ruang amalan wakaf <i>muwaqqat</i> dalam peruntukan ini.
Lain-lain negeri (Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Kelantan)	Pentadbiran melalui Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri masing-masing	Pelbagai	Belum ada enakmen wakaf khusus, wakaf dikawal di bawah enakmen pentadbiran agama Islam umum.

Negeri-negeri yang masih belum menyediakan undang-undang khusus wakaf akan merujuk kepada peruntukan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat bagi negeri tersebut. Rujukan ini sudah pasti kurang lengkap disebabkan peruntukan yang ada adalah sangat terhad dan bersifat umum. Maka, pihak berkuasa agama perlu mendapatkan fatwa bagi setiap polisi atau peraturan mengenai wakaf supaya wakaf dapat digerakkan secara lebih progresif.

PERANAN FATWA SEBAGAI SUMBER UNDANG-UNDANG WAKAF

Menurut Perlembagaan Persekutuan di bawah Bahagian Negeri, Jadual Kesembilan, agama Islam dan hal-hal berkaitan

seperti wakaf berada di bawah bidang kuasa negeri. Fatwa yang dikeluarkan oleh mufti negeri dan diwartakan akan berkuat-kuasa sebagai undang-undang terutamanya dalam memberi panduan kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sebagai pemegang amanah tunggal wakaf. Fatwa juga akan menjadi rujukan kepada mahkamah dalam kes-kes pertikaian wakaf di samping membimbing umat Islam dalam pelaksanaan wakaf yang selari dengan syarak. Walaupun beberapa negeri telah menggubal enakmen wakaf, fatwa tetap memainkan peranan penting dalam menangani isu baru yang tidak diperincikan. Bagi sesetengah negeri seperti Pulau Pinang, Kelantan, Kedah dan Perlis yang tidak memiliki enakmen khusus, fatwa menjadi asas utama kepada inovasi pelaksanaan wakaf produktif.

Fatwa dilihat berfungsi dalam beberapa dimensi:

- (i) Melengkapkan kelompongan undang-undang – mengharuskan pelaksanaan wakaf tunai, *muwaqqat* dan instrumen Islam baru dalam negeri tanpa enakmen khusus.
- (ii) Menggalakkan inovasi – membuka ruang kepada pelaksanaan wakaf yang lebih fleksibel dan relevan dengan keperluan semasa.
- (iii) Memperkasa Mahkamah Syariah – mahkamah boleh merujuk fatwa ini dalam memutuskan kes khusus wakaf, sebagai asas syarak.
- (iv) Memelihara *maqasid syariah* – khususnya aspek menegakkan keluhuran agama, harta dan maruah atau nyawa.

Contoh: Fatwa Wakaf Negeri Pulau Pinang. Pulau Pinang telah menerajui inovasi fatwa wakaf, termasuk dua fatwa penting:

1. Fatwa Wakaf Tunai (2004): Belum disahkan secara rasmi dalam sumber web semasa, namun MAINPP telah mengiktiraf dan melaksanakan Skim Wakaf Tunai Pulau Pinang berdasarkan fatwa ini, yang membolehkan pengumpulan dana tunai disalurkan kepada aset kekal.
2. Fatwa Wakaf *Muaqqat* (2005, 2020): Mengiktiraf wakaf *muaqqat* sebagai sah menurut syarak memudahkan projek pembangunan melalui pajakan jangka panjang – menyediakan asas undang-undang untuk kolaborasi dengan pemaju swasta dan pelaksanaan projek komersial.

Fatwa-fatwa ini membolehkan pentadbir wakaf di Pulau Pinang bergerak dengan pendekatan yang lebih produktif dan pragmatik, melangkaui kerangka tradisional yang tertumpu kepada wakaf masjid, madrasah atau kubur. Fatwa pelaksanaan wakaf saham dan keuntungan saham dalam kalangan syarikat korporat pula telah diwartakan di negeri Selangor pada 2014, juga di negeri Johor pada tahun 2011.

Pandangan hukum oleh Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam (MKI). Di peringkat nasional, beberapa pandangan hukum berkaitan wakaf telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Muzakarah MKI. Antaranya ialah berkaitan hukum berwakaf dengan tanah pajakan atau tanah milik terhad (2004), hukum wakaf tanah milikan terhad (pajakan) (2004), hukum wakaf tunai (2007) dan hukum

membangunkan tanah wakaf (2008). Walaupun pandangan hukum MKI tidak menggantikan kuasa undang-undang negeri, kebiasaannya ia menjadi rujukan penting dan diterima serta diwartakan oleh negeri-negeri yang tidak mempunyai fatwa atau enakmen wakaf.

JUSTIFIKASI UNTUK PENERIMAAN WAKAF *MUAQQAT* DALAM PERUNDANGAN MALAYSIA

Jadual 2 menunjukkan terdapat kelompongan perundangan dalam konsep serta hukum berkaitan wakaf *muaqqat*.

Jadual 2: Perbandingan Peruntukan Wakaf *Muabbad* dan Wakaf *Muaqqat*

Undang-undang	Perincian Takrif Wakaf <i>Muaqqat</i> Seksyen Peruntukan Pelaksanaan Aplikasi Wakaf <i>Muaqqat</i> Aplikasi Wakaf <i>Muabbad</i>
Selangor	
Enakmen Wakaf Selangor 2015	<ul style="list-style-type: none"> • Takrif wakaf tidak memperuntukkan bahawa ia perlu kekal. • Tiada peruntukan khusus berkenaan wakaf <i>muabbad</i> dan wakaf <i>muaqqat</i>.
Johor	
Seksyen 17, Kaedah-Kaedah Wakaf 1983	<ul style="list-style-type: none"> • Wujud takrif wakaf <i>muaqqat</i>. • Selain masjid boleh dijadikan wakaf <i>muabbad</i> dan <i>muaqqat</i>. Wakaf keluarga mesti wakaf <i>muaqqat</i>. Wakaf <i>khairi</i> selain masjid boleh jadi <i>muabbad</i> atau <i>muaqqat</i>. Wakaf masjid mesti <i>muabbad</i>. • Aplikasi wakaf <i>muabbad</i> dinyatakan secara umum.

Undang-undang	Perincian Takrif Wakaf <i>Muaqqat</i> Seksyen Peruntukan Pelaksanaan Aplikasi Wakaf <i>Muaqqat</i> Aplikasi Wakaf <i>Muabbad</i>
Terengganu	
Seksyen 18, Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016 dan Peraturan-Peraturan Pendaftaran Wakaf (Terengganu) 2019	<ul style="list-style-type: none"> • Wujud takrif wakaf <i>muaqqat</i>. • Aplikasi wakaf <i>muabbad</i> dan wakaf <i>muaqqat</i> dinyatakan secara umum.
Pahang	
Enakmen Wakaf (Pahang) 2022	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada peruntukan wakaf <i>muaqqat</i>. • Wakaf mestilah bersifat kekal.
Sarawak	
Seksyen 2, Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001	<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat peruntukan wakaf <i>muaqqat</i> dalam takrif wakaf khas.

Kajian ini dijalankan dengan justifikasi yang kukuh terhadap keperluan untuk mewajarkan dan membangunkan wakaf *muaqqat* dalam struktur institusi wakaf di Malaysia berdasarkan prinsip kelestarian dan *maslahah*, meskipun bercanggah dengan prinsip umum tentang kekekalan wakaf (*muabbad*) seperti yang dianjurkan oleh Mazhab Syafie. Walaupun elemen kekal dalam wakaf ialah kaedah yang lazim diterima dalam memastikan kelangsungan dan kelestarian institusi wakaf, perubahan keadaan semasa menuntut para fuqaha untuk lebih inovatif

dalam menggubal hukum, mengenal pasti *illah* dan memberikan justifikasi bagi pengembangan hukum agar pelaksanaan wakaf *muaqqat* tidak menjejaskan tujuan asal penubuhan institusi wakaf itu sendiri.

Oleh itu, pelaksanaan wakaf *muaqqat* tidak seharusnya dibincangkan secara terasing daripada prinsip-prinsip pengurusan dan perancangan strategik dalam pengurusan aset dan harta. Pengiktirafan wakaf sebagai produk ijtihadi para fuqaha juga merupakan satu rahmat untuk umat. Objektif *maqasid syariah* dalam melindungi dan memelihara agama, nyawa, keturunan dan harta memerlukan penelitian lanjut bagi menentukan keutamaan (Ibn Ashur, 2006; Audah J, 2014). Antara justifikasi yang penting ialah:

1. Kajian terhadap literatur menunjukkan bahawa terdapat potensi besar dalam pelaksanaan wakaf *muaqqat* dari sudut sosial, ekonomi, undang-undang serta perspektif syariah. Menariknya, dari sudut matematik, kajian menunjukkan bahawa wakaf *muaqqat* boleh dilaksanakan bagi mencapai manfaat yang berterusan berbanding aset wakaf yang bersifat kekal (Mohamad, Laeba & Hamdan, 2021).
2. Analisis terhadap *maqasid syariah* menunjukkan bahawa terdapat tafsiran baru mengenai perlindungan dan pemeliharaan harta (*al-mal*) sebagai salah satu objektif syariah yang menguatkan pandangan bahawa amalan wakaf sebagai satu cara untuk melindungi *al-mal*. Namun begitu, perlindungan ini dalam banyak kes telah menyebabkan tanah wakaf terbengkalai atau tidak dibangunkan. Sikap

terlalu berhati-hati demi melindungi agar tanah atau nilainya tidak berkurang telah menyebabkan sesetengah tanah tidak dimanfaatkan. Dalam kajian ini, konsep perlindungan dijelaskan dengan lebih lanjut melalui amalan wakaf *muqqat* sebagai satu alternatif untuk mencapai perlindungan wakaf dengan mengambil kira keadaan semasa ahli masyarakat sebagai pewakaf, perlindungan dan kelestarian harta serta kategorinya dalam era teknologi maklumat dan kecerdasan buatan. Tafsiran objektif syariah secara fungsional adalah penting untuk dijadikan asas kepada dasar. Sekali lagi, bukti matematik yang dinyatakan sebelum ini menyokong penemuan ini.

3. Mengambil pandangan mazhab yang berbeza bukanlah sesuatu yang asing dalam pembangunan undang-undang di Malaysia. Perkara ini telah dilakukan dalam menerima pakai wakaf tunai. Pada asalnya, menurut Mazhab Syafie, hanya harta tidak alih sahaja yang boleh dijadikan sebagai aset wakaf. Namun begitu, para sarjana Muslim di kebanyakan bahagian dunia telah mengiktiraf keperluan untuk menerima wang tunai sebagai salah satu bentuk aset wakaf. Terdapat dua isu utama yang berkisar mengenai wakaf tunai:
 - (i) Pertama, isu kekekalan, iaitu berkaitan dengan pendermaan wang secara berkala, tetap dan berulang ke dalam dana wakaf tunai. Ibn Humam, Ibn Abidin dan Ibn Nujaim mempersoalkan keupayaan wakaf tunai untuk memenuhi syarat kekekalan apabila wakaf tunai digunakan dalam transaksi *mudarabah* dan keuntungan

yang dijana disalurkan kepada amal jariah. Dalam hal ini, memandangkan pulangan daripada *mudarabah* adalah tidak menentu dan boleh juga mengalami kerugian, maka syarat kekekalan itu menjadi persoalan (Cizakca M, 2000);

- (ii) Kedua, isu pemberian wakaf tunai sebagai modal perniagaan dan harapan untuk mendapat lebih jumlah bagi tujuan didermakan semula adalah seumpama menyewakan wang tunai. Memandangkan wang berfungsi sebagai medium pembayaran dan penyimpanan nilai, fungsinya dalam masyarakat kini adalah serupa dengan penggunaan emas pada zaman Nabi SAW. Oleh itu, ia diklasifikasikan sebagai barang *ribawi* yang perlu ditukar secara serta-merta dan secara tangan ke tangan bagi mengelakkan riba. Hal ini menjadi isu dalam Mazhab Syafie yang melihat objek wakaf sebagai sesuatu yang bersifat kekal dan boleh dimanfaatkan. Walau bagaimanapun, isu-isu ini telah dibincang dan diselesaikan oleh Jawatankuasa Muzakarah MKI pada tahun 2007. Oleh itu, pelaksanaan wakaf *muaqqat* juga adalah dibolehkan, mengikut proses perundangan yang sama; dan
- (iii) Pandangan para sarjana Islam mengenai wakaf *muaqqat* pelbagai di Malaysia, pandangan Mazhab Syafie adalah dominan bahawa wakaf bersifat kekal dan menjadi asas kepada amalan undang-undang Islam. Kajian ini membincangkan pandangan bahawa terdapat

pandangan minoriti dalam kalangan fuqaha Mazhab Syafie yang membenarkan pelaksanaan wakaf *muaqqat* seperti yang dikemukakan oleh Imam An-Nawawi dan Imam Ibn Shurayj. Keharusan wakaf *muaqqat* masih terus diperdebatkan dalam kalangan para ulama daripada keempat-empat mazhab utama (Mohamad & Haron, 2021).

4. Perbezaan tafsiran antara negeri berkaitan wakaf, iaitu wakaf mestilah kekal dan wakaf juga boleh secara bertempoh, menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk menyeragam tafsiran wakaf yang jelas. Penyeragaman ini harus dibuat dengan mewujudkan pandangan hukum dan fatwa yang jelas. Dalam konteks ini, hukum wakaf *muaqqat* harus diselaraskan dan dibenarkan supaya tidak mengelirukan masyarakat.
5. Ketiadaan peruntukan undang-undang yang jelas dalam enakmen wakaf atau enakmen pentadbiran agama Islam, menyebabkan wakaf *muaqqat* boleh dicabar kesahihannya dan menjadi kes pecah amanah atau pecah kontrak di peringkat pengadilan mahkamah sivil. Dalam hal ini, sekiranya diwujudkan peruntukan undang-undang berkaitan wakaf *muaqqat*, maka harus juga ditubuhkan satu jawatankuasa *sulh* yang melibatkan pakar-pakar yang berkaitan bagi mengelakkan kes-kes wakaf dibawa ke pengadilan sivil yang bukan sahaja akan melibatkan reputasi institusi syariah bahkan agama Islam itu sendiri.
6. Pengurusan risiko wakaf *muaqqat* juga harus merangkumi perkara berkaitan hak dan tanggungjawab pihak yang terlibat

sebagai pewakaf, *mutawalli* atau pengurus harta semasa kontrak berlangsung dan sewaktu pemulangan. Penglibatan pakar dalam kontrak yang berkaitan termasuklah pengamal undang-undang dan syariah adalah penting dengan mewujudkan pemegang amanah, penasihat syariah dan pihak pengurusan yang pakar dan arif tentang bidang mereka dan juga wakaf.

Kerangka perundangan wakaf *muaqqat* perlu mengambil kira beberapa perkara sebagai dasarnya seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3: Kerangka Perundangan Wakaf *Muaqqat*

Perkara	Pelaksanaan
Pernyataan hukum bahawa wakaf <i>muaqqat</i> atau bertempoh adalah harus	Mewujudkan takrifan wakaf <i>muaqqat</i> bersama wakaf <i>muabbad</i> . Mewujudkan bab khusus tentang wakaf <i>muaqqat</i> dengan jenis-jenis wakaf harta tidak alih dan harta alih. Memasukkan contoh transaksi bagi setiap jenis harta.
<i>Mutawalli</i>	Perlantikan <i>mutawalli</i> atau/nazir oleh MAIN sesuai dengan peruntukkan undang-undang.
Kontrak	Mewujudkan kontrak yang jelas, yang mengikat pihak yang terlibat dengan pernyataan tugas dan tanggungjawab yang jelas.
Tempoh	Penentuan tempoh wakaf yang jelas bagi harta alih dan harta tidak alih.

Perkara	Pelaksanaan
Jenis aset wakaf	Penentuan jenis aset wakaf sama ada alih atau tidak alih.
<i>Sighah</i> wakaf	Wujud komponen <i>sighah</i> yang jelas, antaranya: (a) Tujuan pewakafan; (b) Jenis harta yang diwakafkan; (c) Tempoh pewakafan; (d) Golongan penerima manfaat; dan (e) Bentuk pemulangan harta wakaf nilai (contohnya wakaf tunai).
Tabung atau akaun	<i>Mutawalli</i> mewujudkan tabung atau akaun wakaf untuk mengumpulkan dana wakaf tunai yang diterima.
Pelaburan dan pengembangan harta	Dana wakaf tunai yang dikumpulkan dalam tabung wakaf dilaburkan dalam aktiviti pelaburan patuh syariah. Dana wakaf juga boleh digunakan sebagai produk pembiayaan. Syarat: Harta terpelihara atau jaminan pihak ketiga (takaful, kerajaan <i>mutawalli</i> dan sebagainya).

Perkara	Pelaksanaan
Penggunaan atau pengagihan manfaat	<p>Sebahagian keuntungan daripada hasil pelaburan akan digunakan bagi merealisasikan tujuan wakaf atau kemaslahatan awam.</p> <p>Sebahagian hasil pelaburan akan diagihkan kepada <i>mutawalli</i> mengikut nisbah yang telah dipersetujui.</p> <p>Sebahagian hasil pelaburan akan diagihkan kepada MAIN atau agensi terlibat.</p> <p>Jika wujud keperluan, hasil pelaburan boleh disalurkan untuk menampung tabung wakaf.</p>
Pemulangan aset kepada pewakaf	<p>Pemulangan aset wakaf tunai diambil daripada tabung wakaf.</p> <p>Pemulangan aset boleh dibuat secara pemberian <i>in-kind</i> yang setara dengan nilai wakaf asal.</p> <p>Ia perlu mendapat persetujuan pewakaf pada langkah kedua.</p>
Lain-lain	<p>Tempoh wakaf juga boleh ditamatkan dengan menukar kontrak wakaf kepada kontrak lain (Contoh: hibah, sedekah dan sebagainya).</p> <p>Harta tersebut juga boleh kekal ditadbir oleh MAIN dengan ditukar jenis wakaf (Contoh: wakaf jenis khas/<i>zurri</i> yang bertempoh ditukar kepada wakaf jenis am).</p>

Di dalam Fatwa Wakaf *Muaqqat* Pulau Pinang Bil. 4/2019 diputuskan bahawa wakaf *muaqqat* boleh dilaksanakan di negeri Pulau Pinang tertakluk kepada satu garis panduan yang lengkap

dan jelas. Terma klausa yang dicatatkan oleh Jawatankuasa Fatwa tersebut ialah tempoh dan benefisiari wakaf *muaqqat* mesti jelas, sekiranya tidak dinyatakan dengan jelas wakaf tersebut, maka wakaf hendaklah difahami sebagai wakaf yang kekal. Wakaf harta tidak alih untuk pembinaan dan kepentingan masjid mestilah bersifat kekal, manakala wakaf untuk kubur dan institusi pendidikan juga mestilah bersifat kekal. Manakala wakaf untuk kepentingan selain masjid boleh bersifat kekal atau sementara.

Bagi wakaf harta alih, yang kegunaannya adalah untuk masjid juga diputuskan mesti bersifat kekal dan untuk kegunaan selain masjid boleh bersifat kekal atau bersifat sementara. Mengambil panduan daripada fatwa tersebut, berikut adalah beberapa panduan asas bagi kerangka perundangan wakaf *muaqqat*.

Jadual 4: Ringkasan Peruntukan Wakaf di Beberapa Negara Lain

Negara	Undang-undang	Seksyen Wakaf <i>Muwaqqat</i>	Peruntukan Tentang Wakaf <i>Muabbad</i> atau Wakaf Mestilah Kekal	Tempoh	Jenis Wakaf yang Boleh <i>Muwaqqat</i>	Jenis Wakaf yang Mesti <i>Muabbad</i>
Johor	Kaedah-Kaedah Wakaf 1983	Ada.	Seksyen 17.	60 tahun atau 2 keturunan.	Selain masjid, struktur atau harta lain boleh diwakafkan sama ada sebagai wakaf <i>muabbad</i> atau wakaf <i>muwaqqat</i> . Wakaf keluarga pula hendaklah berbentuk wakaf <i>muwaqqat</i> , kerana ia melibatkan manfaat yang terhad kepada tempoh dan kumpulan tertentu.	Wakaf masjid mestilah <i>muabbad</i> . Wakaf <i>khairi</i> selain dari masjid boleh <i>muabbad</i> atau <i>muwaqqat</i> .
Terengganu	Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016	Ada: Seksyen 18.	Seksyen 18 .	Tiada.	Umum.	Umum.



Negara	Undang-undang	Seksyen Wakaf <i>Muiqqat</i>	Peruntukan Tentang Wakaf <i>Muabbad</i> atau Wakaf Mestilah Kekal	Tempoh	Jenis Wakaf yang Boleh <i>Muiqqat</i>	Jenis Wakaf yang Mesti <i>Muabbad</i>
Mesir	Undang-undang Wakaf Mesir No. 48 1946	Perkara 5.	Ada.	Dua generasi.	Wakaf am dan wakaf khas boleh kekal atau bertempoh.	Wakaf masjid.
Kuwait	<i>Qanun al Waqf</i> , 1951 Manual Wakaf 2014	Ada: Perkara 19, <i>Qanun al Waqf</i> , 1951.	Ada: Wakaf <i>khairi</i> atau am boleh kekal atau bertempoh. Wakaf ahli - hanya boleh <i>muiqqat</i> .	i. Wakaf <i>khairi</i> : 10 – 60 tahun. ii. Wakaf ahli: 10 – 60 tahun atau dua generasi. iii. Wakaf <i>musytarak</i> : Minima 5 tahun.	Wakaf <i>khairi</i> , wakaf ahli, wakaf <i>musytarak</i> .	i. Masjid, kubur. ii. Wakaf yang pewakaf telah meninggal dunia dan tiada peruntukan untuk pembatalan. iii. Wakaf yang telah diputuskan sebagai wakaf kekal oleh mahkamah.
Indonesia	Undang-undang No. 2004/41 (Wakaf) No. 42, 2006	Perkara 1 Bab 1, wakaf boleh <i>muabbad</i> atau <i>muiqqat</i>	Ada: Tempoh harus dinyatakan dalam <i>sihlah</i> .	Tiada.	Harta alih boleh <i>muabbad</i> atau <i>muiqqat</i> .	Harta tidak alih mesti <i>muabbad</i> . Kecuali manfaat dari hartanah/harta tak alih boleh menjadi <i>muiqqat</i> .
India	Akta Wakaf 1954 Model Wakaf 2006 Akta <i>Reform</i> Wakaf 2013	Perkara 2 2 Model Akta Wakaf 2006 Wakaf ialah dedikasi harta secara kekal.	Ada.	Tiada.	Tiada peruntukan.	Tiada peruntukan.

ANALISIS DAN DAPATAN

Walaupun Malaysia berpegang kepada Mazhab Syafie yang pada asasnya tidak membenarkan wakaf *muqqat* tetapi bersandarkan kepada ijtihad atau fatwa, yang mempunyai asas fiqah yang hampir sama, maka penerimaan wakaf *muqqat* adalah wajar ke arah pendekatan hukum yang lebih fleksibel tetapi bermanfaat kepada umat.

Di Indonesia, meskipun Mazhab Syafie dijadikan rujukan utama, negara tersebut telah melaksanakan pembaharuan dengan membenarkan wakaf *muqqat* melalui kaedah ijtihad dan ijmak. Peruntukan jelas mengenai tempoh dan jenis-jenis wakaf telah dimasukkan ke dalam Undang-Undang Wakaf No. 41 Tahun 2004. Kerangka undang-undang Indonesia ini menonjol kerana bersifat dinamik dan progresif, termasuk dengan pengenalan *Waqf Core Principles* (WCP) dan penerimaan Manual Wakaf oleh Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institution (AAOIFI), yang mengiktiraf secara khusus wakaf *muqqat*. Hal ini membuktikan komitmen dasar negara tersebut bukan sahaja kepada fiqah tradisional tetapi juga terhadap pembangunan wakaf sebagai instrumen kewangan dan sosial moden.

Sebaliknya, Mesir dan Kuwait mempunyai pengalaman yang lebih lama dalam mengaplikasikan wakaf *muqqat*. Di kedua-dua negara ini, wakaf *muqqat* telah dilaksanakan dengan penentuan tempoh yang jelas, meliputi wakaf am dan wakaf khas termasuk wakaf keluarga (Law No. 48 of 1946). Walau bagaimanapun, Mesir telah menghentikan kebenaran mewujudkan wakaf

keluarga baharu sejak tahun 1952, dengan membataskan wakaf keluarga sedia ada kepada dua generasi sahaja, selepas itu harta akan berpindah kepada wakaf umum atau kembali kepada pewakaf atau warisnya (Sadique *et al.*, 2016) Kuwait pula mengekalkan lebih banyak kelonggaran dalam membenarkan wakaf keluarga dengan tempoh tertentu.

Dapatan perbandingan ini menunjukkan bahawa, walaupun terdapat larangan dalam pandangan jumhur Mazhab Syafie, wakaf *muaqqat* telah berjaya dilaksanakan dalam pelbagai bidang kuasa Islam melalui inovasi dasar, perundangan dan keutamaan kepada kepentingan pemegang taruh dan telah menjadi sebahagian prinsip perundangan wakaf seperti di negara Indonesia dan Singapura. Sudah tiba masa untuk Malaysia mempertimbangkan pengkanunan wakaf *muaqqat*.

PENUTUP

Daripada analisis di atas, dapat disimpulkan bahawa wakaf *muaqqat* adalah sah dan relevan dalam konteks Malaysia, meskipun pandangan majoriti Mazhab Syafie menolaknya. Penulisan ini menegaskan bahawa penerimaan pandangan minoriti dalam Mazhab Syafie berserta pandangan utama Mazhab Maliki yang mengharuskan wakaf *muaqqat*, adalah wajar berasaskan prinsip keperluan umum.

Mengutamakan maslahat selaras dengan *maqasid syariah*, khususnya dalam aspek perlindungan harta (hifz al-mal) dan agama (hifz al-din), adalah penting. Selagi pelaksanaan wakaf *muaqqat* tidak bercanggah dengan prinsip asas syariah, maka ia boleh diterima. Hal ini boleh dilakukan melalui dua kaedah:

- (i) Reformasi perundangan dengan memasukkan peruntukan jelas mengenai wakaf *muaqqat* dalam Enakmen Wakaf Negeri; atau
- (ii) Pengeluaran fatwa berautoriti yang mengiktiraf pandangan minoriti fuqaha Syafie sebagai rujukan sah dalam konteks Malaysia.

Evolusi konsep harta dan aset wakaf dalam masyarakat kontemporari turut menguatkan keperluan reformasi ini. Wakaf kini tidak lagi terbatas kepada harta nyata dan tidak alih seperti tanah atau bangunan, malah merangkumi harta alih, saham, harta intelek dan manfaat. Dalam konteks ini, harta yang bersifat sementara juga mempunyai nilai sebagai wakaf sekiranya ia memberi manfaat yang jelas dan berulang kepada penerima.

Tambahan pula, sifat sementara harta tidak menafikan kekekalan manfaatnya. Manfaat berulang daripada wakaf *muaqqat* boleh memberi impak sosioekonomi yang sama seperti wakaf kekal, sekali gus memperluas penyertaan masyarakat dalam wakaf serta memaksimumkan kesejahteraan.

Oleh itu, dicadangkan bahawa:

- (i) Semua negeri di Malaysia perlu memasukkan peruntukan khusus mengenai wakaf *muaqqat* dalam enakmen wakaf masing-masing;
- (ii) Keperluan fatwa yang jelas berhubung keharusan wakaf *muaqqat* jika tiada enakmen, maka Jawatankuasa Fatwa Negeri perlu mengeluarkan fatwa yang jelas bagi memberi kepastian undang-undang;

- (iii) Pada peringkat persekutuan, agensi seperti JAWHAR wajar memelopori usaha meratifikasi dan melaksanakan WCP yang telah pun mengandungi garis panduan mengenai wakaf *muaqqat*;
- (iv) Keperluan untuk memasukkan peruntukan yang jelas mengenai wakaf *muaqqat* dalam enakmen atau peraturan berkenaan pelaksanaan wakaf tunai. Peraturan tersebut hendaklah memperincikan tempoh, terma kemasukan dan keluar kontrak, remedi bagi pelanggaran, kesinambungan wakaf sekiranya berlaku kematian pihak-pihak yang terlibat, kuasa *mutawalli* untuk membuat keputusan, serta kaedah dan pihak berautoriti untuk menyelesaikan pertikaian sekiranya pihak-pihak tidak memilih mahkamah sebagai mekanisme penyelesaian;
- (v) Satu borang perjanjian piawai boleh digubal bagi mengurangkan masalah dalam mengawal selia, mentafsir dan menguatkuasakan amalan serta produk wakaf;
- (vi) Pelaksanaan wakaf *muaqqat* tidak seharusnya hanya terhad kepada wakaf keagamaan seperti masjid atau tanah perkuburan, tetapi perlu diperluaskan kepada semua jenis wakaf termasuk wakaf keluarga, wakaf bagi harta alih dan harta tidak alih;
- (vii) MAIN perlu memudah cara pelaksanaan wakaf *muaqqat* dengan menyediakan manual atau garis panduan bagi mengurangkan variasi dalam pelaksanaan, sekali gus mengurangkan kemungkinan berlakunya pertikaian atau masalah;

- (viii) Perlu diwujudkan satu jawatankuasa, khusus wakaf di peringkat MAIN untuk memantau pelaksanaan wakaf khususnya wakaf *muaqqat*. Ahli-ahlinya hendaklah terdiri daripada pakar pelbagai bidang termasuk peguam, pakar syariah, ahli ekonomi, akauntan dan lain-lain; dan
- (ix) Satu borang kontrak piawaian wakaf perlu digubal.

Ratifikasi WCP oleh Malaysia adalah perlu dan tepat pada masanya ke arah menggalakkan penyeragaman amalan dan peraturan wakaf serantau.

RUJUKAN

- Audah, J. (2014). *Memahami maqasid syariah* (M. B. A. Hamid, Trans.). PTS Islamika. (Original work: *Maqasid al-Shariah: A Beginner's Guide*).
- Cizakca, M. (2000). *A history of philanthropic foundations: The Islamic world from the seventh century to the present*. Bogazici University Press.
- Ibn Ashur, M. (2006). *Ibn Ashur: Treatise on maqasid al-shariah*. IIIT.
- Mohamad, N. A., & Haron, A. H. (2021). Perpetuity of waqf in past present and future, in N. A. Mohamad et al., (Eds.), *Waqf Past, Present And Future* Pp. 61 – 75). *International Islamic University Malaysia, Global Waqf Conference*, Kuala Lumpur, Malaysia, pp. 61 – 75. ISBN 978-967-2641-80-3.
- Mohamad, N. A., Laeba, M., & Hamdan, O. (2021). From “protection” and “preservation” to “development” and “right”: A new approach of objective of shariah via waqf muaqqat. *Journal of Contemporary Business and Islamic Finance*, 1 (1), 1 – 10.
- Mahmoudi, H., Laeba, M., & Mohamad, N. A. (2021). The temporary waqf and its role in facing economic crises. *Al-Qanatir*, 24(2), 51. <http://al-qanatir.com>
- Rahman, M. F. A. (2017). The nature of temporary waqf, its ruling and public interest, *Global Journal Al-Thaqafah*, 2017, <https://doi.org/10.7187/GJAT122017-11>
- Sadique, M. A., Ansari, A. H., Hingun, M., & Hasan, A. (2016). Socio-legal significance of family waqf in islamic law: Its degeneration and revival. *IJUMIJ*, 24, 309.



PELAKSANAAN DAN PENGURUSAN RISIKO WAKAF *MUAQQAT*: PERSPEKTIF EKONOMI

Azniza Hartini Azrai Azaimi Ambrose

PENDAHULUAN

Wakaf *muaqqat* merupakan antara instrumen filantropi yang semakin hangat diperbincangkan kerana dianggap bersifat fleksibel dan mampu menarik ramai pewakaf. Mazhab Maliki dan Abu Yusuf daripada Mazhab Hanafi berpendapat bahawa aset yang diwakafkan (*mawquf*) boleh bersifat sementara (Ambrose & Peredaryenko, 2022; Rashid, 2018). Namun begitu, aplikasi wakaf *muabbad* lebih sinonim dan rapat dengan budaya Malaysia berbanding wakaf *muaqqat*. Hal ini merupakan satu kerugian apabila difikirkan potensi wakaf *muaqqat* dalam mempelbagaikan inisiatif wakaf untuk membantu memperkasakan sosioekonomi negara. Hanya terdapat dua aplikasi wakaf *muaqqat* di Malaysia, iaitu program iTEKAD CIMB Islamic Rider Entrepreneur Asnaf dan wakaf dividen, hasil kerjasama Waqaf Felda dan Alliance Islamic Bank.

Walaupun begitu, wakaf *muaqqat* tidak terlepas daripada risikonya yang tersendiri. Risiko yang paling ketara ialah jaminan kelangsungan *mawquf* sehingga tempoh wakaf tamat dan rangka kerja wakaf *muaqqat* yang optimum. Persoalan timbul, bagaimanakah *mawquf* boleh dijamin kelangsungannya? Model apakah yang menjamin ketelusan wakaf? Bolehkah wakaf *muaqqat* memberi manfaat yang berterusan?

Oleh itu, bab ini mempunyai dua objektif utama. Pertama, menghuraikan implikasi wakaf *muaqqat* terhadap ekonomi Malaysia; dan kedua, membincangkan strategi pengurusan risiko yang berkaitan dengan pelaksanaan wakaf *muaqqat*. Bagi mencapai objektif tersebut, bab ini dibahagikan kepada empat bahagian utama. Ia bermula dengan pengenalan, diikuti dengan perbincangan aplikasi wakaf dari sudut ekonomi dengan penekanan khusus terhadap wakaf *muaqqat*. Seterusnya, bab ini menumpukan kepada aspek pengurusan risiko wakaf.

SOROTAN PERKEMBANGAN APLIKASI WAKAF DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI

Integrasi wakaf dalam ekonomi bukanlah sesuatu yang asing dalam sejarah dunia Islam. Wakaf boleh dianggap sebagai instrumen sektor ketiga dalam ekonomi (Ambrose, Aslam & Hanafi, 2019); selain daripada sektor awam dan sektor swasta. Menurut Faridi (1983), sektor ketiga merangkumi aktiviti individu dan sosial yang dilakukan tanpa niat untuk mencapai sebarang manfaat ekonomi tetapi secara tidak langsung, menghasilkan kesan ekonomi yang meluas. Jika dibandingkan dengan ekonomi masa kini, sektor ketiga memainkan peranan yang lebih besar berbanding sektor awam dalam sejarah ekonomi Islam. Kenyataan ini boleh dibuktikan apabila aplikasi wakaf di era Umayyah, Abbasiyah, Ayyubiyah dan Uthmaniyah ditelusuri (Ambrose, Aslam & Hanafi, 2018).

Semenjak zaman Nabi Muhammad SAW, sehinggalah kemunculan Kerajaan Umayyah, aset-aset wakaf telah berjaya

dibangunkan dan dijana dengan pesat. Atas faktor ini, *Diwan al-Ahbas* telah ditubuhkan di era Kerajaan Umayyah bagi memelihara wakaf dari salah guna (Mohsin, 2009). Era tersebut telah menyaksikan kebanyakan harta telah diwakafkan untuk tujuan pendidikan seperti perpustakaan, sekolah, gaji guru dan biasiswa untuk pelajar (Mohsin, 2009).

Kahf (2014) menyatakan bahawa pada zaman pemerintahan Khalifah Abbasiyah, universiti-universiti di Damsyik telah menyalurkan elaun tunai, perkhidmatan, pembantu, rawatan perubatan serta kemudahan lain kepada para pelajar melalui instrumen wakaf. Hasil wakaf juga digunakan bagi tujuan penambahbaikan jalan, membantu golongan fakir miskin yang ingin menunaikan haji serta menyokong individu yang berhasrat untuk mendirikan rumah tangga. Menariknya, dana pelaburan wakaf yang terdiri daripada tanah pertanian, aktiviti perniagaan dan hasil sewaan perumahan telah diwujudkan bagi menampung kos operasi hospital. Dapat diperhatikan bahawa prinsip asas teori portfolio (portfolio theory) – satu konsep penting dalam bidang kewangan moden – sebenarnya telah lama diaplikasikan dalam pengurusan wakaf.

Pada zaman Sultan Salahuddin al-Ayyubi, konsep wakaf *irsod* (wakaf yang diwartakan oleh kerajaan) mula diperkenalkan sebagai dasar kerajaan yang menyokong reformasi fiskal yang dibawa oleh baginda. Seperti yang dihuraikan oleh Frenkel (1999), Sultan Salahuddin al-Ayyubi telah menjadikan harta rampasan perang – salah satu hasil utama negara – sebagai aset wakaf. Dasar baharu ini memperluaskan sumber dan skop wakaf dengan


menambah aset dalam bentuk sekolah, hospital, kedai, pusat mandi awam, sumber minuman, pertahanan, perumahan, dan pelbagai lagi institusi awam. Tidak keterlaluan untuk disimpulkan bahawa pada era ini, wakaf telah berkembang menjadi sektor ketiga yang diiktiraf secara formal dalam struktur ekonomi negara. Selain itu, sultan turut mengarahkan agar aset-aset wakaf yang lama menyokong aset-aset wakaf yang baharu.

Kemuncak kegemilangan wakaf adalah pada zaman Kerajaan Uthmaniyyah. Harta-harta telah diwakafkan bagi tujuan yang pelbagai termasuklah membantu pesara, pelayar, kapal, pertahanan, sumber minuman, pembayaran cukai, menyediakan peluang pekerjaan dan banyak lagi (Peri, 1992; Cizakca, 1998; Babacan, 2011). Pada era inilah pertama kali wakaf tunai telah diwartakan sebagai harus dan penggunaannya terus dimanfaatkan bagi kebajikan sosial antaranya bagi tujuan membiayai masjid, dapur amal, sekolah dan lain-lain lagi (Mandaville, 1979).

Tidak boleh disangkal lagi bahawa wakaf pernah dimanfaatkan bagi membiayai barangan awam, barangan awam bercampur dan barangan sosial yang kebanyakannya dibiayai oleh kerajaan dalam konteks amalan ekonomi moden. Untuk pemahaman, barangan awam ialah barangan yang boleh dinikmati oleh semua orang tanpa pengecualian dan tidak berdaya saing (Kuran, 2001). Contoh barangan awam yang mudah ialah pertahanan awam. Semua orang boleh menggunakan khidmat ini tanpa sebarang persaingan. Manakala barangan

awam bercampur ialah barangan yang mempunyai ciri-ciri barangan awam dan barangan persendirian seperti perkhidmatan hospital. Terdapat sebilangan kecil yang tidak mampu mendapatkan perkhidmatan hospital dan walaupun mampu, sesebuah hospital itu mungkin mempunyai katil yang terhad. Oleh kerana barangan bercampur berkait rapat dengan keperluan sosial, Akhtar (1995) berpendapat bahawa barangan awam bercampur turut dikategorikan sebagai barangan awam dalam konteks Islam.

Dewasa ini, wakaf masih membiayai keperluan awam seperti sekolah, terminal bas, rumah anak yatim, jagaan kesihatan dan sebagainya (Ambrose, Aslam & Hanafi, 2018); walaupun tidaklah ketara seperti ekonomi Islam yang lepas. Meskipun peranan wakaf masa kini dalam ekonomi kurang dioptimumkan berbanding amalan ekonomi Islam terdahulu, wujud perkembangan wakaf baharu yang dipelopori oleh firma perniagaan yang dikenali sebagai wakaf korporat. Setakat pengetahuan penulis, *waqif* (pewakaf) hampir selalunya terdiri daripada individu persendirian dan kerajaan pada zaman Rasulullah SAW hingga ke zaman Uthmaniyyah. Hal ini adalah kerana pasca Uthmaniyyah, Perang Dunia Pertama telah banyak mencorakkan struktur ekonomi dunia dengan kerajaan atau sektor awam memainkan peranan yang lebih besar berbanding sektor ketiga. Dari sudut ekonomi mutakhir, kerajaan, firma dan individu dikategorikan sebagai agen-agen dalam ekonomi. Perkaitan agen-agen ini dengan wakaf boleh digambarkan seperti Rajah 1.



Sumber: Ambrose (2018)

Rajah 1: Wakaf Am dalam Ekonomi Malaysia

Rajah 1 menunjukkan bahawa kerajaan, firma dan individu boleh berperanan sebagai *waqif*. Rajah ini juga boleh menerangkan integrasi wakaf dalam ekonomi mutakhir. Kebanyakan wakaf am (aset wakaf yang disumbangkan untuk manfaat orang awam) disumbangkan oleh isi rumah (individu) dan dikelola oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Aset-aset wakaf kemudiannya dilaburkan dalam firma bagi mendapatkan keuntungan. Sebagai contoh, Bank Muamalat Malaysia Berhad bekerjasama dengan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) untuk melabur aset-aset wakaf dalam kompleks perniagaan. Melalui pulangan pelaburan inilah *mawquf 'alaih*

(penerima manfaat wakaf) mendapat manfaat wakaf dan pulangan ini juga menjamin kelangsungan wakaf. Sudah tentu, rajah di atas tidak menggambarkan keseluruhan landskap wakaf di Malaysia. Hal ini demikian kerana tidak semua institusi wakaf di Malaysia melaburkan *mawquf*.

Sungguhpun begitu, Rajah 1 tetap membantu kajian dalam menghubungkan kait agen-agen ekonomi dengan wakaf dan secara tidak langsung, menggambarkan implikasi penggunaan wakaf dalam ekonomi. Melalui rajah di atas, sebuah model ekonomi yang menggambarkan interaksi antara agen-agen ekonomi dengan wakaf dapat dianalisis. Dengan andaian bahawa isi rumah mempunyai sifat altruistik, lebih banyak wakaf barangan awam bercampur dapat diwujudkan tanpa sepenuhnya bergantung kepada pembiayaan kerajaan (Ambrose, Aslam & Hanafi, 2019). Hal ini secara tidak langsung dapat mengurangkan beban hutang negara. Dengan menjadikan rajah di atas sebagai kerangka konseptual dan mengambil kira sikap altruistik, banyak lagi implikasi wakaf terhadap ekonomi yang boleh dikaji seperti kadar inflasi, kadar keluaran dalam negara kasar, kadar pengangguran, julat pendapatan rumah dan banyak lagi.


Tambahan lagi, walaupun Rajah 1 hanya benar dari sudut teori, ini tidak bermakna wakaf tidak dipedulikan peranannya sebagai penggerak praktikal ekonomi moden. Bank Negara Malaysia (BNM) khususnya, memandang instrumen kewangan sosial sebagai pengupaya pembangunan sosial di negara ini; seterusnya pelengkap kepada sektor awam dan sektor swasta (Bank Negara Malaysia, t.t.). Hal ini seolah-olah menunjukkan

bahawa Kerajaan Malaysia telah mula mengiktiraf sektor ketiga sebagai sebuah sektor dalam ekonomi, selari dengan apa yang telah dibincangkan sebelum ini dari sudut teori.

Sebagai nota tepi, kawasan segi tiga yang tidak bertindan dengan bulatan wakaf am di Rajah 1 menunjukkan peranan tipikal (yang tidak berkait dengan wakaf) ejen-ejen ekonomi tersebut. Oleh sebab bab ini memfokuskan pada wakaf *muaqqat*; maka aplikasi wakaf *muaqqat* dalam ekonomi akan dibincangkan dalam subjudul yang seterusnya.

LENSA APLIKASI WAKAF *MUAQQAT*

Aplikasi sulung wakaf *muaqqat* di Malaysia ialah program iTEKAD CIMB Islamic Rider Entrepreneur Asnaf. Program ini bertujuan membantu ahli dengan peluang pekerjaan sebagai penunggang penghantaran makanan bagi menjana pendapatan yang mampan, di samping mengikuti kursus keusahawanan. Program ini dijayakan bersama Yayasan Belia Malaysia (YBM), Taylor's Community, Foodpanda, Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS), dan Tabung Baitulmal Majlis Islam Sarawak (TBS) (Bank Negara Malaysia, t.t.). Model operasi program ini yang berteraskan wakaf *muaqqat* adalah seperti di Rajah 2.



Sumber: Diolah daripada CIMB (2022) dan Haidatul Azia (2024)

Rajah 2: Model Wakaf Muaqqat iTEKAD CIMB Islamic Rider Entrepreneur Asnaf


Menurut CIMB (2022) dan (Haidatul Azia, 2024) pelaksanaan CIMB iTEKAD melibatkan beberapa peringkat, antaranya:

- (i) Wang tunai wakaf yang diterima di bawah skim Sijil Wakaf Tunai Pembangunan Ekonomi melalui platform CIMB Clicks ditukarkan kepada motosikal ('ain wakaf);
- (ii) Motosikal diberi kepada YBM sebagai wakaf *muaqqat* dengan tempoh satu tahun;
- (iii) YBM beri motosikal kepada ahli program melalui konsep '*ariyah* (pinjaman) dalam tempoh satu tahun tersebut; dan
- (iv) Motosikal diberikan sebagai hibah kepada ahli program selepas ahli tersebut berjaya menamatkan program dengan terma tertentu.

Dalam langkah pertama, wang tunai wakaf telah ditukarkan kepada aset tidak kekal, satu ciri wakaf *muaqqat*. Pada kebiasaannya, wang tunai wakaf ditukarkan kepada aset kekal bagi mematuhi ciri wakaf *muabbad* (kekal). Tidak keterlaluan jika wang tunai itu sendiri dianggap sebagai aplikasi wakaf *muaqqat* atas dasar ciri nilai masa wang (time value of money). Nilai masa wang (NMW) menyatakan bahawa lebih baik menerima wang tunai sekarang berbanding kemudian (Zutter & Smart, 2019); menunjukkan bahawa nilai wang tunai semakin menurun dari semasa ke semasa. Satu contoh mudah untuk memahami konsep ini ialah melalui harga makanan yang semakin meningkat.

Dalam langkah dua, wakaf *muaqqat* lebih nyata diaplikasikan dengan 'ain wakaf diberi dalam masa satu tahun. Akan tetapi, 'ain wakaf, iaitu motosikal tersebut diwakafkan kepada YBM terlebih dahulu dan bukannya ahli program. Dari sudut manfaat wakaf *muaqqat*, boleh diamati bahawa ahli program menerima manfaat wakaf *muaqqat* (kegunaan motosikal untuk penghantaran makanan) melalui konsep 'ariyah (langkah tiga). Diamati bahawa 'ariyah harus diaplikasikan kerana ahli program bukannya benefisiari wakaf *muaqqat*. Timbul persoalan sama ada ahli program harus dijadikan sebagai benefisiari langsung bagi membuatkan model wakaf *muaqqat* ini lebih mudah difahami, jelas dan efisien. Justeru, motosikal yang asalnya 'ain wakaf boleh menjadi milik ahli program melalui *hibah* (langkah empat), seterusnya memberikan manfaat kepada ahli program. Program i-TEKAD juga hanya berlangsung sehingga edisi kedua sahaja (Haidatul Azia, 2024).

Selain itu, pelaksanaan wakaf *muaqqat* di Malaysia juga boleh dilihat pada penawaran wakaf dividen melalui produk Deposit Berjangka-i Alliance Islamic Bank dengan kerjasama Waqaf Felda. Manfaat daripada wakaf ini diagihkan untuk tujuan kesihatan, keluarga daif, bencana, pendidikan, kerohanian dan kemudahan awam (Waqaf Felda, t.t.). Rajah 3 menggambarkan model wakaf *muaqqat* ini.



Sumber: Analisis penulis

Rajah 3: Model Wakaf Dividen


Carta alir pelaksanaan deposit berjangka-i Alliance Islamic Bank dapat dicerakinkan kepada beberapa langkah seperti berikut:

- (i) *Waqif* depositkan wang tunai sebanyak RM2,000 (mawquf) ke akaun deposit berjangka-i Alliance Islamic Bank;

- (ii) Wang tunai tersebut akan digunakan untuk perdagangan komoditi di Bursa *Suq al-Sila* melalui kontrak *tawarruq* (Alliance Bank, t.t.);
- (iii) Hasil keuntungan daripada perdagangan akan diberikan kepada pelbagai projek kebajikan di bawah kelolaan Waqaf Felda; dan
- (iv) Selepas dua bulan, *waqif* boleh mengeluarkan wang tunai RM2,000 tersebut.

Namun begitu, terdapat dua isu pada model wakaf dividen ini. Isu pertama ialah tiada sijil wakaf yang dikeluarkan kepada pewakaf, menyebabkan model ini kelihatan seperti aplikasi wakaf yang tidak formal. Isu kedua ialah '*ain* wakaf RM2,000 tidak disalurkan terus kepada wakil pemegang amanah, iaitu Waqaf Felda, tetapi diuruskan oleh Alliance Islamic Bank. Oleh kerana kedua-dua isu ini, model wakaf dividen mungkin hanya mempunyai ciri wakaf menjadikan kontrak *tawarruq* lebih dominan.

Di Indonesia, terdapat dua aplikasi wakaf *muaqqat*, iaitu wakaf tunai deposit (cash waqf linked deposits) dan wakaf tunai sukuk (cash waqf linked sukuk). Rajah 4 dan Rajah 5 memberi gambaran model wakaf tunai deposit yang diadaptasi dan diringkaskan daripada Arbaein dan Nurkaromah (2025). Manfaat daripada wakaf-wakaf ini akan disalurkan bagi tujuan pembinaan masjid, kesihatan, pendidikan, pembiayaan skim khairat kematian dan skim perlindungan pekerjaan untuk pekerja tidak formal (Bank Syariah Indonesia, t.t.).



Sumber: Arbaein dan Nurkaromah (2025)


Rajah 4: Model Wakaf Tunai Deposit dengan Pembiayaan

Penerangan lanjut adalah seperti berikut:

- (i) Bank Syariah membiayai aset seperti ambulan untuk kegunaan *mawquf 'alaih*;
- (ii) *Waqif* mendepositkan wang tunai ke akaun deposit Bank Syariah;
- (iii) Wang tunai tersebut dilaburkan dalam instrumen pelaburan;
- (iv) Hasil keuntungan pelaburan diberikan kepada Nazir Wakaf Uang;



- (v) Nazir Wakaf Uang menggunakan hasil keuntungan pelaburan tersebut untuk membayar ansuran pembiayaan ambulan tersebut; dan
- (vi) Selepas tamat tempoh wakaf, *waqif* boleh mengeluarkan wang tunai daripada akaun deposit Bank Syariah.



Sumber: Arbaein dan Nurkaromah (2025)


Rajah 5: Model Wakaf Tunai Deposit Tanpa Pembiayaan

Pelaksanaan Model Wakaf Tunai Deposit tanpa Pembiayaan melibatkan beberapa langkah seperti berikut:

- (i) *Waqif* mendepositkan wang tunai ke akaun deposit Bank Syariah;
- (ii) Bank Syariah melaburkan wang tunai tersebut;

- (iii) Hasil keuntungan pelaburan diberikan kepada Nazir Wakaf Uang;
- (iv) Nazir Wakaf Uang memberikan hasil keuntungan pelaburan tersebut pada *mawquf 'alaih* dalam bentuk biasiswa dan sebagainya; dan
- (v) Selepas tamat tempoh wakaf, *waqif* boleh mengeluarkan wang tunai daripada akaun deposit Bank Syariah.

Rajah 6 pula memberi gambaran tentang model wakaf tunai sukuk yang diterjemahkan daripada Kunhibava *et al.* (2023). Melalui pengamatan model wakaf tunai sukuk, dapat dilihat bahawa Indonesia secara tidak langsung telah menggunakan wakaf untuk membiayai barangan bercampur awam (projek kerajaan), yang merealisasikan teori dalam Rajah 1.



Sumber: Kunhibava *et al.* (2023)

Rajah 6: Model Wakaf Tunai Sukuk

Model Wakaf Tunai Sukuk melibatkan beberapa langkah:

- (i) Wang tunai wakaf diberikan kepada rakan kongsi nazir. *Waqif* boleh berwakaf secara sementara (a) atau kekal (b);
- (ii) Rakan kongsi nazir memeterai memorandum persefahaman (MOU) bersama Badan Wakaf Indonesia (BWI) (a dan b) lalu menyalurkan kutipan wang tunai wakaf kepada BWI;
- (iii) Dengan menggunakan kutipan wang tunai wakaf, BWI membeli sukuk daripada Kementerian Kewangan Republik Indonesia melalui tawaran persendirian (a) dan sijil sukuk diberikan kepada BWI (b). Sijil sukuk ini dijenamakan sebagai wakaf tunai sukuk;
- (iv) Dana yang diterima melalui wakaf tunai sukuk ini digunakan untuk membiayai projek kerajaan;
- (v) Kementerian Kewangan Republik Indonesia membayar keuntungan kepada BWI dalam bentuk diskaun atau kupon (a) yang kemudiannya disalurkan kepada rakan kongsi nazir (b) untuk tujuan program atau aktiviti sosial termasuk memperkasakan aset wakaf sedia ada (c); dan
- (vi) Apabila tempoh matang wakaf tunai sukuk telah sampai, wakaf tunai sukuk dijual kembali (bayaran balik) kepada BWI (a), yang kemudiannya mengembalikan wang tersebut kepada rakan kongsi nazir, dan disalurkan kembali pada *waqif* yang berwakaf secara sementara (wakaf *muaqqat*).

Melalui penelitian manfaat wakaf, kesemua model wakaf *muaqqat* ini memberi manfaat berupa barangan awam bercampur. Secara spesifik, kesemua model wakaf yang dibincangkan

kebanyakannya memberi manfaat dalam aspek pendidikan dan kesihatan; yang juga merupakan barangan awam bercampur. Maka, dapat dilihat bahawa wakaf *muaqqat* juga mempunyai implikasi yang sama seperti wakaf *muabbad*; iaitu membiayai barangan awam bercampur walaupun sementara.


Selain itu, diamati bahawa model wakaf dividen, wakaf tunai deposit dan wakaf tunai sukuk lebih ringkas dan jelas berbanding dengan model wakaf *muaqqat* iTEKAD CIMB Islamic Rider Entrepreneur Asnaf. Hal ini demikian kerana model wakaf *muaqqat* iTEKAD CIMB Islamic Rider Entrepreneur Asnaf menggunakan kontrak-kontrak lain selain daripada wakaf *muaqqat*, iaitu *hibah* dan *'ariyah*. Model yang ringkas menyerlahkan ketelusan dan lebih mudah difahami walaupun bukan dalam kalangan ahli bidang. Ia sekali gus meningkatkan penglibatan lebih ramai pewakaf. Namun begitu, masih terdapat ruang penambahbaikan bagi ketiga-tiga model tersebut, khususnya daripada aspek risiko pelaburan yang bukan sahaja menyebabkan manfaat wakaf terganggu, malah nilai *'ain* wakaf boleh berkurangan.

PENGURUSAN RISIKO WAKAF MUAQQAT

Berdasarkan perbincangan sebelum ini, terdapat dua risiko yang terkait dengan wakaf *muaqqat*, iaitu kerumitan model wakaf *muaqqat* dan potensi kerugian pelaburan. Walaupun wakaf *muaqqat* boleh memberi manfaat secara sementara, terdapat penyelidikan yang menyatakan sebaliknya. Ambrose dan Peredaryenko (2022) telah menunjukkan dengan metod pembuktian matematik bahawa wakaf *muaqqat* boleh

memberikan manfaat yang kekal dengan bantuan teknologi rantai blok (blockchain technology); sama seperti wakaf *muabbad*. Namun begitu, wakaf *muaqqat* tersebut mestilah dalam kategori wakaf khas.

Rajah 7 menunjukkan sebuah wakaf *muaqqat* khas ditubuhkan untuk memberi manfaat kepada penganggur bagi memulakan perniagaan dengan ‘*ain* wakaf tunai berjumlah RM10,000 dalam bentuk kontrak *qard al-hassan*, *mudarabah* atau apa-apa bentuk kontrak yang dibenarkan syarak selama dua tahun. Beberapa pewakaf memberikan RM10,000 mengikut turutan. Sebagai contoh, pewakaf pertama memberikan RM10,000 pada (tahun 0 ke tahun 2) kepada penganggur pertama, pewakaf kedua memberikan RM10,000 pada (tahun 3 ke tahun 4) kepada penganggur kedua, pewakaf ketiga memberikan RM10,000 pada (tahun 5 ke tahun 6) kepada penganggur ketiga dan seterusnya.



Sumber: Ambrose dan Peredaryenko (2022)

Rajah 7: Model Teori Wakaf *Muaqqat* dengan Manfaat Berkekalan

Bagi memastikan turutan sumbangan diikuti dan pengurusan yang efektif, bantuan teknologi rantai blok dengan ciri kontrak

pintar boleh diaplikasikan. Dengan teknologi rantai blok, nazir atau *mutawalli* dapat memastikan secara sistematik penerimaan wakaf RM10,000 daripada pewakaf, penyaluran wang tersebut pada *mawquf 'alaih*, pembayaran kembali wang oleh *mawquf 'alaih* (sekiranya menggunakan qard al-hasan) dan pemulangan kembali wang RM10,000 kepada *waqif*. Selain itu, ciri kontrak pintar dapat digunakan untuk memastikan penggubalan kontrak yang telus dan mudah difahami antara nazir/*mutawalli*, *waqif* dan *mawquf 'alaih*.

Pembuktian bahawa wakaf *muaqqat* khas mampu memberikan manfaat secara berterusan membawa implikasi yang amat signifikan. Pertama, hal ini membuktikan bahawa wakaf *muaqqat* memiliki persamaan tertentu dengan wakaf *muabbad*. Justeru, ia berpotensi meningkatkan penerimaan masyarakat terhadap amalan wakaf *muaqqat*, khususnya dalam konteks norma yang selama ini lebih cenderung mempraktikkan wakaf *muabbad*. Kedua, dapatan ini turut mengukuhkan keyakinan bahawa implikasi ekonomi wakaf secara umum – seperti yang digambarkan dalam rangka konseptual Rajah 1, (iaitu penjimatan pembiayaan barang awam bercampur) – juga terpakai bagi wakaf *muaqqat* dalam kategori wakaf khas.

Berdasarkan Rajah 7, dapat diperhatikan bahawa *waqif* tidak perlu melalui proses yang banyak atau menggunakan model yang rumit untuk memberikan manfaat langsung kepada benefisiari. Model ini, bersama dengan model yang digambarkan dalam Rajah 3, Rajah 4, dan Rajah 5, boleh diperhalusi oleh setiap nazir atau *mutawalli* mengikut kesesuaian dan keperluan institusi

masing-masing. Rajah 7 berfungsi sebagai satu cadangan cetak biru (blueprint) bagi sebuah model yang jelas, ringkas dan mudah. Implikasi daripada pendekatan ini ialah pengurangan risiko yang berpunca daripada penggunaan model wakaf *muwaqqat* yang terlalu rumit.

Namun demikian, dapat diperhatikan bahawa nazir atau *mutawalli* memikul tanggungjawab yang besar dalam memastikan pemulangan semula jumlah RM10,000 kepada *waqif*. Tanggungjawab ini secara langsung membuka perbincangan seterusnya berhubung risiko kerugian dalam pelaburan. Persoalan yang timbul ialah, apakah strategi kewangan yang boleh dilaksanakan bagi memastikan pelaburan wakaf tidak mengalami sebarang kerugian, Ambrose dan Asuhaimi (2021) menyatakan bahawa setakat ini, amat sukar menemukan strategi kewangan yang boleh memastikan pelaburan tanpa rugi; yang ada hanya strategi kewangan dengan risiko yang terurus.

Bagi menerangkan pengurusan risiko kewangan, bab ini akan mengambil contoh wang sebagai *'ain* wakaf. Terdapat beberapa pendekatan yang boleh dilaksanakan dalam menguruskan wang wakaf, antaranya ialah pelaksanaan kawalan kerugian, pelantikan pengurus dana, menjalankan kajian kebolehlaksanaan (feasibility studies) dan analisis industri, mengambil perlindungan takaful, menetapkan syarat pengambilan kursus kemahiran seperti keusahawanan kepada *mawquf 'alaih* serta melaksanakan pembiayaan kewangan.

Inisiatif pertama dalam pengurusan risiko kewangan ialah mengambil sebahagian daripada wang wakaf sebagai kawalan

kerugian (buffer for loss), manakala selebihnya dilaburkan. Hasil daripada pelaburan tersebut kemudiannya disalurkan kepada *mawquf 'alaih*. Walau bagaimanapun, masih terdapat risiko kerugian terhadap wang yang dilaburkan. Selain itu, timbul juga isu apabila peruntukan kawalan kerugian tidak mencukupi untuk menampung kerugian pelaburan.

Inisiatif kedua ialah melantik pengurus dana yang berkemahiran dalam strategi pelaburan kewangan serta juruanalisis yang berpengalaman dalam menjalankan kajian kebolehlaksanaan (feasibility studies) dan analisis industri. Peranan mereka amat penting dalam memberikan cadangan pelaburan yang tepat demi memastikan kelangsungan *'ain* wakaf. Sebagaimana yang dibincangkan sebelum ini, strategi ini boleh dilaksanakan melalui kerjasama pengurusan wakaf *muaqqat* dengan institusi kewangan seperti CIMB, Allianz Bank, Bank Syariah Indonesia dan Bank Indonesia.

Inisiatif seterusnya ialah pengambilan perlindungan takaful bagi tujuan menjamin wang wakaf dan pelaburannya. Namun begitu, pelaburan tergolong dalam kategori risiko spekulatif dan bukannya risiko tulen. Oleh itu, pelaburan wang wakaf tidak boleh dijamin melalui insurans mahupun takaful (Ambrose & Asuhaimi, 2021; Ross, 2024). Perlindungan takaful masih boleh digunakan sekiranya berlaku insiden yang bersifat risiko tulen seperti kecurian atau kehilangan aset.

Inisiatif-inisiatif yang dibincangkan sebelum ini disyorkan untuk dilaksanakan oleh pihak nazir atau *mutawalli*. Namun begitu, secara praktikal, *mawquf 'alaih* juga mempunyai

tanggungjawab terhadap kelangsungan manfaat *mawquf*. Terdapat dua inisiatif yang boleh dilaksanakan. Pertama, melalui pengambilan kursus berkaitan kemahiran. Sebagai contoh, iTEKAD CIMB Islamic Rider Entrepreneur Asnaf mensyaratkan peserta program (*mawquf* 'alaih) untuk mengikuti kursus keusahawanan bagi meningkatkan kebolehpayaan ekonomi mereka. Kedua, wang wakaf boleh disalurkan dalam bentuk pembiayaan kewangan seperti *qard al-hasan*. Melalui pendekatan ini, *mawquf* 'alaih mempunyai obligasi untuk memulangkan semula wang wakaf tersebut. Kedua-dua inisiatif ini bukan sahaja memperkasa *mawquf* 'alaih dari segi kemahiran dan tanggungjawab kewangan, tetapi juga melatih mereka untuk berdikari.

Waqf Core Principle (WCP) telah dibangunkan sebagai amalan terbaik antarabangsa yang berfungsi memberikan piawaian rujukan kepada institusi nazir dalam melaksanakan tanggungjawab mereka. WCP ini dibangunkan pada tahun 2018 melalui kerjasama antara Bank Indonesia, Badan Wakaf Indonesia, dan International Research of Training Institute-Islamic Development Bank (IRTI-IsDB). Dokumen ini merangkumi beberapa aspek utama seperti asas perundangan, penyeliaan wakaf, tadbir urus nazir, tadbir urus syariah serta pengurusan risiko (Shandy & Nor Asiah, 2023). Walau bagaimanapun, WCP menumpukan perhatian utama kepada pihak nazir sahaja dan tidak melibatkan semua pemegang taruh dalam ekosistem wakaf. Selain itu, WCP bersifat profesional dan teknikal menjadikan kandungannya sukar difahami serta kurang diakses oleh masyarakat umum.

Pada tahap inilah teknologi kontrak pintar memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan ketelusan dan akauntabiliti pengurusan wakaf. Melalui kontrak pintar, setiap transaksi yang melibatkan *'ain* wakaf dapat direkod dan dipantau oleh semua pemegang taruh termasuklah *waqif*, nazir atau *mutawalli*, serta *mawquf 'alaih*. Keupayaan ini dapat meningkatkan tahap kepercayaan terhadap institusi nazir atau *mutawalli* kerana setiap pihak mempunyai akses terhadap maklumat yang sahih dan terkini. Selain itu, dalam kontrak pintar ini, model pelaksanaan, inisiatif pengurusan risiko serta tanggungjawab setiap pemegang taruh perlu dinyatakan dengan jelas dalam laras bahasa yang mudah difahami agar mekanisme semak dan imbang (check and balance) dapat dilaksanakan dengan berkesan.

PENUTUP

Bab ini menegaskan bahawa wakaf *muaqqat* wajar dilihat sebagai instrumen ekonomi sosial yang pragmatik untuk menggerakkan sektor ketiga bagi membiayai barangan awam bercampur seperti pendidikan, kesihatan dan kebajikan sekali gus berpotensi mengurangkan kebergantungan kepada pembiayaan kerajaan apabila ekosistemnya matang. Namun, nilai tambah wakaf *muaqqat* hanya dapat direalisasikan apabila risiko operasi dan kewangan diurus secara tersusun, kerana sifat bertempoh menjadikan isu kelangsungan *'ain* wakaf, ketepatan model dan disiplin tadbir urus lebih kritikal berbanding wakaf kekal.

Dari perspektif ekonomi, risiko utama yang dibincangkan boleh dirumuskan kepada tiga kelompok. Pertama, risiko reka

bentuk model apabila struktur terlalu kompleks menyebabkan pemahaman pemegang taruh kurang jelas. Kedua, risiko pasaran dan pulangan pelaburan yang tidak boleh dijamin dan menanggung risiko kerugian boleh menjejaskan manfaat kepada *mawquf* ‘*alaih*. Ketiga, risiko tadbir urus tanpa pelaporan, pemantauan dan semakan berkala yang konsisten boleh menyebabkan keyakinan pewakaf (terutamanya korporat) akan terhakis.

Analisis ini turut memperlihatkan bahawa pengurusan risiko wakaf *muaqqat* memerlukan gabungan pendekatan teknikal dan institusi: pembinaan “buffer” kerugian, kajian kebolehlaksanaan, analisis industri, pelantikan pengurus dana yang kompeten, pemindahan risiko terpilih melalui takaful serta penggunaan standard amalan terbaik seperti WCP. Lebih penting, cadangan penggunaan teknologi rantai blok dan kontrak pintar meningkat kepercayaan melalui rekod transaksi yang telus dan mekanisme semak-imbang yang boleh diaudit. Pada masa yang sama, kerangka spiritual amanah, ihsan dan tawakal berfungsi sebagai etika disiplin berlandaskan prinsip syariah.

RUJUKAN

- Akhtar, M. R. (1995). Provision of public goods in an Islamic economy. *The Pakistan Development Review*, 34(4), 879 – 885.
- Alliance Bank. (t.t.). *Terma dan syarat deposit Islam*. Retrieved on 29th August 2025 from Alliance Term Deposit-i:https://www.alliancebank.com.my/Alliance/media/Documents/Banking/Islamic_Deposits_Terms_Conditions_BM-version-Dec2024.pdf
- Ambrose, A. A., Aslam, M., & Hanafi, H. (2018). A proposed model for waqf financing public goods and mixed public goods in Malaysia. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 11(3), 395 – 415.
- Ambrose, A. H., & Asuhaimi, F. A. (2021). Cash waqf risk management and perpetuity restriction conundrum. *ISRA International Journal of Islamic Finance*, 13(2), 162 – 176.
- Ambrose, A. H., & Peredaryenko, M. S. (2022). Temporary waqf and perpetual benefit: A mathematical proof. *International Journal of Economics, Management and Accounting*, 30(1), 151 – 173.
- Ambrose, A. H., Aslam, M., & Hanafi, H. (2019). Waqf financing expenditure and its impact on government debt. *European Journal of Islamic Finance*, 13(1), 1 – 14.
- Babacan, M. (2011). Economics of philanthropic institutions, regulation and governance in Turkey. *Journal of Economic and Social Research*, 13(2), 61 – 89.
- Bank Negara Malaysia. (t.t.). *Social finance*. Retrieved on 15th August 2024 from Bank Negara Malaysia: <https://www.bnm.gov.my/social-finance>
- Bank Syariah Indonesia. (t.t.). *BSI deposito wakaf*. Retrieved on 13th August 2025 from Bank Syariah Indonesia: <https://www.bankbsi.co.id/produk&layanan/tipe/individu/parent/produk/bsi-deposito-wakaf>
- CIMB. (2022). *CIMB Islamic, yayasan waqaf Malaysia and Yayasan Belia Malaysia kick off the second edition of Itekad CIMB Islamic rider entrepreneur programme through the concept of temporary waqaf*. Retrieved on 15th August 2024 from CIMB: <https://www.cimb.com/en/newsroom/2022/cimb-islamic-yayasan-waqaf-malaysia-and-yayasan-belia-malaysia-kick-off-the-second-edition-of-itekad-cimb-islamic-rider-entrepreneur-programme-through-the-concept-of-temporary-waqaf.html>

- Cizakca, M. (1998). Awqaf in history and its implications for modern Islamic economies. *Islamic Economic Studies*, 6(1), 43 – 70.
- Faridi, F. R. (1983). A theory of fiscal policy in an Islamic state. In Z. Ahmed, M. Iqbal, & M. Fahim Khan, *Fiscal Policy And Resource Allocation In Islam* (pp. 27 – 58). Institute of Policy Studies and International Centre.
- Frenkel, Y. (1999). Political and social aspects of Islamic religious endowments (awqaf): Saladin in Cairo (1169 – 73) and Jerusalem (1187 – 93). *Bulletin of the School of Oriental and African Studies*, 62(1), 1 – 20.
- Haidatul Azia. (2024). *Wakafal-muaqqat (bertempoh) - pengaplikasian dalam program i-TEKAD CIMB Islamic rider entrepreneur*. Bengkel Penyediaan Kertas Hukum dan Manual Tadbir Urus Wakaf Bertempoh (Wakaf Muaqqat) Siri 1. Shah Alam, Selangor, Malaysia.
- Kahf, M. (2014). *Islamic economics: The charitable sector*. Ad Dawhah, Qatar: Monzer Kahf.
- Kuran, T. (2001). The provision of public goods under Islamic law: Origins, impact, and limitations of the waqf system. *Law & Society Review*, 35(4), 841 – 898.
- Khair, E. (2024, August 15). CIMB Islamic Bank Bantu Golongan Asnaf, B40 Menerusi Program iTEKAD CIMB Islamic Rider Entrepreneur Edisi Kedua. Astro Awani.
- Kunhibava, S., Muneeza, A., Mustapha, Z., Khalid, M., & Sen, T. M. (2023). Viability of cash-waqf linked sukuk in Malaysia. *ISRA International Journal of Islamic Finance*, 15(4), 25 – 44.
- Mandaville, J. E. (1979). Usurious piety: The cash waqf controversy in the Ottoman empire. *International Journal of Middle East Studies*, 10(3), 289 – 308.
- Mohsin, M. I. (2009). *Cash waqf: A new financial product*. Kuala Lumpur: Pearson Malaysia Sdn Bhd.
- Peri, O. (1992). Waqf and Ottoman welfare policy. The poor kitchen of Hasseki Sultan in eighteenth-century Jerusalem. *Journal of the Economic and Social History of the Orient*, 35(2), 167 – 186.
- Rashid, S. K. (2018). Potential of waqf in contemporary world. *Islamic Economics*, 53 – 69.
- Ross, S. (2024). *Elements of insurable risks: A quick guide*. Retrieved on 15th August 2025 from Investopedia: <https://www.investopedia.com/articles/insurance/082616/elements-insurable-risks-quick-guide.asp>

- Shandy, F. P., & Mohamad, N. A. (2023). Waqf core principles: Scope and implementation issues in Indonesia. *In Latest Thought On Global Waqf Development*. (pp. 15 – 33). The Islamia University of Bahawalpur Pakistan.
- Waqaf Felda. (t.t.). *Waqaf Felda*. Utama. Retrieved on August 13, 2025 from <https://www.waqaffelda.com.my/portal>
- Zutter, C. J., & Smart, S. B. (2019). *Principles of managerial finance* (15th ed.). Harlow: Pearson Education Limited.



PERAKAUNAN WAKAF *MUAQQAT*: ANTARA AMAL, AMANAH DAN AKAUNTABILITI

Naharriah Mohamed, Siti Noorbani Hussain & Fadliana Saman

KEPENTINGAN HARTA SEBAGAI JALAN KE SYURGA DAN ASAS KEPADA WAKAF

Islam merupakan agama yang syumul yakni dapat membimbing umat Muslim dalam segenap aspek kehidupan. Salah satu aspek yang diberikan penekanan ialah pengurusan harta. Dalam Islam, harta diiktiraf sebagai suatu alat penting untuk memastikan kelangsungan kehidupan di dunia, malah ia juga merupakan wasilah utama dalam mengumpul bekalan amalan bagi kehidupan di alam baqa kelak. Selain menekankan status halal dan haram sesuatu harta, Islam turut memberi panduan mengenai pengurusan harta secara optimum dan efektif, sehingga ia mampu menjadi jalan bagi seorang Muslim dalam menegakkan pengislahan diri serta meraih keredaan Ilahi dan ganjaran syurga-Nya.

Firman Allah SWT dalam *Surah al-Baqarah* ayat 207:

وَمِنَ النَّاسِ مَن يَشْرِي نَفْسَهُ ابْتِغَاءَ مَرْضَاتِ اللَّهِ
وَاللَّهُ رَءُوفٌ بِالْعِبَادِ ﴿٢٠٧﴾

Maksud: *Dan antara manusia ada orang yang mengorbankan dirinya kerana mencari keredaan Allah. Dan Allah Maha Penyantun kepada hamba-Nya.*

(*Surah al-Baqarah 2: 207*)

Pada masa yang sama, pemilikan harta di tangan Muslim yang soleh, diperoleh melalui jalan yang halal serta digunakan harta itu selari dengan haknya mampu mengangkat darjatnya dalam Islam. Hal ini selari dengan sabda Rasulullah SAW:

لَا حَسَدَ إِلَّا عَلَىٰ اثْنَتَيْنِ : رَجُلٌ آتَاهُ اللَّهُ الْكِتَابَ وَقَامَ بِهِ
آنَاءَ اللَّيْلِ، وَرَجُلٌ أَعْطَاهُ اللَّهُ مَالًا فَهُوَ يَتَصَدَّقُ بِهِ آنَاءَ اللَّيْلِ
وَالنَّهَارِ.

Maksud: *Tidak boleh dengki melainkan dalam dua perkara; seseorang yang diberikan al-Quran lalu ia mengamalkannya, dan seseorang yang diberikan harta lalu ia menafkahnnya pada jalan kebenaran siang dan malam.*

(*Riwayat al-Bukhari No. 5025*)

Dalam konteks ini, harta yang dimiliki oleh seorang Muslim mampu membawanya ke syurga ataupun ke neraka, semuanya bergantung kepada kaedah penggunaan harta yang dipilihnya. Salah satu kaedah memanfaatkan harta yang paling utama ialah melalui wakaf, ia merupakan suatu sedekah jariah yang memberikan manfaat kepada ummah dan memberi ganjaran pahala berterusan kepada pewakaf. Rasulullah SAW menyatakan bahawa:

إِذَا مَاتَ ابْنُ آدَمَ انْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثٍ: صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ،
أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ، أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ.

Maksud: Apabila matinya seorang anak Adam, maka terputuslah segala amalannya melainkan tiga perkara: Sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat dan anak soleh yang mendoakannya.

(Riwayat Muslim No. 1631)

Menurut Imam al-Nawawi, wakaf bukan sahaja memberikan manfaat duniawi, tetapi ia juga menjadi pelaburan yang menghasilkan pahala yang tidak pernah putus selagi harta wakaf tersebut dimanfaatkan. Oleh itu, pemilikan harta dalam Islam bukan sekadar keperluan asas manusia (al-daruriyat al-khams) yang diiktiraf oleh syarak, bahkan ia merupakan pelaburan akhirat terbaik yang memberi pulangan pahala yang banyak dan berkekalan.

Umat Islam wajar menyingkap lembaran sirah Islam bagi mengamati contoh teladan penggunaan harta sebagai bekalan kehidupan di akhirat yang abadi dan mengambil sebanyak mungkin *ibrah* daripadanya. Salah satu contoh agung yang menjadi inspirasi ialah tentang bagaimana khalifah ketiga yang juga jutawan ternama dalam empayar Islam, Sayidina Uthman bin Affan r.a. menggunakan hartanya untuk membantu umat Islam. Ketika kaum Muslimin berhijrah ke kota Madinah, mereka berhadapan dengan kesukaran mendapatkan sumber air bersih. Telaga *al-Rummah* merupakan sebilangan kecil sumber air bersih yang wujud ketika itu dan milik seorang Yahudi yang

kebiasaannya meminta bayaran daripada setiap orang yang hendak mengambil air daripada telaganya. Sayidina Uthman r.a. membeli telaga tersebut daripada Yahudi itu dan kemudiannya mewakafkan ia untuk kegunaan seluruh kaum Muslimin tanpa sebarang bayaran (Zulkifli al-Bakri, 2023).

Daripada kisah ini, kita dapat pelajari bahawa pentingnya harta diurus dengan strategik dan optimum kerana ia membuka peluang luas untuk beramal melalui wakaf. Selain daripada menjadi wasilah menuju syurga, wakaf turut berperanan meningkatkan kesejahteraan dan sosioekonomi umat Islam, sekali gus memberikan impak berganda kepada individu dan masyarakat. Amalan mulia ini kekal relevan dan dipraktikkan dalam masyarakat Islam moden sehingga kini, sama ada melalui wakaf kekal atau turut dikenali wakaf *muabbad* dan wakaf *muaqqat*. Hal ini merupakan wahana untuk umat Islam menjalankan tanggungjawab sosial kepada masyarakat sambil mendapat pulangan pelaburan akhirat yang terbaik daripada harta yang diamanahkan kepada mereka oleh Allah SWT.

Pengenalan Wakaf *Muaqqat*: Kontemporari dan Keperluan Perakaunan Khusus

Wakaf merupakan instrumen kebajikan dan juga pembangunan sosioekonomi yang berkesan dalam tradisi masyarakat Islam sehingga sekarang. Berdasarkan definisi teknikal yang diguna pakai dalam Piawaian Perakaunan Islam bagi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (PPIBZW- Pembentangan Penyata Kewangan, 2021):

Wakaf ialah sebarang harta yang ditahan hak pewakaf atas harta tersebut dengan matlamat mengekalkan fizikalnya ('ain) dan nilai aset bagi aset bukan fizikal. Manakala, manfaatnya disalurkan dengan niat mendekatkan diri pewakaf kepada Allah seperti mana yang ditakrifkan dalam mana-mana undang-undang.

Frasa ayat “mengekalkan fizikalnya ('ain) dan nilai aset bagi aset bukan fizikal” memberi gambaran jelas berkenaan pemberian harta oleh pewakaf sama ada dalam bentuk tunai atau bukan tunai secara kekal tanpa pemulangan semula harta tersebut kepada pewakaf ataupun warisnya. Takrifan ini selari dengan inti pati wakaf *muabbad* yang berkonsep kekal. Antara contoh wakaf aset bukan tunai yang biasa kita dapati ialah pewakaf mewakafkan tanahnya untuk tapak pembinaan masjid ataupun bangunan sekolah tahfiz. Justeru, tanah yang diwakafkan tersebut kekal milik Islam selamanya dan perlu diurus dengan penuh amanah oleh institusi yang bertanggungjawab seperti Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Pewakaf tidak lagi boleh menjual atau pindah milik aset tersebut. Contoh wakaf tunai pula ialah pemberian seorang pewakaf yang menyerahkan RM100,000 kepada MAIN dan hasil pelaburan diagihkan setiap tahun kepada pelajar asnaf dalam bentuk biasiswa. Dalam kedua-dua senario yang dinyatakan ini, bentuk asal atau nilai aset wakaf itu perlu dikekalkan serta hasil dan manfaat yang terbit daripada aset wakaf tersebut digunakan untuk tujuan kebajikan atau pembangunan.

Sebaliknya, dalam dunia kini yang sarat dengan ketidaktentuan serta ekonomi yang mencabar, terdapat keperluan

mendesak untuk melaksanakan pendekatan wakaf yang lebih segar, dinamik dan fleksibel. Di sinilah munculnya konsep wakaf *muaqqat*, iaitu wakaf yang dihadkan kepada tempoh masa tertentu atau tertakluk kepada syarat yang telah ditetapkan oleh pewakaf. Setelah tempoh tersebut tamat atau syarat dipenuhi, aset wakaf akan dikembalikan kepada pewakaf atau warisnya. Pendekatan ini memberi peluang kepada lebih ramai individu, termasuk mereka yang tidak bersedia melepaskan hak milik secara kekal untuk turut serta dalam amalan wakaf.

Menurut Muhammad Hisyam (2025), konsep wakaf *muaqqat* memberikan fleksibiliti kepada pewakaf yang membolehkan perancangan sumbangan dibuat tanpa perlu melepaskan hak milik secara kekal. Dalam tempoh tersebut, aset yang diwakafkan dapat digunakan oleh pentadbir wakaf untuk tujuan pelaburan, penyewaan atau kegunaan umum bagi manfaat masyarakat. Tambahan lagi, wakaf *muaqqat* memberi jaminan bahawa aset tersebut akan dikembalikan kepada pewakaf atau waris mereka selepas tamat tempoh yang ditetapkan, sekali gus mengurangkan kebimbangan untuk berwakaf. Wakaf *muaqqat* ini boleh dianggap sebagai satu model wakaf yang hibrid dan kontemporari serta bakal membuka peluang penyertaan umat Islam yang lebih luas tanpa mengesampingkan prinsip asas wakaf. Ia juga memacu penggunaan harta milik umat Islam secara optimum dan produktif dalam kitaran ekonomi atau aspek sosial serta mengurangkan pembaziran sumber.

Dalam pelaksanaan semasa di Malaysia, wakaf *muaqqat* masih dalam peringkat pemberian hukum oleh fatwa dan pelaksanaannya disifatkan masih di peringkat awal berikutan

penyelarasan daripada aspek tatakelola, dokumentasi wakaf dan kerangka perundangan serta perakaunan masih sedang diperhalusi. Antara contoh wakaf *muaqqat* ialah projek wakaf hartanah bertempoh untuk skim rumah mampu milik dan pasar komuniti. Aset tanah digunakan selama 15 tahun dengan kerjasama pihak swasta, sebelum dipulangkan atau diperbaharui.

Kedua-dua bentuk wakaf ini semestinya mempunyai kelebihan tersendiri; yakni wakaf *muabbad* memberikan kestabilan jangka panjang kepada aset wakaf, manakala wakaf *muaqqat* membuka ruang penyertaan lebih luas kerana tidak memerlukan pelepasan hak milik aset secara kekal. Namun begitu, institusi yang mentadbir wakaf berdepan dengan cabaran kritikal dalam melaporkan transaksi aset wakaf *muaqqat* ini secara betul dan telus dalam penyata kewangan mereka selari dengan piawaian perakaunan yang menjadi asas penyediaan. Tanpa garis panduan perakaunan yang jelas, institusi pelapor tidak mampu melaksanakan akauntabiliti yang sewajarnya. Dampaknya, kepercayaan masyarakat terhadap institusi berkenaan berkemungkinan akan terjejas.

KEPENTINGAN PEMBANGUNAN PIAWAIAN PERAKAUNAN BAGI TRANSAKSI WAKAF *MUAQQAT*

Rentetan daripada kegusaran entiti pelapor, bermula tahun 2015, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM, 2018) selaku agensi bertanggungjawab telah melaksanakan usaha raya serta merangkul setiap pihak yang terlibat dengan pentadbiran wakaf ini demi membangunkan piawaian perakaunan yang seragam dan khusus untuk entiti. Natijah daripada inisiatif tersebut,

maka lahirlah PPIBZW. Ia merupakan sebuah kerangka pelaporan kewangan yang dirumus berasaskan *maqasid syariah* dan amalan terbaik perakaunan sektor awam. PPIBZW menjadi panduan utama bagi MAIN dan institusi berkaitan dalam mengiktiraf, mengukur, membentangkan serta mendedahkan maklumat berkaitan aset dan dana wakaf secara telus.

PPIBZW yang telah dibangunkan ini bukan sekadar menekankan aspek teknikal pelaporan, bahkan juga merupakan instrumen integriti, akauntabiliti serta ketelusan. Walhasil, penyata kewangan dapat disediakan dengan tekal dan juga boleh diaudit. Penetapan prinsip piawaian ini juga memelihara amanah pewakaf serta memperkukuh keyakinan masyarakat terhadap institusi wakaf. Ia meliputi layanan perakaunan bagi pelbagai bentuk transaksi wakaf dengan penekanan utama kepada wakaf *muabbad*. Melalui kerangka ini, institusi diberi panduan jelas untuk melaporkan aset wakaf *muabbad* sebagai aset amanah yang fizikal atau nilainya dikekalkan, manakala manfaat diagihkan selaras dengan niat pewakaf dan hukum syarak.

Salah satu usaha yang telah dilaksanakan oleh JANM untuk mengenal pasti kelemahan dalam pelaporan wakaf adalah melalui penyelidikan berkaitan aset di MAIN, khususnya aset wakaf. Berdasarkan dapatan kajian tersebut (JANM, 2018) antara kelemahan yang timbul ialah aset wakaf tidak direkodkan dalam penyata kewangan dan kemungkinan besar isu yang sama akan terjadi kepada aset wakaf *muqqat* atau hanya disebut secara ringkas dalam nota kepada penyata kewangan tanpa pengiktirafan

formal. Amalan pelaporan yang tidak konsisten serta tidak tepat ini bukan sahaja menjejaskan ketepatan maklumat kewangan, malah jumlah sebenar aset wakaf yang diurus menjadi tidak jelas dan teratur. Dapatan ini menjadi antara input penting kepada pembentukan piawaian perakaunan dengan matlamat menutup jurang tadbir urus dan ketidakseragaman pelaporan yang wujud ketika itu. Dampak lain yang dapat diperhatikan ialah data kewangan wakaf dilapor secara berbeza dan ini mengelirukan pembuat dasar, menyukarkan penilaian prestasi dan menjejaskan keyakinan masyarakat terhadap pengurusan wakaf.

Cabaran pelaksanaan bagi wakaf *muaqqat* dari sudut perakaunan masih belum sepenuhnya diatasi kerana piawaian sedia ada lebih berfokus kepada wakaf *muabbad*. Sifat *muaqqat* yang melibatkan tempoh masa terhad, syarat tertentu dan pemulangan aset memerlukan panduan pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan yang lebih khusus. Adaptasi piawaian perlu dilaksanakan untuk memenuhi ciri unik ini bagi mengelakkan risiko salah klasifikasi aset atau dana, ketidaktepatan laporan dan kehilangan keyakinan pewakaf. Oleh itu, langkah seterusnya adalah penting supaya PPIBZW ditambah baik bagi turut merangkumi wakaf *muaqqat* untuk memastikan potensi instrumen ini dapat dimanfaatkan secara optimum dan berintegriti. Di samping itu, terdapat keperluan mendesak untuk meneliti isu perakaunan yang timbul dalam pengurusan wakaf *muaqqat* agar setiap transaksi dapat direkod, dilapor dan diaudit dengan integriti. Pendekatan ini bukan sahaja akan memastikan pematuhan kepada prinsip syariah, malah

memperkuh ketelusan, meningkatkan keyakinan pewakaf dan mengoptimumkan peranan wakaf dalam pembangunan sosioekonomi negara.

ISU DAN CABARAN PELAKSANAAN PERAKAUNAN WAKAF *MUAQQAT*

Konsep wakaf *muaqqat* semakin diterima dan mula dipertimbangkan oleh beberapa MAIN serta institusi wakaf lain di Malaysia. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya masih berada di peringkat awal. Selain itu, penemuan dan dapatan daripada kajian (JANM, 2019) di lapangan menunjukkan bahawa institusi wakaf berdepan pelbagai cabaran yang saling berkait, khususnya dari segi tadbir urus, dasar, perundangan dan pelaporan perakaunan. Hal ini membuktikan bahawa wujud ketidakseragaman dari sudut operasi dan pelaporan antara MAIN. Keadaan ini menjejaskan kebolehbandingan data dan penyelarasan strategi pembangunan wakaf. Justeru, bab ini lebih tertumpu kepada pengupasan isu dan cabaran terkait keperluan segera berkenaan perakaunan wakaf *muaqqat* supaya ia dapat dilaporkan dengan adil dan saksama dalam penyata kewangan entiti pelapor.

Untuk membangunkan sesuatu piawaian perakaunan, keutamaan harus diberikan kepada kejelasan berkaitan dasar terlebih dahulu. Kefahaman berkenaan keutamaan dan susun atur proses pembangunan piawaian amat penting untuk memastikan ia dapat digubal dengan teratur dan terampil. Justeru, institusi agama yang berautoriti perlu menetapkan keputusan dasar yang jelas dan terperinci bagi mengemudi serta memuktamadkan

aspek teknikal perakaunan untuk wakaf *muaqqat*. Prinsip, kriteria pengiktirafan, asas pengukuran serta kaedah pembentangan item terkait wakaf *muaqqat* hanya boleh dibangunkan setelah takrifan dan penentuan sifatnya dimuktamadkan daripada perspektif syariah.

Keputusan dasar yang diharapkan daripada institusi agama yang berkuasa antaranya mencakupi penjelasan berkenaan definisi operasi bagi wakaf *muaqqat*, *sighah* serta syarat minimum yang perlu dipatuhi oleh pewakaf, penentuan status pemilikan aset wakaf dan hak guna serta peranan dan tanggungjawab MAIN sebagai pemegang amanah wakaf *muaqqat* ini. Persoalan kritikal yang turut timbul ialah sama ada institusi wakaf hanya akan berperanan memikul tanggungjawab fidusiari semata-mata, iaitu menjaga aset wakaf bagi pihak pewakaf atau turut berperanan aktif dalam mengurus, melabur dan melaporkan aset wakaf tersebut secara berkesan. Keputusan ini akan menentukan prinsip asas pelaporan wakaf *muaqqat*, sekali gus membolehkan ia diamalkan secara konsisten oleh semua institusi wakaf di seluruh Malaysia.

Penetapan dasar yang belum dimuktamadkan inilah yang akhirnya menimbulkan pelbagai kekeliruan teknikal dalam pelaporan, khususnya berkaitan pengiktirafan aset wakaf *muaqqat*. Salah satu isu utama ialah kekeliruan dalam pengiktirafan aset, iaitu tidak semua institusi sepakat sama ada aset wakaf *muaqqat* perlu diiktiraf sebagai aset institusi. Ketiadaan panduan yang jelas menyebabkan terdapat harta wakaf yang tidak direkod langsung dalam penyata kewangan dan keadaan ini menyebabkan jumlah sebenar aset wakaf

yang diurus sukar dipastikan. Implikasinya, ia menyukarkan pemantauan dan penilaian prestasi pada masa hadapan.

Berdasarkan PPIBZW, aset wakaf yang diterima dibahagikan kepada kategori tunai dan bukan tunai. Aset wakaf dalam kategori tunai diakaunkan mengikut ketetapan sama ada khusus atau am. Sekiranya terdapat ketetapan khusus, tunai akan direkodkan sebagai liabiliti, manakala aset wakaf dalam kategori bukan tunai terus dianggap sebagai milik kekal oleh institusi seperti MAIN dan diakaunkan dalam item ekuiti atau diistilahkan dalam PPIBZW sebagai dana amanah. Hal ini bertujuan untuk memberi gambaran pemilikan serta pengekalan aset fizikal atau nilai aset wakaf tersebut. Walau bagaimanapun, melalui pelaksanaan wakaf *muaqqat*, aset yang diwakafkan yang diterima ini hanyalah bersifat pemilikan sementara dan terdapat juga aset wakaf yang sebahagiannya tidak langsung diserahkan milik kepada institusi wakaf. Sehubungan itu, keunikan isu ini membawa kepada dilema bentuk dan kewajaran pengiktirafan aset wakaf *muaqqat* dalam penyata kewangan entiti pelapor.

Kriteria pengiktirafan yang tepat bagi wakaf *muaqqat* ditentukan berdasarkan sifat aset wakaf atau manfaat yang diterima. Isu ini berkait rapat dengan persoalan sama ada ia patut diiktiraf sebagai dana amanah (ekuiti) atau liabiliti. Berlainan dengan wakaf *muabbad* yakni aset atau dana dianggap milik Allah SWT secara kekal dan diuruskan oleh institusi sebagai pemegang amanah; wakaf *muaqqat* pula hak milik sementara dan aset wakaf akan kembali kepada pewakaf selepas tempoh atau apabila syarat tamat. Berpaksakan kepada persekitaran perakaunan sektor awam sedia ada,

perkara ini menyerupai amanah sementara yang berpotensi diklasifikasikan sebagai liabiliti kerana harta yang diwakaf atau aset wakaf perlu dipulangkan pada masa hadapan. Ketiadaan panduan seragam menyebabkan kebarangkalian sesetengah institusi mengiktirafnya sebagai dana amanah kerana merujuk kepada piawaian perakaunan sedia ada, manakala yang lain mengklasifikasikan sebagai liabiliti jangka panjang ataupun memilih untuk tidak melapor, yang sudah tentu menjejaskan aspek kualiti pelaporan, iaitu ketekalan.

Bagi memahami lebih jelas implikasi isu ini, kita sewajarnya menganalisis beberapa senario praktikal yang sering berlaku dalam pentadbiran wakaf *muaqqat*. Senario pertama melibatkan terimaan aset wakaf bertempoh dalam bentuk bukan tunai. Contohnya, pewakaf memberikan aset fizikal seperti tanah, bangunan atau kenderaan yang diwakafkan untuk tempoh tertentu. Dalam hal ini, cabaran utama ialah pengiktirafan dan pengukuran aset wakaf tersebut. Pelaporan bagi aset wakaf yang diterima ini masih menjadi tanda tanya sama ada perlu diakaunkan sebagai aset hak guna sementara yang lebih mirip kepada Seksyen 16: Pajak dalam PPIBZW atau sebagai aset amanah sementara dalam Dana Amanah atau hanya dianggap sebagai pendedahan tambahan tanpa sebarang pengiktirafan dalam akaun entiti pelapor sepanjang tempoh wakaf.

Senario pengiktirafan wakaf *muaqqat* ini memberikan implikasi berbeza kepada pelaporan penyata kewangan entiti. Penentuan pengiktirafan ini bukan sahaja bergantung kepada kerangka perakaunan, malah ia memerlukan kejelasan status pemilikan daripada aspek perundangan bagi membantu pihak

penggubal piawaian menentukan *substance over form* atau inti pati berbanding rupa bentuk sesuatu transaksi. Dalam bahasa mudahnya, persoalan utamanya ialah sama ada institusi wakaf benar-benar mempunyai kawalan terhadap harta yang diwakafkan secara sementara (wujud elemen kawalan terhadap aset wakaf) atau hanya memegang hak untuk mengurus manfaat yang terbatas sepanjang tempoh wakaf tersebut (kawalan manfaat yang terhad). Keadaan ini juga memerlukan maklumat pelaksanaan tadbir urus seperti pihak yang akan menanggung kos penyelenggaraan dan risiko aset wakaf sepanjang dalam tempoh wakaf *muaqqat*.

Keadaan ini memerlukan kita lebih berhati-hati dalam memilih kaedah yang tepat dan konsisten untuk pelaporan kewangan. Hal ini bagi mengelakkan timbulnya risiko reputasi terhadap institusi agama yang menguruskan wakaf kerana memberi kesan langsung kepada gambaran kedudukan kewangan institusi tersebut. Dampak lain, pewakaf mungkin hilang keyakinan kerana tidak dapat menilai bagaimana sumbangan mereka dimanfaatkan dan dipelihara. Seandainya tiada pengolahan perakaunan khusus diwujudkan untuk wakaf *muaqqat* ini, institusi wakaf berkemungkinan mengakaunkan transaksi ini sebagai aset wakaf yakni yang lebih sesuai untuk transaksi wakaf *muabbad*.

Kesan dalam penyata kewangan entiti ialah ia tidak dapat dibezakan antara aset wakaf kekal dan sementara, seolah-olah aset seperti item hartanah, loji dan peralatan meningkat secara mendadak apabila wakaf *muaqqat* diterima dan turun mendadak pula apabila dipulangkan. Tanpa pemisahan antara wakaf kekal

dan bertempoh, penyata kewangan boleh memberikan gambaran yang salah; misalnya, jumlah aset wakaf yang dilaporkan mungkin termasuk harta yang akan dipulangkan. Hal ini tidak mencerminkan realiti ekonomi wakaf *muaqqat* serta tidak dapat dijadikan asas untuk membuat keputusan pengurusan yang lebih berkesan. Walau bagaimanapun, sekiranya wakaf *muaqqat* diakaunkan mirip aset hak guna, ia akan dibentangkan dalam kumpulan wang wakaf sebagai satu baris item berasingan dan sesuai dengan sifatnya.

Senario seterusnya pula melibatkan terimaan wakaf tunai bertempoh. Walaupun jumlahnya lebih mudah untuk diukur, namun implikasi perakaunan tetap kompleks. Jumlah wakaf tunai yang diterima biasanya tidak boleh digunakan sepenuhnya dan mesti dipulangkan selepas tempoh tamat, manakala manfaat seperti pulangan pelaburan boleh dibelanjakan. Sebagai contoh, dalam konteks wakaf *muaqqat* tunai, sumbangan yang diterima sepatutnya tidak diiktiraf sebagai hasil tetapi sebagai liabiliti amanah kerana entiti hanya memegang aset tersebut bagi pihak pewakaf dalam tempoh tertentu. Manfaat daripada dana ini seperti perbelanjaan kebajikan atau biasiswa boleh diiktiraf sebagai penggunaan liabiliti amanah. Setelah tempoh tamat, baki yang tidak digunakan perlu dipulangkan dan dicatat sebagai aliran keluar tunai.

Persoalan seterusnya yang timbul ialah sama ada jumlah pokok perlu diiktiraf sebagai liabiliti atau sebagai komponen khas dalam Dana Amanah Wakaf. Selain itu, jika tempoh wakaf panjang (contohnya melebihi satu tahun), penilaian semasa (present value) berasaskan *time value of money* atau

nilai masa wang boleh mempengaruhi jumlah liabiliti atau dana amanah yang dilaporkan. Keperluan penentuan prinsip nilai masa wang ini penting memandangkan wang tunai dianggap sebagai instrumen kewangan dan aset perlu dinilai berasaskan manfaat ekonomi semasa. Isu pemulangan semula aset wakaf *muaqqat* dalam bentuk tunai terdedah kepada implikasi nilai masa wang. Sebagai contoh, wakaf tunai *muaqqat* yang diterima MAIN sebanyak RM10 juta akan dikembalikan setelah 10 tahun dipegang. Persoalan yang timbul, berapakah amaun yang sepatutnya akan dikembalikan oleh MAIN setelah tempoh wakaf tunai *muaqqat* berakhir? Dalam kes ini, isu syariah, prinsip nilai masa wang dan perundangan perlu diperhalusi serta dimuktamadkan bagi memastikan pengolahan perakaunan yang bersesuaian dapat ditentukan bagi memastikan akauntabiliti terpelihara.

Justeru, institusi berautoriti perlu membuat keputusan penting berkaitan penggunaan nilai masa wang dalam pengukuran nilai saksama wakaf tunai *muaqqat*. Seandainya, prinsip tersebut ingin diterima pakai, maka penentuan kadar diskaun dan justifikasi kaedah pengukuran ini perlu dibuat dengan teliti. Namun, sekiranya dirujuk kepada Seksyen 26: Instrumen Kewangan dalam PPIBZW, nilai masa wang tidak dibenarkan bagi instrumen pinjaman (*qard*). Hal ini kerana jumlah prinsipal tunai dianggap sebagai suatu amanah yang mesti dikembalikan dalam jumlah asalnya tanpa sebarang pelarasan berasaskan tempoh masa. Walhasil, pengiktirafan jumlah pokok wakaf tunai *muaqqat* lebih tepat dibuat pada nilai nominal atau nilai tidak didiskaunkan. Ia selaras dengan roh syariah yang tidak membenarkan sebarang

penambahan nilai kerana ia boleh menyerupai riba. Dalam konteks ini, hanya manfaat atau pulangan daripada pelaburan wang wakaf tunai yang wajar diiktiraf sebagai hasil, manakala jumlah pokok kekal direkodkan sebagai liabiliti amanah atau dana khas yang perlu dipulangkan setelah tamat tempoh wakaf.

Senario terakhir pula melibatkan terimaan manfaat sahaja, seperti perkhidmatan atau harta intelek. Contohnya, pewakaf mungkin memberi hak menggunakan ruang iklan, lesen perisian atau hak cipta buku untuk tempoh tertentu. Daripada sudut perakaunan, situasi ini lebih mencabar kerana manfaat sebegini tidak mempunyai harga pasaran yang jelas untuk dijadikan rujukan. Persoalan utama ialah kaedah pelaporan manfaat ini, sama ada ia dianggap sebagai aset sementara dan bergunanya ialah liabiliti atau dana amanah yang akan dilunaskan mengikut tempoh, atau terus diiktiraf sebagai hasil terhadap pada tahun semasa. Kedua-dua pendekatan ini memberi kesan berbeza terhadap laporan kewangan sama ada ia menunjukkan kawalan terhadap manfaat sepanjang tempoh wakaf atau hanya melaporkan nilai manfaat sebagai pendapatan sekali gus. Buat masa ini, ketiadaan piawaian khusus menyebabkan institusi wakaf mengambil pendekatan berbeza-beza, yang akhirnya menjejaskan keseragaman dan kebolehbandingan laporan kewangan.

Bagi mengelakkan kekeliruan, pendekatan yang lebih sesuai adalah dengan merekod manfaat wakaf bukan fizikal ini sebagai hasil terhadap, manakala penggunaannya direkodkan sebagai liabiliti. Melalui kaedah ini, nilainya tetap diiktiraf sebagai sebahagian daripada sumbangan wakaf, namun dengan jelas menunjukkan bahawa penggunaannya terikat kepada tempoh

serta tujuan tertentu sahaja. Pendekatan ini juga lebih telus kerana ia memaparkan manfaat yang diterima oleh institusi, sambil mengelakkan salah tanggapan seolah-olah institusi memiliki aset kekal tersebut. Di samping itu, cara ini selari dengan prinsip amanah dalam Islam, iaitu pewakaf menyediakan manfaat, manakala institusi hanya bertindak sebagai pengurus yang melaporkan secara jujur sepanjang tempoh wakaf.

Semua senario yang dibincangkan ini memerlukan tahap pendedahan yang berbeza dalam penyata kewangan. Pendedahan tersebut bukan sahaja perlu menjelaskan nilai dan tempoh wakaf, tetapi turut merangkumi syarat penggunaan, status pemilikan serta kewajipan pemulangan aset atau dana kepada pihak pewakaf. Penyampaian maklumat yang mencukupi dan selaras dengan sifat setiap transaksi membolehkan pengguna laporan kewangan menilai kedudukan sebenar wakaf *muaqqat* dengan lebih tepat, seterusnya membuat keputusan yang tepat.

Menyedari kepelbagaian isu ini yang wujud, sudah tiba masanya untuk semua pihak memastikan pelaporan wakaf *muaqqat* dilaksanakan secara telus, konsisten dan patuh kepada prinsip syariah. Pendekatan ini bukan sahaja mengukuhkan integriti pelaporan kewangan wakaf, tetapi juga meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap pengurusan dan tadbir urus institusi wakaf.

WAKAF *MUAQQAT* : MENUJU KE HADAPAN

Selaras dengan keperluan semasa, wakaf *muaqqat* merupakan satu inovasi penting dalam sistem wakaf kontemporari. Ia

membuka ruang kepada lebih ramai individu untuk menyumbang dalam bentuk yang lebih fleksibel dan bersifat sementara. Namun, tanpa pemahaman dan kerangka pelaporan yang jelas, wakaf *muaqqat* berisiko disalah urus atau disalah tafsir daripada segi undang-undang, syariah mahupun kewangan.

Perakaunan merupakan instrumen integriti dan amanah. Ia membolehkan masyarakat menilai tahap kebolehan institusi melaksanakan tanggungjawab terhadap harta dan dana yang diterima. Dalam konteks wakaf *muaqqat*, keperluan untuk melaporkan secara tepat menjadi lebih mendesak kerana harta wakaf bukan milik mutlak institusi dan perlu dikembalikan. Justeru, pengiktirafannya sama ada sebagai liabiliti amanah atau dana amanah (ekuiti), penggunaan pendedahan nota khas serta pengasingan aliran tunai adalah antara ciri utama perakaunan beretika yang perlu diberi perhatian.

PPIBZW yang dibangunkan oleh JANM menyediakan asas yang mantap. Namun, sudah tiba masanya piawaian ini dikembangkan dengan satu seksyen khas yang mengatur pengolahan perakaunan wakaf *muaqqat*. Penyediaan garis panduan pelaporan standard, latihan kepada pegawai pelaksana dan pemerksaan sistem dokumentasi digital akan memudahkan pengurusan serta meningkatkan kepercayaan masyarakat.

Selain itu, Kerajaan Persekutuan perlu melihat wakaf *muaqqat* bukan hanya sebagai instrumen kebajikan tetapi juga sebagai pelengkap kepada dasar fiskal dan pembangunan negara tercinta ini. Instrumen ini berpotensi menyokong pembiayaan infrastruktur sosial seperti klinik kesihatan, pusat asuhan

kanak-kanak, rumah perlindungan wanita dan pelajar luar bandar dalam bentuk kontrak jangka masa pendek atau sederhana. Pendekatan ini bukan sahaja mengurangkan kebergantungan kepada hutang awam atau perbelanjaan langsung kerajaan, bahkan ia menjunjung aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan nilai keadilan, ihsan, keberdayaan dan kesejahteraan sosial.

MAIN pula perlu mengambil peranan yang lebih proaktif. Selain bertindak sebagai pemegang amanah, ia juga perlu menjadi pemacu inovasi. Dengan wujudnya sistem pelaporan wakaf *muaqqat* yang telus dan mudah difahami, MAIN berpeluang menarik lebih ramai pewakaf muda, profesional Islam serta penyumbang institusi untuk turut serta. Hal ini penting kerana pewakaf pada masa kini bukan sekadar mencari ganjaran pahala, tetapi juga menuntut jaminan bahawa sumbangan mereka diurus dengan baik, dilaporkan secara telus, dan memberi impak sebenar kepada masyarakat.

Akhirul kalam, wakaf *muaqqat* perlu dilihat sebagai peluang untuk menginkluskasikan sistem wakaf. Ia memberi ruang kepada penyertaan lebih luas dan menyatukan kekuatan antara pewakaf, pentadbir, kerajaan dan masyarakat. Piawaian yang betul menjadi asas kepada sistem yang berdaya tahan. Dengan langkah ke hadapan yang bersifat menyeluruh daripada aspek perundangan, perakaunan dan tadbir urus, wakaf *muaqqat* bukan sahaja sah di sisi syarak, tetapi juga berpotensi menjadi instrumen masa depan dalam membina masyarakat Malaysia MADANI yang berteraskan nilai, berdaya saing dan penuh manusiawi.

Rujukan

- Al-Bukhari, M. I. (n.d.). *Sahih al-Bukhari*. Diakses pada 6 Oktober 2025 daripada <https://sunnah.com/bukhari>
- Jabatan Akauntan Negara Malaysia. (2018). *Laporan kajian: Perakaunan dan pelaporan kewangan Islam bagi institusi wakaf, zakat dan baitulmal di Malaysia fasa 2, 2017* (Zon 3).
- Jabatan Akauntan Negara Malaysia. (2019). *Laporan kajian: Perakaunan dan pelaporan kewangan Islam bagi institusi wakaf, zakat dan baitulmal di Malaysia fasa 3, 2018* (Zon 3).
- Jabatan Akauntan Negara Malaysia. (2020). *Perakaunan dan pelaporan kewangan Islam bagi institusi baitulmal, zakat dan wakaf di Malaysia fasa 4* (Zon 3).
- Jabatan Akauntan Negara Malaysia. (2021). *Piawaian perakaunan Islam bagi baitulmal, zakat dan wakaf (PPIBZW): Pembentangan penyata kewangan*.
- Jabatan Akauntan Negara Malaysia. (2022). *Piawaian perakaunan Islam bagi baitulmal, zakat dan wakaf (PPIBZW): Aset*.
- Jabatan Akauntan Negara Malaysia. (2023). *Piawaian perakaunan Islam bagi baitulmal, zakat dan wakaf (PPIBZW): Hasil, belanja dan liabiliti*.
- Muhammad Hisyam, B. M. (2025). *Wakaf bertempoh wajar diketengahkan*. Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). <https://ikim.gov.my/en/wakaf-bertempoh-wajar-diketengahkan/>
- Muslim, I. H. (n.d.). *Sahih Muslim* (Hadis Sahih Muslim). Diakses pada 6 Oktober 2025 daripada <https://sunnah.com/muslim>
- Zulkifli Al Bakri. (2021). *Soal jawab agama - orang kaya terima wakaf*. Diakses pada 10 Oktober 2025 daripada <https://zulkiflialbakri.com>
- Zulkifli Al Bakri. (2023). *Soal jawab agama - kisah pemilikan telaga rumah*. Diakses pada 10 Oktober 2025 daripada <https://zulkiflialbakri.com>



LAYANAN PERCUKAIAN BAGI WAKAF DAN ENTITI WAKAF

Nor Aizan Abd. Wahab

PENDAHULUAN

Terdapat keperluan bagi pembayar cukai untuk menuntut potongan derma atau sumbangan dalam pengiraan cukai pendapatan mereka. Perkara ini merupakan amalan biasa bagi pembayar cukai yang ingin mengurangkan jumlah pembayaran cukai pendapatan. Bagi pihak institusi, organisasi atau tabung, (IOT) atau badan berkaitan pula, insentif potongan cukai ini dapat dijadikan galakan untuk meningkatkan usaha pendanaan mereka. IOT yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) di bawah subseksyen 44(6) merujuk kepada mana-mana hadiah, pemberian atau derma berbentuk tunai yang dikutip daripada orang awam, termasuklah individu, syarikat, badan korporat dan bukan korporat serta pemberian daripada kerajaan. Dana ini dianggap sebagai dana awam dan bukan bertujuan untuk memperoleh keuntungan.

Pengecualian cukai ke atas semua pendapatan yang diterima oleh IOT ini boleh diperoleh melalui perenggan 13(1)(a), Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967), dengan syarat kelulusan subseksyen 44(6) masih berkuat kuasa kepada IOT tersebut dan IOT tidak melanggar sebarang syarat kelulusan yang ditetapkan oleh KPHDN. Tuntutan potongan ini hendaklah dibuktikan menerusi resit rasmi potongan derma yang diluluskan

oleh KPHDN. Tuntutan potongan oleh penyumbang melalui resit rasmi potongan derma hendaklah dibuat pemfailan Borang Nyata Cukai Pendapatan bagi tahun taksiran yang berkenaan. Tuntutan ini biasanya dibenarkan berdasarkan tarikh sumbangan atau derma dilaksanakan, selaras dengan tarikh yang tercatat pada resit rasmi potongan derma yang diluluskan. Selain itu, semua pendapatan yang diterima oleh IOT yang berada dalam tempoh kelulusan subseksyen 44(6) layak menikmati pengecualian cukai, selaras dengan syarat dan kelulusan yang ditetapkan oleh KPHDN.

Tanpa kelulusan KPHDN di bawah subseksyen 44(6), pendapatan IOT boleh dikenakan cukai pendapatan, manakala penyumbang tidak berhak menuntut sebarang potongan daripada jumlah pendapatannya semasa mengira cukai seperti diertikan di bawah seksyen 44, ACP 1967. Pemakaian subseksyen 44(6) secara khusus hanya terhad kepada derma berbentuk tunai yang bersifat hadiah. Sekiranya IOT atau penyumbang tidak jelas atau tidak mengetahui pemakaian peruntukan undang-undang ini, pelbagai implikasi cukai mungkin timbul, termasuk kewajipan bayaran balik cukai, cukai tambahan serta penalti di bawah seksyen 113(2) ACP 1967. Justeru itu, adalah amat penting bagi IOT dan penyumbang untuk memahami implikasi cukai yang berkaitan supaya pengecualian dan tuntutan potongan cukai dapat dilaksanakan dengan betul dan teratur.

LATAR BELAKANG DAN EVOLUSI

Derma atau sumbangan boleh diterima dalam pelbagai bentuk atau instrumen. Namun demikian, di bawah ACP 1967, hanya

derma tunai dan wakaf tunai sahaja yang layak dipertimbangkan bagi tujuan potongan cukai.

Sebelum Tahun Taksiran 2020, sumbangan wakaf tunai yang dibuat oleh pewakaf tidak layak untuk menerima sebarang potongan cukai, manakala pendapatan yang diterima oleh institusi atau tabung wakaf pula tertakluk kepada cukai pendapatan. Badan/Tabung Wakaf (BT Wakaf) serta penyumbang tidak boleh menggunakan peruntukan subseksyen 44(6) bagi tujuan pengecualian atau potongan cukai, kerana subseksyen tersebut tidak merangkumi skop sumbangan wakaf mahupun bentuk sumbangan lain yang seumpamanya.

Walaupun kesan percukaian antara sumbangan wakaf tunai dengan derma di bawah subseksyen 44(6) adalah sama dari sudut hasil akhirnya, namun dari perspektif perundangan, adalah menjadi kesalahan sekiranya pewakaf atau BT Wakaf menggunakan peruntukan subseksyen tersebut bagi sumbangan wakaf.

Memandangkan peranan dan fungsi BT Wakaf yang semakin meluas dan berkesan, maka dalam pembentangan Belanjawan 2020, kerajaan telah mengumumkan dan meluluskan peruntukan undang-undang yang spesifik bagi wakaf di bawah subseksyen 44(11D), ACP 1967 menerusi Akta Kewangan: Akta 823. Pemberian atau sumbangan wakaf tunai didapati dapat membantu BT Wakaf untuk melaksanakan aktiviti yang berkaitan dengan pembangunan, kemajuan, pengembangan dan bantuan kepada kumpulan sasaran yang dikenal pasti di negara ini. Ia mempunyai hukum dan syarat dalam peraturan agama Islam yang jelas.

Kewujudan insentif bagi wakaf ini adalah penting bagi menjamin kelestarian pendapatan institusi atau tabung wakaf dalam jangka panjang. Ruang pendanaan juga dapat ditingkatkan oleh BT Wakaf dengan galakan yang diberikan kepada pewakaf untuk mewakafkan dana tunainya ke jalan kebaikan bagi mendapatkan pahala yang berterusan. Pengenalan insentif percukaian ini masih tertakluk kepada konsep sumbangan tunai atau *gift of money* dan tidak termasuk jenis dan bentuk selainnya seperti yang diertikan di bawah seksyen 44(11D), ACP 1967.

Perbezaan Antara Wakaf Tunai dan Derma Tunai dalam Perspektif Percukaian

Secara umumnya, perkara yang membezakan wakaf tunai dan derma tunai adalah seperti dinyatakan dalam Jadual 5.

Jadual 5: Ringkasan Perbezaan antara Wakaf Tunai dan Derma Tunai Menurut ACP 1967

Aspek	Wakaf Tunai [44(11D) ACP 1967]	Derma Tunai [44(6)]
Tujuan.	Memenuhi kehendak Syariah.	Memenuhi kehendak subseksyen 44(6) dan 44(7) dan memenuhi objektif penubuhannya
Asas penubuhan.	Menepati empat rukun iaitu pewakaf, aset wakaf, nazir dan <i>sighah</i> .	Aktiviti untuk manfaat awam yang memerlukan/ perlembagaan/objektif peraturan tabung yang ditetapkan mengikut kuasa undang-undang di Malaysia.

Aspek	Wakaf Tunai [44(11D) ACP 1967]	Derma Tunai [44(6)]
Pendaftaran dan entiti yang disahkan.	Menerusi undang-undang bertulis dan pihak pentadbir agama Islam negeri, berdaftar sebagai <i>companies limited by guarantee</i> (CLBG) (Suruhanjaya Syarikat Malaysia-SSM) atau dengan surat ikatan amanah yang berdaftar dengan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU).	SSM, Pendaftar Pertubuhan (ROS), surat ikatan yang berdaftar dengan BHEUU.
Bentuk sumbangan yang dibenarkan.	Wang tunai.	Wang tunai.
Hak mengurus	<i>Mutawalli</i> yang dilantik perlu mempunyai punca kuasa mengutip, mengurus dan mengagihkan dana wakaf.	Ahli Lembaga Pemegang Amanah, Ahli Lembaga Pengarah, Ahli Jawatankuasa dilantik mengikut perlembagaan/ peraturan tabung.
Senarai rujukan perundangan.	<ul style="list-style-type: none"> • Subseksyen 44(11D) ACP 1967. • Seksyen 53A ACP 1967 (selepas Tahun Taksiran 2009). • Perenggan 13(1)(c) Jadual 6, ACP 1967. 	<ul style="list-style-type: none"> • Subseksyen 44(6) ACP 1967 • Perenggan 13(1)(a) Jadual 6, ACP 1967 • Garis Panduan Bagi Kelulusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri di Bawah Subseksyen 44(6) ACP 1967 bertarikh 8 Ogos 2024.

Aspek	Wakaf Tunai [44(11D) ACP 1967]	Derma Tunai [44(6)]
	<ul style="list-style-type: none"> • Garis Panduan Permohonan Untuk Kelulusan Di bawah Subseksyen 44(11D) ACP 1967 Bagi Wakaf. • Rangka Kerja Audit Pematuhan Di bawah Subseksyen 44(6), 44(6B), 44(11D) ACP 1967 dan P.U.(A) 139/2020. • Ketetapan Umum No. 1 Tahun 2015. 	<ul style="list-style-type: none"> • Rangka Kerja Audit Pematuhan Di bawah Subseksyen 44(6), 44(6B), 44(11D) ACP 1967 dan P.U.(A) 139/2020. • Ketetapan Umum No. 1 Tahun 2015.
Penerima manfaat.	Mengikuti kehendak pewakaf.	Menurut objektif/aktiviti yang diluluskan dan bersifat awam.
Dasar pelaburan.	Tidak ditetapkan oleh KPHDN.	Ditetapkan oleh KPHDN.
Hubungan penyumbang dan tabung.	Ada akad/perjanjian/bersyarat.	Tiada perjanjian/tidak spesifik/tidak bersyarat/hak IOT.
Penggunaan dana yang dibenarkan bagi tujuan kelulusan KPHDN.	<ul style="list-style-type: none"> • Untuk penerima manfaat. • Fi pentadbir. • Kos operasi yang munasabah. 	<ul style="list-style-type: none"> • Untuk penerima manfaat seperti objektif. • Kos operasi yang munasabah.

Aspek	Wakaf Tunai [44(11D) ACP 1967]	Derma Tunai [44(6)]
Penggunaan dana.	Untuk objektif/boleh dilabur untuk pembelian aset.	Untuk objektif/perlu patuh dasar pelaburan, pemakluman pembelian aset dan perlu kelulusan.

Sumber: ACP 1967, Garis Panduan Permohonan Kelulusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Di Bawah Subseksyen 44(6), Garis Panduan Permohonan Kelulusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri di Bawah Subseksyen 44(11D) ACP 1967 dan Portal Rasmi Yayasan Waqaf Malaysia.

Punca Kuasa Kelulusan (Sehingga Tahun Taksiran 2025) Badan atau Tabung Wakaf Tunai di Bawah Subseksyen 44(11D) ACP 1967

Skop percukaian di Malaysia adalah berasaskan kepada ACP 1967 yang juga harus dibaca bersama dengan perundangan subsidiari, ketetapan umum, garis panduan, nota amalan dan nota penerangan. Kefahaman yang jelas dan teratur terhadapnya akan membantu pembayar cukai meleraikan persoalan bagi menentukan sama ada sesuatu pendapatan itu boleh dikenakan cukai atau sebaliknya. Perkara ini akan menjadi tonggak dan rujukan utama bagi menentukan punca kuasa untuk mengenakan cukai atas pendapatan di Malaysia.

Bagi menentukan layanan percukaian yang sah dan betul, punca kuasa bagi melaksanakan layanan percukaian tersebut perlulah ada di bawah ACP 1967. Tanpa punca kuasa, sebarang pengiraan cukai yang dilaksanakan oleh pembayar cukai adalah tidak sah dan tidak teratur. Kegagalan membuat interpretasi

dan penggunaan yang betul boleh menyebabkan kerugian cukai kepada pembayar cukai dan ketirisan hasil negara.

Peruntukan undang-undang, interpretasi dan penjelasan punca kuasa bagi layanan percukaian dapat diringkaskan seperti Jadual 6.

Jadual 6: Ringkasan Interpretasi dan Penjelasan Peruntukan Undang-undang²

Peruntukan Undang-undang di bawah ACP 1967(ACP)	Interpretasi/Maksud Undang-undang	Penjelasan Peruntukan Undang-undang
Subseksyen 44(11D) ACP 1967.	<ul style="list-style-type: none"> (a) Cara tuntutan potongan oleh pihak pewakaf dan peringkat potongan yang dibenarkan. (b) Bentuk atau instrumen wakaf yang dibenarkan menurut perundangan. (c) Entiti yang layak memohon. 	<ul style="list-style-type: none"> (a) Pewakaf boleh menuntut potongan dalam pengiraan cukai di peringkat Jumlah Pendapatan seperti mana turutan yang diperjelaskan dalam subseksyen 44(1)(d) ACP 1967. (b) Hanya wakaf berbentuk tunai sahaja yang dibenarkan sebagai potongan. (c) Tiga entiti yang layak untuk mohon pertimbangan dan kelulusan KPHDN ialah: <ul style="list-style-type: none"> i. Majlis Agama Islam Negeri (pihak berkuasa agama Islam);

2 Contoh pengiraan cukai pendapatan bagi menunjukkan impak dengan tuntutan potongan dan tanpa tuntutan potongan boleh dilihat di Lampiran 1 dan 2.

Peruntukan Undang-undang di bawah ACP 1967(ACP)	Interpretasi/Maksud Undang-undang	Penjelasan Peruntukan Undang-undang
		ii. Badan yang ditubuhkan oleh Majlis Agama Islam Negeri, atau iii. Universiti awam dan seumpamanya.
Peruntukan kepada subseksyen 44(11D) ACP 1967.	(a) Entiti perlu mengemukakan permohonan dan kelulusan tidak diberikan secara automatik. (b) Entiti yang memohon perlu mempunyai objektif dan tujuan yang jelas berkait dengan industri wakaf. (c) Amaun yang dibenarkan mendapat potongan cukai kepada pihak pewakaf.	(a) Prosedur dan cara memohon dijelaskan dalam garis panduan terkini yang berkuat kuasa. (b) Secara umum, dana wakaf harus digunakan untuk tujuan yang dinyatakan dalam dokumen pentadbiran badan atau tabung wakaf tersebut. (c) Terhadap kepada 10% daripada pendapatan agregat pembayar cukai sahaja dibenarkan untuk mendapat potongan.
Perenggan 13(1) (c) Jadual 6 ACP 1967	Pendapatan yang dapat menikmati pengecualian cukai oleh entiti yang diluluskan.	Sumbangan wakaf tunai oleh pewakaf dan apa-apa pulangan kewangan daripada dana wakaf tunai yang diurus tadbir oleh badan atau tabung wakaf diluluskan.

Sehingga bab ini ditulis, peruntukan yang termaktub dalam perundangan semasa turut dijadikan asas bagi tujuan penerbitan garis panduan berkaitan permohonan BT Wakaf di Malaysia.

POLISI DAN DASAR SUBSEKSYEN 44(11D) ACP 1967

Polisi dan dasar yang dibentuk berdasarkan perundangan sedia ada dijadikan sebagai rujukan utama bagi melaksanakan pemrosesan kelulusan permohonan pihak BT Wakaf di bawah ACP 1967. Bagi BT Wakaf yang tiada kelulusan KPHDN di bawah subseksyen 44 (11D), maka ia boleh dikenakan cukai berdasarkan subseksyen 53A. Hal ini bermakna perenggan 13(1)(c) Jadual 6 adalah tidak terpakai kepada BT Wakaf tersebut. Menerusi era sistem taksir sendiri, menjadi tanggungjawab dan obligasi BT Wakaf untuk berbuat demikian secara sukarela dan tertakluk kepada rangka kerja audit pematuhan yang berkuat kuasa. Sebagai panduan, BT Wakaf boleh menggunakan Ketetapan Umum Bilangan 1 Tahun 2015 sebagai rujukan utama di samping ACP 1967 itu sendiri bagi menentukan punca kuasa undang-undang berkaitan pengiraan cukai pendapatannya.

Pada masa ini, ACP 1967 menyediakan insentif menerusi subseksyen 44(11D) kepada BT Wakaf. Interpretasi dan kefahaman berkaitan pemakaian ini adalah juga boleh dirujuk kepada garis panduan yang berkuat kuasa. Hal ini bagi memastikan insentif ini tidak disalah erti dan tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan sedia ada yang berkait dengan wakaf dan percukaian di Malaysia.

Menerusi Perlembagaan Persekutuan, pengasingan kuasa antara Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri atau keduanya jelas menunjukkan bahawa wakaf adalah di bawah bidang kuasa dan pentadbiran pihak pemerintah negeri merujuk butiran berikut:

- (i) Perkara 11(3)(b) Perlembagaan Persekutuan yang membenarkan tiap-tiap kumpulan agama berhak untuk menubuhkan dan menyenggarakan institusi bagi maksud agama atau khairat;
- (ii) Perkara 11(3)(c) Perlembagaan Persekutuan yang membenarkan tiap-tiap kumpulan agama boleh memperoleh atau mempunyai harta dan memegang harta dan mentadbir harta mengikut undang-undang; dan
- (iii) Senarai II – Senarai Negeri, Jadual Kesembilan (Perkara 74, 77) Perlembagaan Persekutuan yang memperjelaskan bahawa bagi aktiviti berkaitan wakaf dan takrifnya juga termasuklah pengawalseliaan amanah dan khairat, hukum syarak dan syariat agama, pelantikan pemegang amanah dan pemerbadanan berkaitan derma khairat dan merupakan bidang kuasa pemerintahan negeri kecuali Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

Asas inilah yang menjadi garis rujukan bagi pentadbiran percukaian dalam menentukan hala tuju penetapan kelayakan dan kelulusan permohonan.

Pentadbiran Percukaian dan Garis Panduan Permohonan Kelulusan Berkuatkuasa

Pentadbiran percukaian di Malaysia yang berasaskan ACP 1967 mengambil kira pelbagai peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan pengiraan cukai, khususnya seperti yang termaktub dalam seksyen 3, 4, 7, 20, 21, 21A, 24, 33, 39 dan peruntukan lain yang relevan. Apabila dasar dan polisi percukaian digubal mengikut kerangka ACP 1967, sebarang pindaan atau pengenalan insentif baharu termasuklah yang berkaitan dengan wakaf, perlu mematuhi batasan serta sekatan yang telah ditetapkan oleh akta tersebut.

Pendekatan ini penting bagi memastikan ketelusan dalam urusan pentadbiran percukaian, sekali gus mengelakkan ketirisan hasil negara serta kekeliruan dalam kalangan pembayar cukai. Konsistensi terhadap layanan percukaian juga amat diperlukan bagi menjamin keberkesanan pelaksanaan, selain memastikan setiap prosedur yang dikuatkuasa mempunyai piawaian yang jelas, seragam dan mudah dirujuk.

Pemakaian peraturan dalam garis panduan semasa yang berkuatkuasa perlu menjadi rujukan dan diikuti bagi memastikan BT Wakaf relevan dan selari dengan kehendak peruntukan undang-undang. Buat masa, ini garis panduan semasa yang berkuatkuasa didapati memerlukan satu reformasi supaya ia selari dengan perkembangan industri wakaf di Malaysia.

Permohonan Entiti

Subseksyen 44(11D) menggariskan setiap BT Wakaf yang ingin mendapatkan kelulusan KPHDN ini mestilah mengemukakan permohonan yang lengkap dan teratur. BT Wakaf juga perlu menepati syarat-syarat kelulusan yang telah ditetapkan menurut garis panduan permohonan BT Wakaf yang berkuatkuasa. Hanya permohonan yang lengkap dan teratur sahaja yang layak diproses untuk pertimbangan kelulusan.

Entiti Yang Layak

Berdasarkan pemakaian peruntukan undang-undang berkaitan subseksyen 44(11D) bagi memastikan permohonan mendapat pertimbangan kelulusan yang sewajarnya, entiti yang memohon perlu membuktikan penubuhannya (establishment). Secara umum, semua pihak berkuasa agama Islam negeri layak memohon dan dipertimbangkan kelulusan di bawah subseksyen 44(11D) ini. Setiap Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) mempunyai aktiviti yang rencam seperti tabung atau dana baitulmal, zakat, perniagaan dan pelaburan, maka syor untuk penubuhan tabung wakaf tunai adalah boleh dipertimbangkan. Rasionalnya adalah agar pengasingan akaun dan penyata dapat dibuat bagi tujuan semakan dan pemantauan. Pihak berkuasa agama Islam negeri perlu mempunyai punca kuasa di dalam dokumen perundangannya untuk menubuhkan sebuah tabung bagi mengurus wakaf tunai. Tabung yang ditubuhkan ini akan menggunakan punca kuasa untuk mentadbir dana wakaf bagi tujuan cukai pendapatan dan permohonan kelulusan di bawah subseksyen 44(11D).

Di samping pihak berkuasa agama Islam negeri sendiri yang menubuhkan tabung wakaf, ia juga dibenarkan untuk menubuhkan satu badan yang mentadbir dana wakaf bagi tujuan permohonan kelulusan pengecualian di bawah peruntukan undang-undang ini. Dalam hal ini, pihak berkuasa agama Islam negeri juga perlu mempunyai punca kuasa bagi tujuan penubuhan badan pentadbir dana wakaf. Penubuhan badan ini boleh dibuat menerusi pendaftaran dengan SSM, ROS dan BHEUU atau mana-mana perundangan bertulis di Malaysia.

Punca kuasa di bawah subseksyen 44(11D)(c) pula memperuntukkan institusi pengajian tinggi layak untuk dipertimbangkan kelulusan oleh KPHDN. Pada masa ini, hanya universiti awam sahaja yang layak dipertimbangkan.

Instrumen Wakaf dan Potongan Sumbangan Wakaf

Sehingga Tahun Taksiran 2025, hanya instrumen dalam bentuk wakaf tunai sahaja yang dibenarkan sebagai potongan. Pewakaf perlu membuktikan tuntutan potongan ini menerusi resit rasmi potongan kelulusan wakaf tunai diluluskan oleh KPHDN. Pihak BT Wakaf tidak boleh mengeluarkan resit ini kepada pewakaf selain wakaf tunai. Resit potongan ini hanya boleh digunakan sekali bagi mana-mana tahun taksiran bagi tujuan pengiraan cukai pendapatan.

Pentadbiran percukaian di Malaysia adalah dalam penetapan nilai ringgit yang dibayar atau dibelanjakan oleh pewakaf. Tuntutan potongan ini berdasarkan pembayaran perbelanjaan yang dilakukan oleh pewakaf. Pembayaran atau perbelanjaan

ini mestilah mempunyai nilai semasa seperti mana yang dinyatakan di dalam resit dan tertakluk kepada sekatan yang dinyatakan dalam proviso peruntukan subseksyen 44(11D). Tuntutan potongan oleh pewakaf tidak dibenarkan jika:

- (i) Mewakafkan harta selain daripada tunai (sehingga penulisan artikel ini);
- (ii) Mewakafkan tunai secara wakaf *muaqqat* kerana tuntutan potongan berdasarkan apa-apa yang dibelanjakan oleh pewakaf sahaja;
- (iii) Mewakafkan tunai secara bersyarat mengikut tempoh dengan mempunyai syarat untuk dikembalikan sebahagian atau keseluruhannya kepada pewakaf; dan
- (iv) Mewakafkan tunai dan mendapat faedah atau hasil dalam bentuk pulangan kewangan atau bukan kewangan kepada pewakaf.

Lantikan *Mutawalli* BT Wakaf

Bagi merealisasikan objektif penubuhan BT Wakaf dan insentif pengecualian cukai yang akan diluluskan, adalah penting bagi memastikan BT Wakaf mempunyai punca kuasa daripada pihak berkuasa agama Islam negeri untuk mengutip, mengurus dan mengagihkan dana wakaf tunai yang diterima. Hal ini selaras dengan hasrat dan harapan kerajaan yang ingin memastikan sektor pendanaan wakaf tunai dapat dikembangkan. Hasil dana wakaf juga dapat diagihkan bagi tujuan yang ditetapkan menerusi objektif BT Wakaf tersebut.

BT Wakaf perlu memastikan pengertian, rukun dan syarat wakaf dipatuhi bagi menjamin keabsahan aktiviti pewakafan. Manakala aspek seperti kaedah dan syarat pengumpulan dana wakaf tunai tidak menjadi tanggungjawab KPHDN.

Kriteria dan Penetapan Syarat Pertimbangan Kelulusan Subseksyen 44(11D)

Sebarang proses permohonan kelulusan, adalah menjadi lumrah beberapa syarat dan ketetapan dibuat bagi memastikan BT Wakaf memainkan peranan dan tanggungjawab yang sepatutnya. Di samping syarat yang dibincangkan berkaitan entiti yang layak, instrumen wakaf dan potongan sumbangan serta lantikan *mutawalli*, BT Wakaf juga perlu memenuhi perkara berikut:

- (i) Mempunyai objektif penubuhan untuk memberikan manfaat dan faedah kepada awam;
- (ii) Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik adalah wajar dan sesuai dengan tujuan dan pengoperasian BT Wakaf. Sebarang lantikan dan penamatan Ahli Lembaga Pengarah BT Wakaf harus dimaklumkan. Bayaran atau, elaun perkhidmatan atau, manfaat mereka harus berdasarkan undang-undang bertulis BT Wakaf; dan
- (iii) BT Wakaf perlu mempunyai nombor pengenalan cukai (Tax Identification Number - TIN) yang berasingan.

Kewajipan BT Wakaf dalam Tempoh Kelulusan Subseksyen 44(11D)

BT Wakaf yang telah diluluskan oleh KPHDN perlu melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan menerusi garis panduan yang berkuatkuasa seperti berikut:

- (i) Memohon kelulusan format resit rasmi potongan wakaf dan sebarang pindaan yang ingin dilakukan ke atasnya;
- (ii) Mengeluarkan resit rasmi potongan wakaf hanya kepada pewakaf yang mewakafkan amaun tunai sahaja;
- (iii) Menyimpan dan merekodkan dengan lengkap semua penyertaan wakaf yang diterima daripada pewakaf;
- (iv) Sekurang-kurangnya 50% hasil pulangan wakaf tahun lalu mestilah dibelanjakan bagi tujuan penubuhan BT Wakaf dalam tahun semasa;
- (v) Pemilikan dan penubuhan entiti subsidiari oleh BT Wakaf perlu dimaklumkan kepada KPHDN;
- (vi) Sebarang pemilikan dan pemerolehan aset oleh BT Wakaf selain daripada aktiviti wakaf hendaklah dimaklumkan kepada KPHDN;
- (vii) Pengemukakan penyata kewangan tahunan kepada KPHDN sepertimana yang format yang telah ditetapkan oleh Piawaian Perakaunan Islam bersama-sama dengan lain-lain penyata seperti yang ditetapkan oleh garis panduan; dan
- (viii) BT Wakaf yang hendak dibubarkan perlu kelulusan KPHDN terlebih dahulu.

Kekangan Perlaksanaan Insentif Percukaian bagi Wakaf di Malaysia

Insentif percukaian bagi sektor wakaf di Malaysia mempunyai beberapa kekangan. Kekangan ini perlu diperhalusi dan diteliti bagi memastikan ia selari dengan perkembangan industri wakaf di Malaysia. Sebarang kekangan yang timbul boleh ditambah baik bagi memastikan hasrat dan tujuan insentif ini diperkenalkan.

Punca Kuasa dan Perundangan

Bagi meluaskan kuasa kelulusan, adalah penting dilihat struktur perundangan bagi memberikan ruang untuk mewujudkan rangka kerja insentif wakaf di dalam ACP 1967. Dalam konteks semasa, perundangan pentadbiran agama Islam yang diasingkan oleh Perlembagaan Persekutuan antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri. Peruntukan subseksyen 44(11D) dihadkan kepada tiga jenis entiti sahaja untuk dipertimbangkan kelulusan oleh KPHDN. Punca kuasa sedia ada menghadkan peluang permohonan kelulusan oleh entiti yang lain seperti pihak korporat, individu, badan-badan amanah dan juga entiti yang tidak layak dalam peruntukan undang-undang tersebut.

Sekatan Tuntutan Potongan oleh Pewakaf Sebanyak 10%

Proviso kepada peruntukan subseksyen 44(11D) membenarkan tuntutan oleh pewakaf tetapi hanya terhad kepada 10% daripada pendapatan agregat pembayar cukai. Situasi ini menunjukkan perundangan sedia ada tidak sebenar-benarnya meraikan pewakaf. Sekatan ini perlu ditambah baik bagi memastikan lebih ramai

pewakaf dan lebih banyak dana wakaf tunai dapat disumbangkan kepada BT Wakaf. Sekatan ini ditetapkan sedemikian bagi tujuan kesaksamaan potongan di bawah subseksyen 44(6).

Garis Panduan dan Penetapan Syarat Kelulusan BT Wakaf

Penetapan beberapa syarat menerusi garis panduan terikat kepada penetapan yang telah dibuat oleh KPHDN. Terdapat syarat seperti komposisi ahli lembaga pengarah, sekurang-kurangnya 50% belanja objektif dan lantikan *mutawalli* merupakan syarat-syarat yang perlu disemak dan diteliti semula. Memandangkan BT Wakaf merupakan badan atau tabung yang ditadbir urus dan diselia di bawah perundangan pentadbiran pihak berkuasa agama, maka ia haruslah lebih diberikan kelonggaran. Status pematuhan BT Wakaf boleh sentiasa disemak dari semasa ke semasa sekiranya berlaku sebarang ketidakpatuhan.

Jenis Instrumen yang Layak

Subseksyen 44(11D) hanya mengkhususkan wakaf yang berbentuk tunai sahaja boleh dibenarkan sebagai instrumen bagi tujuan pertimbangan kelulusan oleh KPHDN. Selari dengan perkembangan industri wakaf di Malaysia, pada masa ini ramai pewakaf yang mewakafkan harta selain daripada tunai bagi membantu industri wakaf. Oleh kerana syarat yang dikenakan ini, maka pewakaf selain daripada tunai tidak akan dapat akses kepada insentif sedia ada. Jenis instrumen sepatutnya perlu dibuka kepada selain daripada tunai bagi memastikan industri wakaf di Malaysia dapat dilihat lebih terbuka, signifikan dan jaminan kelestarian pendapatan BT Wakaf.

Ketiadaan Insentif Khusus untuk Wakaf *Muaqqat*

Buat masa ini, amaun wakaf tunai yang diwakafkan oleh pewakaf layak mendapat insentif di bawah subseksyen 44(11D) dengan syarat ia merupakan wakaf kekal atau tiada had masa ditetapkan (wakaf muabbad). Pelbagai bentuk wakaf menjadi sekatan kepada pihak pewakaf dan BT wakaf untuk memperkembangkan industri wakaf. Memandangkan wakaf *muaqqat* juga diterima pakai di bawah hukum dan syariat Islam, maka bagi mengikuti perkembangan ini, ACP 1967 hendaklah melalui proses penambahbaikan menerusi punca kuasa dan juga garis panduan berkuatkuasa.

Tempoh Kelulusan KPHDN

Setiap BT Wakaf yang diluluskan perlu mematuhi tempoh kelulusan yang ditetapkan tidak melebihi lima tahun. BT Wakaf yang menguruskan dan mentadbir dana tunai wakaf didapati memerlukan tempoh masa yang mencukupi untuk menjana pulangan kewangan terhadap dana wakaf tunai yang diterima. Menerusi pengalaman dan semakan, didapati sesebuah BT Wakaf memerlukan masa antara tiga hingga empat tahun bagi memastikan pulangan kewangan yang berkesan bagi perlaksanaan aktiviti yang sepatutnya. Tempoh kelulusan lima tahun ini perlu disemak dan diselaraskan dengan aktiviti pelaburan dan tempoh pulangan kewangan, yang mana penyelarasan tempoh dapat mengurangkan isu birokrasi dan juga lebih realistik.

MELANGKAH KE ARAH PENAMBAHBAIKAN LAYANAN PERCUKAIAN WAKAF DI MALAYSIA

Berdasarkan fakta, perundangan dan kaedah pelaksanaan terdapat pelbagai ruang yang boleh dicipta untuk mengecilkan jurang kekangan atau kekurangan yang masih wujud dalam mempromosi pewakaf untuk berwakaf dan juga kelestarian BT Wakaf di Malaysia. Di rantau Asia Tenggara tidak dinafikan Malaysia turut menerajui galakan dan insentif berkaitan dengan wakaf dalam perundangan percukaianya. Namun begitu, jika dibandingkan dengan dunia Islam yang lain seperti Turki, Mesir, Sudan, Jordan, Kuwait, Kesatuan Arab Bersatu (UAE) dan Qatar, sentiasa melaksanakan kajian dan penambahbaikan ke atas BT Wakaf dan potongan cukai pewakaf.

Reformasi dan perubahan diperlukan bagi memastikan Malaysia tidak jauh ketinggalan dalam layanan percukaian pewakafan menerusi pelbagai cadangan tindakan seperti berikut:

- (i) Reformasi perundangan dan melaksanakan kajian ke atas punca kuasa sedia ada;
- (ii) Reformasi peringkat penetapan polisi atau dasar berkaitan wakaf dan rangkaiannya;
- (iii) Reformasi pentadbiran dan pemusatan penstrukturan sektor pewakafan di Malaysia;
- (iv) Reformasi strategi jangka panjang dan rangka kerja tindakan pelaksanaan;
- (v) Peluasan skop insentif dan galakan cukai bagi wakaf bukan tunai;

- (vi) Pemodenan mekanisme percukaian ke atas pewakaf bukan tunai atau *muaqqat* dan pengecualian pendapatan wakaf bukan tunai atau wakaf *muaqqat*; dan
- (vii) Pembentukan entiti yang menyokong pelaksanaan reformasi bagi peringkat pelaksanaan dan kemajuan sektor wakaf di Malaysia.

Bilangan BT Wakaf yang telah diluluskan setelah pengenalan punca kuasa galakan wakaf di bawah subseksyen 44(11D) sejak Tahun Taksiran 2020 adalah agak perlahan. Dalam tempoh lima tahun ini, kurang daripada 20 BT Wakaf yang telah diluluskan terdiri daripada kalangan universiti awam dan empat buah BT Wakaf daripada pihak berkuasa agama. Realitinya, BT Wakaf di Malaysia mempunyai pelbagai entiti. Antaranya adalah seperti wakaf korporat, skim wakaf khusus, wakaf saham amanah, wakaf dana pasaran modal dan lain-lain dana wakaf dalam sistem kewangan. Jika situasi ini tidak berubah, maka bilangan BT Wakaf lain akan berdepan dengan kesukaran untuk berkembang dan dimajukan dalam situasi pendanaan wakaf di Malaysia. Isu pendanaan dan peranan BT Wakaf adalah wajar direformasi dengan pelbagai usaha oleh pihak yang berkepentingan.

PENUTUP

Tuntasnya, pengukuhan punca kuasa perlu dikaji dan ditimbang bagi memberikan peluasan dan kemajuan pendanaan wakaf di Malaysia menerusi undang-undang seperti:

- (i) Melebarkan jenis entiti yang layak untuk dipertimbangkan kelulusan KPHDN;

- (ii) Meningkatkan kadar peratusan tuntutan potongan oleh pewakaf daripada 10%;
- (iii) Meluaskan skop pengecualian kepada pendapatan BT Wakaf, termasuk wakaf bukan tunai dan pulangan kewangannya;
- (iv) Memperkenalkan kenaikan levi wakaf kepada mana-mana pewakaf yang menyumbang selain tunai. Perkara ini dapat menyeimbangkan hasil kerajaan dalam membenarkan tuntutan potongan yang dituntut oleh pewakaf bukan tunai, wakaf *muaqqat* dan lain-lain jenis wakaf selain wakaf tunai;
- (v) Menstruktur layanan percukaian ke atas keuntungan modal atas harta tetap yang diwakafkan oleh pewakaf; dan
- (vi) Proviso kepada subseksyen 44(11D) ACP 1967 turut diperluas kepada pulangan kewangan yang berjaya dijana oleh harta yang diwakafkan oleh pewakaf tetapi tertakluk kepada tempoh kelulusan BT Wakaf sahaja.

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) perlu dari semasa ke semasa memperkemaskan sistem dan mekanisme bagi menangani isu ketidakpatuhan syarat kelulusan kepada BT Wakaf. LHDNM juga hendaklah melaksanakan tindakan audit atau semakan pematuhan dan meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan para pegawainya yang berdepan dengan Sistem Piawaian Kewangan Islam yang berkuat kuasa. Hal ini bagi memastikan setiap persoalan dan pelbagai situasi transaksi yang berkaitan dengan wakaf dapat ditangani dengan maklum balas yang lebih jitu dan berasas. Penyelarasan rangka kerja audit atau semakan pematuhan juga perlu diperkemaskan

demi mencapai piawai yang lebih tinggi selari dengan perkembangan pelaporan kewangan semasa yang bukan sahaja berkaitan wakaf, tetapi juga dana kewangan aktiviti pendanaan oleh pihak berkuasa agama yang berkembang pesat dan lebih dinamik.

FORMULA UMUM PENGIRAAN CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU DI MALAYSIA

Pengertian terma dalam pengiraan cukai pendapatan dalam ACP 1967

Pendapatan Kasar

Jumlah pendapatan daripada semua sumber seperti gaji, upah, sewa, komisen, faedah dan lain-lain.

Pendapatan Larasan

Pendapatan kasar yang telah ditolak dengan belanja yang dibenarkan di bawah seksyen 33 dan 39 ACP 1967.

Jumlah Pendapatan

Pendapatan kasar yang telah ditolak dengan belanja yang dibenarkan.

Pendapatan Agregat

Jumlah pendapatan yang ditolak dengan kerugian tempoh asas, kerugian b/h, derma/sumbangan diluluskan oleh KPHDN di bawah subseksyen 44(6), 44(11B), 44(11C), 44(11D).

Pendapatan Bercukai

Pendapatan agregat yang ditolak dengan pelepasan yang dibenarkan di bawah ACP 1967.

Jumlah Cukai Dikenakan

Pendapatan bercukai dikenakan kadar cukai yang berkuatkuasa dalam jadual kadar cukai dalam Bahagian I ACP 1967.

Cukai Kena Bayar

Amaun pendapatan kena cukai yang dikenakan satu kadar cukai yang berkuatkuasa melalui Bahagian 1 ACP 1967.

Ilustrasi Pengiraan Cukai Impak Tuntutan subseksyen 44(11D) ACP 1967 bagi pembayar cukai yang bermastautin bagi Tahun Taksiran 2024 Encik Ahmad Huzair mengemukakan maklumat berikut:

Pendapatan Kasar:

Gaji dan upah RM120,000

Komisen ejen jualan langsung RM50,000

Jumlah Pendapatan Kasar RM170,000

Belanja Dibenarkan Sebagai Ejen Jualan:

Belanja petrol, parkir dan tol RM10,000

Pelepasan dan potongan :

KWSP dan Perkeso RM14,000

Insurans perubatan dan kesihatan RM5,000

Jumlah Pelepasan RM19,000

Derma subseksyen 44(6) RM5,000

Sumbangan Wakaf 44(11D) RM12,000

Jumlah Potongan RM17,000

Pengiraan Cukai Pendapatan Tahun Taksiran 2024 bagi Encik Ahmad Huzair:

Pendapatan larasan: RM160,000

Jumlah pendapatan/pendapatan agregat encik Ahmad Huzair:

RM160 000

Tuntutan potongan derma dan sumbangan wakaf: Terhadap kepada 10% @ RM 160,000

(RM16, 000)

Maka, derma dibenarkan RM5,000 dan sumbangan wakaf RM11,000. Jumlah potongan dibenarkan RM16,000 (sumbangan wakaf sebanyak RM11,000 sahaja dibenarkan).

Jumlah pendapatan/pendapatan agregat selepas potongan:
RM144,000

Jumlah pendapatan/pendapatan agregat tanpa potongan:
RM160,000

Ringkasan maklumat bagi tujuan pengiraan cukai pendapatan encik Ahmad Huzair bagi Tahun Taksiran 2024 adalah seperti di Lampiran 2.

PENGIRAAN CUKAI PENDAPATAN TAHUN TAKSIRAN 2024

Bagi tujuan pemahaman yang lebih jelas, berikut ialah ringkasan maklumat bagi tujuan pengiraan cukai beliau:

A. Pendapatan Berkanun

Sumber Pendapatan	Jumlah (RM)
Pendapatan Penggajian	120,000
Pendapatan Komisen (Bersih)	40,000
Jumlah Pendapatan	160,000

B. Pendapatan Agregat

Butiran	Tidak Dituntut (RM)	Dituntut (RM)
Jumlah Pendapatan Berkanun	160,000	160,000
Tolak: Derma & Wakaf	-	16,000
Pendapatan Agregat	160,000	144,000

C. Pelepasan Cukai (Tahun Taksiran 2024)

Jenis Pelepasan	Had Maksimum (RM)
Diri sendiri & tanggungan	9,000
KWSP	4,000
Perkeso	350
Jumlah Pelepasan	13,350

D. Pendapatan Bercukai

Butiran	Tidak dituntut (RM)	Dituntut (RM)
Pendapatan Agregat	160,000	144,000
Tolak: Pelepasan Cukai	13,350	13,350
Pendapatan Bercukai	146,650	130,650

E. Pengiraan Cukai

Tiada Potongan Derma/Wakaf		Dengan Potongan Derma/Wakaf	
100,000 pertama	9,400	100,000 pertama	9,400
46,650 x 25%	11,662.50	30,650 x 25%	7,662.50
Jumlah Cukai (RM)	21,062.50	Jumlah Cukai (RM)	17,062.50

F. Tolakan Tambahan (sekiranya berkaitan)

Butiran	Jumlah (RM)
Zakat	0.00
PCB (Potongan Cukai Bulanan)	0.00
Jumlah Tolakan	0.00

G. Cukai Kena Dibayar/Bayaran Balik

Tiada Potongan Derma/Wakaf	Dengan Potongan Derma/Wakaf
21,062.50	17,062.50

H. Kadar Cukai Pendapatan 2024 (Pemastautin)

Kategori	Banjaran Pendapatan Bercukai (RM)	Pengiraan (RM)	Kadar (%)	Cukai (RM)
A	0 - 5,000	5,000 pertama	0	0
B	5,001 - 20,000	5,000 pertama 15,000 berikutnya	1	0 150
C	20,001 - 35,000	20,000 pertama 15,000 berikutnya	3	150 450
D	35,001 - 50,000	35,000 pertama 15,000 berikutnya	6	600 900
E	50,001 - 70,000	50,000 pertama 20,000 berikutnya	11	1,500 2,200
F	70,001 - 100,000	70,000 pertama 30,000 berikutnya	19	3,700 5,700
G	100,001 - 400,000	100,000 pertama 300,000 berikutnya	25	9,400 75,000
H	400,001 - 600,000	400,000 pertama 200,000 berikutnya	26	84,400 52,000
I	600,001 - 2,000,000	600,000 pertama 1,400,000 berikutnya	28	136,400 392,000
J	Melebihi 2,000,000	2,000,000 pertama Setiap ringgit berikutnya	30	528,400

CADANGAN PARAMETER DAN MODEL PELAKSANAAN WAKAF *MUAQQAT*

Hussein `Azeemi Abdullah Thaidi & Muhamad Firdaus Ab Rahman

PENGENALAN

Wakaf *muaqqat* merujuk kepada wakaf yang dihadkan pada suatu jangka masa tertentu, sebelum harta dikembalikan kepada pewakaf. Dalam wacana semasa, idea wakaf *muaqqat* telah diiktiraf oleh sarjana fiqah, seperti yang diputuskan oleh International Islamic Fiqh Academy (IIFA) melalui resolusi No. 181 yang menegaskan bahawa wakaf bersifat sementara dibolehkan dengan syarat pewakaf boleh menetapkan tempoh wakaf. Piawaiian syariah Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (AAOIFI) juga mengakui prinsip ini dengan membenarkan wakaf *muaqqat* apabila pewakaf berhasrat mengambil semula hartanya selepas tempoh tertentu. Pengiktirafan ini menunjukkan bahawa wakaf *muaqqat* mempunyai asas syariah dan boleh diterima sebagai salah satu bentuk sedekah jariah yang sah.

Di Malaysia, beberapa negeri telah bersedia melaksanakan wakaf *muaqqat* menerusi peruntukan undang-undang. Johor mempelopori langkah ini sejak tahun 1983 melalui Kaedah-Kaedah Wakaf yang membenarkan sebuah konsep yang diistilahkan sebagai “wakaf berjangka.” Yang terkini, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis pada 25 – 26 Ogos 2025 telah mengharuskan pelaksanaan wakaf *muaqqat*. Negeri-negeri lain turut menunjukkan minat positif, menandakan potensi peluasan

instrumen ini. Justeru itu, menyedari keperluan masyarakat Islam yang semakin kompleks dan keupayaan kehartaan yang semakin terbatas, wujud keperluan untuk mempelbagaikan kaedah umat Islam untuk berwakaf.

Wakaf *muaqqat* menawarkan kelebihan strategik kerana aset yang diwakafkan tidak terlepas hak milik buat selamanya, sebaliknya “didermakan” secara sementara untuk tujuan kebajikan. Ciri unik ini meningkatkan kesediaan berwakaf seperti yang ditunjukkan dalam beberapa tinjauan yang mendapati gabungan wakaf tunai dan wakaf *muaqqat* berjaya menggalakkan lebih ramai pewakaf menyumbang kerana menyedari harta akan dipulangkan selepas tamat tempoh pewakafan (Badlihisam & Md Salleh, 2024; Ghalia *et al.*, 2022; Jafri & Noor, 2019). Fleksibiliti sedemikian menjadikan amalan wakaf lebih inklusif dengan keperluan semasa tanpa menjejaskan prinsip asasnya. Oleh sebab itu, merangka parameter yang jelas serta kerangka pelaksanaan komprehensif bagi wakaf *muaqqat* di Malaysia amat penting agar instrumen inovatif ini dapat diurus secara sistematik, telus dan berkesan, sekali gus memaksimumkan impaknya kepada pembangunan ummah.

KONSEP WAKAF MUAQQAT

Wakaf *muaqqat* merujuk kepada penyerahan harta sebagai wakaf tetapi dibatasi oleh had waktu tertentu sebelum harta itu dikembalikan atau status wakafnya tamat (AAOIFI, 2017; Kahf, 1999).

Dalam wacana kontemporari, konsep wakaf *muaqqat* telah mendapat perhatian dan pengiktirafan institusi-institusi fiqh



sedunia. IIFA melalui resolusi no. 181 (19/7) menegaskan bahawa wakaf secara *muaqqat* adalah dibolehkan: “*Temporary Waqf means that Waqf will survive for a specific period after which it will no longer exist. Timing of Waqf per donor’s condition is permissible in all types of Waqf.*” Begitu juga, AAOIFI dalam *Shari’ah Standard* no. 33 mengenai wakaf menyebut bahawa pada prinsipnya wakaf adalah kekal; “*Temporary Waqf is also permissible when the donor desires to get back his property after a specific period.*”

Beberapa sarjana moden turut memberikan definisi operasional bagi wakaf *muaqqat*. Sebagai contoh, Ab Rahman & Amanullah (2017) mentakrifkan wakaf *muaqqat* sebagai:

“Pembatasan tempoh wakaf sesuatu harta sama ada dengan jangka waktu atau had generasi tertentu, di mana selepas tempoh itu wakaf akan berakhir mengikut garis panduan yang ditetapkan, selaras dengan hukum syarak serta menjaga kepentingan pewakaf, penerima wakaf dan harta yang diwakafkan. Daripada pelbagai definisi ini, dapat disimpulkan bahawa wakaf *muaqqat* merujuk kepada satu bentuk pemberian harta secara wakaf di mana ‘*ain* harta tersebut dikekalkan dalam tempoh pewakafan dan manfaatnya disalurkan untuk tujuan kebajikan dalam jangka masa dihadkan oleh pewakaf. Setelah tamat tempoh, harta tersebut dipulangkan mengikut hasrat pewakaf.”

KONSEP *TA'QIT*

Konsep *ta'qit* (pembatasan masa) dalam wakaf dapat difahami dengan meneliti tiga aspek utama wakaf; hasrat pewakaf, pihak penerima wakaf dan jenis harta yang diwakafkan. Dari sudut hasrat pewakaf, para fuqaha bersepakat bahawa pewakaf mempunyai hak untuk menetapkan syarat-syarat tertentu semasa mewakafkan hartanya, selagi syarat tersebut tidak bercanggah dengan prinsip syarak. Kaedah fiqah menyatakan:

شرط الواقف كنص الشارع.

Maksud: *Syarat pewakaf adalah seperti nas syari'at.*

(Ibn Nujaym, 2002)

Kaedah ini sering dijadikan panduan, bermaksud setiap syarat yang ditetapkan oleh pewakaf harus dipatuhi oleh pengurus wakaf seumpama mematuhi ketetapan syarak, selama ia merupakan syarat yang dibenarkan. Fuqaha secara sepakat tidak membenarkan pewakaf meletakkan syarat yang menyalahi konsep asas wakaf, seperti syarat untuk menjual kembali harta wakaf atau membatalkan wakaf tersebut sesuka hati pewakaf. Syarat sebegini dianggap *batil* dan menatijahkan batalnya akad wakaf itu sendiri. Dalam konteks Mazhab Maliki, pewakaf diwajibkan untuk menghadkan tempoh wakaf kepada satu jangka masa tertentu atau mensyaratkan wakafnya hanya untuk tempoh tertentu bagi golongan tertentu, kerana mereka tidak mensyaratkan sifat kekal dalam berwakaf. Tiga mazhab lain (Syafie, Hanbali dan Hanafi) pula umumnya tidak membenarkan penetapan tempoh masa dalam wakaf kerana bagi mereka, mensyaratkan had masa akan menggugurkan maksud wakaf



sebagai sedekah jariah yang pahalanya berpanjangan. Dengan kata lain, menurut jumhur ulama, wakaf mesti diserahkan secara mutlak tanpa had waktu supaya pahalanya berkekalan.

Ta'qit dalam konteks penerima wakaf pula bermaksud had masa atau batasan tempoh bagi golongan yang menerima manfaat wakaf. Pewakaf boleh menghadkan siapa yang mendapat manfaat wakaf dalam jangka masa tertentu, selagi kumpulan itu dibenarkan syarak. Contohnya, Mazhab Hanafi membolehkan pakaian diwakafkan kepada fakir miskin untuk kegunaan pada tempoh musim sejuk sahaja. Selepas musim sejuk tamat, pakaian itu dipulangkan semula kepada pengurus wakaf (Ibn 'Abidin, 2003). Ini menunjukkan penerima manfaat wakaf boleh dihadkan mengikut tempoh atau keperluan tertentu.

Sebahagian ulama mensyaratkan penerima akhir wakaf mestilah golongan yang sentiasa wujud (contoh: Fakir miskin). Tujuannya agar apabila penerima yang awal sudah tiada, manfaat wakaf dapat dipindahkan kepada penerima lain demi memastikan pahala wakaf berterusan. Sebagai contoh, jika wakaf diberikan kepada ahli keluarga tertentu sahaja, maka perlu ditetapkan bahawa selepas mereka tiada, manfaat wakaf disalurkan kepada orang miskin. Sebahagian ulama seperti Abu Yusuf, berpendapat jika syarat itu tidak disebut, wakaf tetap sah (Ibn 'Abidin, 2003).

Seterusnya, dari sudut harta yang diwakafkan (*mawquf*), para ulama berbeza pandangan dalam menentukan jenis harta yang boleh dijadikan wakaf dan hal ini berkait rapat dengan sifat sama ada berkekalan ataupun bertempoh. Mazhab Hanafi asalnya tidak membenarkan wakaf ke atas harta alih yang mudah lupus kerana

pada pandangan Imam Abu Hanifah, syarat sah wakaf ialah harta tersebut bersifat kekal dan boleh diambil manfaatnya berulang kali. Harta alih seperti makanan atau kenderaan dianggap tidak kekal kerana akan habis dimakan atau digunakan, justeru tidak sah dijadikan wakaf. Walau bagaimanapun, dua orang murid beliau (Imam Abu Yusuf dan Imam Muhammad al-Shaybani) berbeza pandangan dengan membuka ruang keharusan wakaf ke atas harta alih. Menurut mereka, harus mewakafkan harta alih yang boleh memberi manfaat berulang seperti kuda atau senjata untuk tujuan *fi sabilillah*. Bahkan, jika sesuatu harta wakaf itu rosak atau tidak lagi memberi manfaat, ia boleh dijual dan nilai tunainya digunakan untuk membeli aset lain yang boleh diwakafkan, asalkan tujuan asal wakaf dikekalkan. Pandangan ini menunjukkan ada unsur fleksibiliti untuk menempohkan masa, dengan wakaf dikira berlangsung selagi mana harta tersebut berfungsi, walaupun tidak selama-lamanya.

Fuqaha Maliki lebih longgar dalam menentukan jenis harta dengan membolehkan wakaf daripada manfaat sesuatu barang, bukan terbatas kepada *'ain* barang tersebut sahaja. Hal ini bermaksud, seseorang boleh mewakafkan kegunaan hartanya untuk tempoh tertentu. Sebagai contoh, manfaat kuda tunggangan atau binatang ternakan diwakafkan untuk kegunaan orang ramai, atau mewakafkan sejumlah wang tunai untuk digunakan bagi kebajikan dalam satu tempoh yang ditetapkan. Begitu juga makanan, boleh diniatkan wakaf manfaatnya dengan cara diagihkan sehingga habis. Semua bentuk harta atau manfaat ini sah diwakafkan menurut Mazhab Maliki selagi harta tersebut milik penuh pewakaf.



Sebaliknya, Mazhab Syafie dan Hanbali meletakkan syarat lebih tegas bahawa harta yang diwakafkan mestilah jenis yang kekal '*ainnya* dan boleh memberi manfaat berpanjangan. Oleh itu, tidak sah mewakafkan benda yang habis pakai seperti makanan atau bahan api. Mereka hanya mengharuskan wakaf pada aset seperti tanah, bangunan, perkakasan yang tahan lama atau apa-apa yang kekal fizikalnya walaupun digunakan secara berulang kali. Pengecualian diberikan kepada senjata dan peralatan perang untuk *fisabilillah*, mengambil iktibar daripada kisah Saidina Khalid al-Walid yang mewakafkan baju perisainya walaupun ia boleh luput.

Secara keseluruhannya, jika diteliti pandangan keempat-empat mazhab mengenai harta wakaf, ternyata konsep *ta'qit* tersirat di sebalik syarat-syarat tersebut. Apa jua harta yang tidak kekal sifatnya sebenarnya membawa erti wakaf itu terhad setakat hayat guna harta tersebut.

JENIS-JENIS WAKAF *MUAQQAT*

Dari segi jenis-jenis wakaf *muaqqat* yang diiktiraf atau diamalkan, para sarjana membahagikan ia kepada dua bentuk utama. Pertama, wakaf *muaqqat* yang berpatah balik kepada pewakaf. Dalam bentuk ini, sesuatu harta diwakafkan kepada individu atau institusi untuk suatu tempoh dan apabila tamat tempoh tersebut, harta itu dikembalikan semula kepada pewakaf asal. Inilah bentuk wakaf *muaqqat* yang jelas, dengan pewakaf sebenarnya menyerahkan hak penggunaan harta itu buat sementara waktu demi kebajikan.

Kedua, wakaf *muaqqat* yang tidak dikembalikan kepada pewakaf, sebaliknya selepas tamat tempoh, maka wakaf tersebut diteruskan atau dipindahkan miliknya kepada penerima lain yang bersifat kekal (seperti golongan fakir miskin atau institusi kebajikan umum). Dalam bentuk ini, pewakaf mengehendkan tempoh manfaat bagi penerima pertama (selalunya dalam bentuk wakaf khas). Sementara itu, harta wakaf tidak pulang kepada pewakaf tetapi disambung wakafnya kepada penerima kedua untuk tanpa had masa (selalunya dalam bentuk wakaf am). Menurut para fuqaha kontemporari, wakaf seperti ini juga boleh dikategorikan sebagai wakaf *muaqqat* (Ab Rahman, 2024), kerana adanya had masa bagi penerima pertama menikmati manfaat wakaf sebelum ia beralih miliknya kepada tujuan kebajikan yang berkekalan. Bentuk kedua ini sebenarnya telah wujud dalam amalan tradisional dalam konsep wakaf *zurri* (wakaf keluarga) atau wakaf *musytarak*. Wakaf *zurri* merujuk kepada pewakaf memberi keutamaan manfaat wakaf kepada ahli keluarganya atau mana-mana individu tertentu dahulu dan selepas tempoh tertentu, atau selepas generasi keluarga tersebut tiada lagi, manfaat wakaf berkenaan barulah disalurkan kepada golongan fakir miskin atau tujuan kebajikan umum. Maka, wakaf *zurri* atau wakaf *musytarak* boleh dilihat sebagai mekanisme fiqah bagi menggabungkan matlamat kebajikan umum dengan masalahat keluarga pewakaf. Kedua-dua jenis wakaf *muaqqat* ini, sama ada berpatah balik kepada pewakaf atau beralih kepada penerima berkekalan telah diiktiraf konsepnya dalam literatur fiqah moden dan ditawarkan dalam beberapa produk wakaf semasa.



Boleh disimpulkan bahawa konsep wakaf *muaqqat* menunjukkan bahawa Islam memberikan keanjalan dalam berwakaf dengan adanya pilihan untuk mengehadakan tempoh wakaf, di samping konsep wakaf kekal yang sedia terkenal. Walaupun majoriti fuqaha silam berpandangan wakaf hendaklah kekal agar pahala jariahnya tidak terputus, pandangan alternatif daripada Mazhab Maliki dan disokong oleh sebahagian ulama kontemporari membuktikan bahawa wakaf *muaqqat* tidak bercanggah dengan prinsip syarak jika dilaksanakan mengikut syarat yang betul. Malah, badan-badan rujukan dunia seperti IIFA dan AAOIFI telah mengeluarkan pandangan hukum dan standard yang membolehkan wakaf *muaqqat*. Dari sudut *maqasid*, wakaf *muaqqat* membuka ruang lebih ramai penyumbang untuk berwakaf dalam kapasiti masing-masing tanpa rasa bimbang kehilangan harta secara kekal. Dengan perancangan dan tadbir urus yang telus, wakaf *muaqqat* boleh menjadi instrumen inovatif untuk menjana kebajikan sosial dalam tempoh tertentu, contohnya bagi pembiayaan program komuniti atau skim perlindungan mikro. Sesungguhnya, wakaf *muaqqat* melengkapkan spektrum amalan wakaf dalam Islam sebagai sedekah jariah yang fleksibel dan selagi matlamat utamanya untuk mendekatkan diri kepada Allah tercapai.

CADANGAN PARAMETER PELAKSANAAN WAKAF MUAQQAT

Tafsiran

“Wakaf” ertinya wakaf yang berkekalan atau bertempoh (suatu tempoh terhad) atas modal harta bagi maksud-maksud agama

atau khairat yang diiktiraf oleh hukum syarak. Harta yang diwakafkan sedemikian yang hasilnya diberikan kepada orang-orang atau bagi maksud-maksud yang ditetapkan dalam wakaf itu;

“Wakaf berkekalan (muabbad)” ertinya menahan sesuatu hak milik harta secara kekal untuk dimanfaatkan harta dan/atau hasilnya dengan mengekalkan fizikalnya (‘ain) dan nilai aset bagi aset bukan fizikal untuk tujuan kebajikan; dan

“Wakaf bertempoh (muqqat)” ertinya menyerahkan sesuatu hak milik harta secara bertempoh untuk dimanfaatkan harta dan/atau hasilnya dengan mengekalkan fizikalnya (‘ain) dan nilai aset bagi aset bukan fizikal untuk tujuan kebajikan.

Jenis Wakaf

“Wakaf Am” ertinya wakaf yang berkekalan atau bertempoh atas modal dan pendapatan daripada harta bagi maksud-maksud agama atau khairat yang diiktiraf oleh hukum syarak, dan harta yang diwakafkan sedemikian;

“Wakaf Khas” ertinya wakaf yang berkekalan atau bertempoh (suatu tempoh terhad) atas modal harta bagi maksud-maksud agama atau khairat yang diiktiraf oleh hukum syarak, dan harta yang diwakafkan sedemikian, yang berpendapatan daripadanya diberikan kepada orang-orang atau bagi maksud-maksud yang ditetapkan dalam wakaf itu;

“Wakaf Zurri” ertinya wakaf yang berkekalan atau bertempoh yang memberi manfaat kepada keturunan pewakaf (kaum keluarga) sehinggalah anak cucu turun-temurun; dan



“Wakaf Musytarak” ertinya gabungan beberapa jenis wakaf menjadi satu seperti wakaf yang diwujudkan menerusi gabungan wakaf *khairi* dan wakaf khas dengan cara berkekalan atau bertempoh, atau gabungan antara wakaf *zurri* dengan wakaf *khairi* atau sebagainya.

Harta Wakaf *Muaqqat*

Harta yang dibenarkan untuk diwakafkan untuk suatu tempoh tertentu, termasuklah: Harta alih, harta tak alih, harta intelek atau harta digital.

- (i) Apa-apa manfaat, faedah atau kepentingan dalam apa-apa harta alih, harta tak alih, harta intelek atau harta digital;
- (ii) Apa-apa hak, kepentingan, hak milik atau selainnya yang berkaitan dengan harta alih, harta tak alih, harta intelek atau harta digital; dan
- (iii) Harta yang tidak dibenarkan untuk diwakafkan bagi suatu tempoh tertentu, ialah:
 - (a) Harta tidak alih atau alih untuk pembinaan masjid dan untuk kepentingan masjid mestilah bersifat kekal;
 - (b) Harta tidak alih untuk tapak perkuburan mestilah bersifat kekal; atau
 - (c) Harta dalam keadaan lain yang difikirkan perlu untuk dikekalkan oleh MAIN.

Tempoh Wakaf

Tempoh wakaf *muaqqat* boleh ditentukan berdasarkan generasi atau tempoh masa:

- (i) Generasi: Sekiranya wakaf *muwaqqat* itu ialah wakaf zurri, maksud tempoh adalah selamanya;
- (ii) Maksimum 60 tahun atau dua generasi; atau generasi yang difikirkan munasabah oleh MAIN;
- (iii) Tempoh masa: Tempoh yang difikirkan munasabah oleh MAIN: Tempoh minimum bagi harta tak alih;
- (iv) Tempoh maksimum bagi harta tak alih adalah tidak ditetapkan (bergantung kepada kontrak, jenis wakaf dan jumlah wang tunai); atau
- (v) Tiada ketetapan tempoh bagi wakaf harta alih (selagi mana harta alih tersebut boleh mendatangkan faedah atau manfaat).

Pemilikan Wakaf

- (i) Pemilikan harta tak alih ialah milik MAIN sepanjang kontrak berlangsung;
- (ii) Pewakaf tidak mempunyai kuasa dalam mengendalikan harta wakaf tersebut;
- (iii) Pewakaf tidak boleh menuntut semula harta selagi kontrak masih sah;
- (iv) Pemilikan harta akan dikembalikan kepada pewakaf setelah;
 - (a) Tamat kontrak; dan
 - (b) Syarat pewakaf tidak boleh dilaksanakan.
- (v) Penerima wakaf hanya mempunyai hak sebagai pengguna bukan sebagai pemilik;
- (vi) Penerima wakaf tidak boleh mengubah suai harta wakaf sesuka hati;



- (vii) Penerima wakaf harus menjaga harta dengan penuh tanggungjawab;
- (viii) Sebarang kos penyelenggaraan sepanjang kontrak ialah tanggungjawab yang dipersetujui bersama antara penerima wakaf dan pewakaf;
- (ix) Pemilikan harta alih wakaf *muaqqat* adalah sepenuhnya milik majlis;
- (x) MAIN mempunyai kuasa penuh dalam menguruskan harta wakaf; dan
- (xi) Pewakaf tidak boleh menuntut semula harta yang diwakafkan setelah selesai urusan pendaftaran harta.


Pendaftaran Wakaf *Muaqqat*

Pendaftaran harta wakaf *muaqqat* seperti berikut:

- (i) Pewakaf perlu berkonsultasi bersama pegawai MAIN sebelum pendaftaran harta dibuat;
- (ii) Pendaftaran harta perlu dilakukan oleh pewakaf sendiri dalam keadaan rela dan sedar tanpa paksaan daripada mana-mana pihak luar;
- (iii) Pendaftaran harta wakaf perlu dibuat secara rasmi yang disertakan dengan borang dan dokumen yang berkaitan;
- (iv) Pendaftaran harta perlu didatangkan bersama dua orang saksi bagi memastikan kontrak dibuat adil dan jelas;
- (v) Pewakaf juga perlu menamakan penama-penama bagi proses pemulangan semula wakaf; dan
- (vi) Semua pendaftaran harta wakaf *muaqqat* haruslah dibuat mengikut prosedur yang ditetapkan MAIN.

Pengakhiran Wakaf *Muaqqat*

- (i) Pengakhiran wakaf bagi harta tak alih adalah setelah tamat kontrak yang dipersetujui antara pihak pewakaf dan MAIN:
- (ii) Kontrak wakaf akan berakhir sekiranya:
 - (a) Syarat pewakaf tidak dapat dilaksanakan; atau
 - (b) Harta wakaf musnah (*force majeure*) disebabkan bencana alam dan lain-lain.
- (iii) Sekiranya pewakaf meninggal dunia atau tidak dapat ditemui, harta wakaf akan diserahkan kepada warisnya setelah tamat kontrak.



Rajah 8: Contoh Model Pelaksanaan Wakaf Tunai *Muaqqat*

**PENERANGAN LANGKAH PELAKSANAAN**

Langkah	Pelaksanaan
1	MAIN melantik <i>mutawalli/nazir khas</i> /jawatankuasa bersama bagi mengutip dan menguruskan wakaf.
2	Pewakaf menyerahkan tunai sebagai wakaf <i>muaqqat</i> kepada <i>mutawalli/nazir khas</i> /jawatankuasa bersama dengan sighth yang jelas, antaranya: a) Tujuan pewakafan; b) Jenis harta yang diwakafkan; c) Tempoh pewakafan; d) Golongan penerima manfaat; dan e) Bentuk pemulangan harta wakaf.
3	<i>Mutawalli/nazir khas</i> /jawatankuasa bersama mewujudkan tabung wakaf untuk mengumpulkan dana wakaf tunai yang diterima.
4	Dana wakaf tunai yang dikumpulkan dalam tabung wakaf dilaburkan dalam aktiviti pelaburan patuh syariah. Dana wakaf juga boleh digunakan sebagai produk pembiayaan. Syarat: Harta terpelihara atau jaminan pihak ketiga (takaful, kerajaan, <i>mutawalli</i> dan sebagainya).
5	Sebahagian keuntungan daripada hasil pelaburan akan digunakan bagi merealisasikan tujuan wakaf/kemaslahatan awam.
6	Sebahagian hasil pelaburan akan diagihkan kepada <i>mutawalli/nazir khas</i> /jawatankuasa berasama mengikut nisbah yang telah dipersetujui.
7	Sebahagian hasil pelaburan akan diagihkan kepada MAIN atau agensi terlibat.
8	Jika wujud keperluan, hasil pelaburan boleh disalurkan untuk menampung tabung wakaf.
9	Pemulangan aset wakaf tunai diambil daripada tabung wakaf.

Langkah	Pelaksanaan
10	Pemulangan aset boleh dibuat secara pemberian <i>in-kind</i> yang setara dengan nilai wakaf asal. Ia perlu mendapat persetujuan pewakaf pada langkah 2.
11	Tempoh pewakafan juga boleh ditamatkan dengan menukar kontrak wakaf kepada kontrak lain (contoh: Hibah, sedekah dan sebagainya). Harta tersebut juga boleh kekal ditadbir oleh MAIN dengan ditukar jenis wakaf (contoh: Wakaf jenis khas/ <i>zurri muaqqat</i> ditukar kepada wakaf jenis am).

PROSPEK PERLAKSANAAN WAKAF *MUAQQAT*

Wakaf *muaqqat* berbeza dengan wakaf kekal daripada aspek fleksibiliti tambahan kepada pewakaf tanpa menjejaskan prinsip asas wakaf. Berikut dibincangkan beberapa potensi utama wakaf *muaqqat* dari pelbagai sudut:

Meningkatkan Dana Tunai Tabung Wakaf

Wakaf *muaqqat* berpotensi besar untuk meningkatkan jumlah dana tunai dalam tabung wakaf. Sebagai instrumen filantropi inovatif, wakaf *muaqqat* dapat berperanan sebagai penjana dana berskala besar dan lestari kepada institusi wakaf. Hal ini bermakna, aset tunai yang diwakafkan secara *muaqqat* boleh digunakan serta-merta untuk membiayai projek-projek kebajikan atau pelaburan sosial, sekali gus melonjakkan kapasiti dana wakaf sedia ada. Sifat sementara wakaf ini memungkinkan kekayaan komuniti termasuk daripada individu berkemampuan dan juga syarikat korporat yang disalurkan untuk tujuan wakaf tanpa perlu komitmen kekal. Sebagai contoh, sebuah syarikat



besar boleh mewakafkan sejumlah wang untuk tempoh tertentu. Sepanjang tempoh itu, wang tersebut digunakan bagi projek bermanfaat dan selepas itu, jumlah pokok dikembalikan kepada syarikat tersebut. Melalui mekanisme ini, tabung wakaf akan memperoleh dana tunai tambahan yang signifikan untuk tempoh tersebut, sekali gus meningkatkan keupayaannya melaksanakan program pembangunan ummah. Potensi ini menjadikan wakaf *muaqqat* sebagai instrumen efektif untuk memperkukuh kewangan institusi wakaf dan memperluas impak operasi amal jariah.

Tahap Kecairan yang Tinggi

Salah satu kelebihan utama wakaf *muaqqat* jika ia dalam bentuk tunai ialah tahap kecairan (liquidity) yang tinggi berbanding aset wakaf tak alih seperti tanah atau bangunan. Wang tunai yang diwakafkan boleh segera digunakan bagi memenuhi keperluan mendesak penerima manfaat atau membiayai pelbagai inisiatif kebajikan tanpa penangguhan. Hal ini berbeza dengan aset fizikal (contohnya hartanah) yang mungkin mengambil masa untuk dicairkan atau dimanfaatkan. Kecairan tinggi ini membolehkan pengurus wakaf menyalurkan bantuan kewangan dengan pantas, contohnya bagi bantuan kemanusiaan, pembiayaan perubatan atau pendidikan, tepat pada waktu diperlukan.

Selain itu, wakaf *muaqqat* menawarkan fleksibiliti penggunaan dana sepanjang tempoh wakaf. Sebagai ilustrasi, berbanding membiarkan wang simpanan statik, individu boleh mewakafkan wang tersebut secara *muaqqat* untuk dijadikan modal pelaburan projek wakaf yang produktif. Sepanjang tempoh

wakaf, wang itu dijana dalam kegiatan ekonomi atau pelaburan sosial (seperti pembinaan prasarana awam atau program mikro-kewangan Islam) yang memberi manfaat langsung kepada masyarakat. Setelah tamat tempoh ditetapkan, wang pokok tersebut dikembalikan kepada pewakaf. Natiujahnya, wakaf tunai *muqqat* dapat mencipta dana wakaf yang mandiri dan berdaya tahan dengan memanfaatkan aliran modal tunai.

Mampu Menarik Lebih Ramai Pewakaf

Wakaf *muqqat* mempunyai daya tarikan unik yang mampu menarik penyertaan lebih ramai pewakaf, sama ada individu mahupun entiti korporat. Ciri utamanya ialah hakikat bahawa aset yang diwakafkan tidak hilang pemilikan secara kekal. Ia seolah-olah “dipinjamkan” untuk tujuan kebajikan dalam tempoh terhad. Bagi ramai prospek pewakaf, terutama yang ragu-ragu untuk melepaskan harta mereka selama-lamanya, konsep pemulangan semula harta wakaf selepas tempoh tertentu ini memberi jaminan dan keyakinan. Mereka boleh berwakaf dengan tenang kerana mengetahui bahawa mereka tidak melepaskan hak milik selamanya, sebaliknya hanya menangguhkan penggunaannya demi kebaikan ummah. Inovasi ini membuka ruang lebih luas kepada masyarakat untuk beramal jariah.

Bagi sektor korporat pula, wakaf *muqqat* merupakan peluang tanggungjawab sosial yang amat menggalakkan. Syarikat-syarikat besar lebih mudah bersetuju mewakafkan dana tunai buat sementara kerana dana tersebut kekal dalam pengiraan aset mereka dan akan kembali semula. Hal ini berbeza berbanding derma ikhlas biasa yang dianggap perbelanjaan hangus. Dengan wakaf *muqqat*, syarikat boleh menyumbang dalam skala besar tanpa menjejaskan kedudukan kewangan jangka



panjang, sambil meningkatkan reputasi dan memenuhi objektif sosial. Malah, tinjauan mendapati gandingan konsep wakaf tunai dengan wakaf *muaqqat* berjaya menarik minat ramai pewakaf kerana ia membolehkan kekayaan mereka dimanfaatkan tanpa menafikan keperluan masa depan pewakaf sendiri. Kesannya, lebih ramai individu berkemampuan dan institusi sudi berwakaf apabila wujud fleksibiliti seumpama ini. Pertambahan bilangan dan kepelbagaian pewakaf ini akhirnya akan mengembangkan lagi jumlah dana wakaf serta jaringan projek kebajikan yang dapat dilaksanakan.

Mempelbagaikan Kaedah Berwakaf

Penggunaan wakaf *muaqqat* turut membawa pembaharuan dalam kaedah berwakaf, sekali gus memperkayakan ekosistem wakaf secara keseluruhan. Tradisi wakaf sebelum ini banyak tertumpu kepada wakaf *muabbad* (tanah, bangunan atau aset yang diwakafkan selama-lamanya). Dengan adanya wakaf *muaqqat*, umat Islam kini mempunyai pilihan alternatif untuk berwakaf secara sementara, sama ada dalam bentuk tunai ataupun aset alih lain, bagi tempoh yang dipersetujui. Kepelbagaian kaedah ini memberi peluang kepada lebih ramai orang untuk turut serta dalam amalan wakaf mengikut kemampuan dan perancangan masing-masing.

Dari sudut pengurusan institusi wakaf, inovasi wakaf *muaqqat* membantu mempelbagaikan sumber dana ummah dan menambah baik strategi pembangunan kewangan sosial Islam secara menyeluruh. Ia dianggap satu anjakan paradigma ke arah ekosistem kewangan sosial yang lebih bersepadu, yang

terdapat sinergi strategik antara institusi agama, entiti komersial dan masyarakat dalam menjayakan projek kebajikan. Melalui pelbagai kaedah wakaf (muabbad dan *muaqqat*), pengurusan wakaf boleh merancang skim-skim yang lebih kreatif dan berimpak tinggi.

Kesediaan Fatwa dan Perundangan Sedia Ada

Di Malaysia, kesediaan pihak berautoriti dari segi fatwa dan perundangan sudah mula kelihatan yang boleh membuka ruang pelaksanaan wakaf *muaqqat*. Dari perspektif undang-undang syariah negeri, beberapa buah negeri antaranya, Terengganu, Johor, Sarawak, Perlis, Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan, telah memperuntukkan ruang bagi melaksanakan wakaf *muaqqat* dalam fatwa, enakmen atau kaedah wakaf negeri mereka. Hal ini menunjukkan bahawa amalan wakaf *muaqqat* diiktiraf dan tidak bertentangan dengan prinsip syarak pada asasnya di negeri-negeri tersebut. Malah, Johor telah lama mempelopori langkah ini melalui Kaedah-kaedah Wakaf Johor 1983 yang secara jelas membenarkan wakaf *muaqqat*. Semua ini mencerminkan bahawa kerangka perundangan dan fatwa sedia ada adalah kondusif untuk pengembangan wakaf *muaqqat*. Dengan sokongan polisi dan autoriti agama, potensi wakaf *muaqqat* dapat direalisasikan secara lebih meluas – menyediakan landasan yang sah dan diyakini untuk para pewakaf menyumbang serta memastikan pengurusan wakaf dilaksanakan dengan tertib, telus dan patuh syariah.



PENUTUP

Secara keseluruhannya, konsep wakaf *muaqqat* membuktikan Islam memberikan fleksibiliti dalam berwakaf di samping mengekalkan amalan wakaf kekal sedia ada. Walaupun majoriti ulama silam menekankan unsur kekal untuk memastikan pahala jariah berterusan, pandangan Mazhab Maliki yang disokong sebahagian ulama kontemporari menunjukkan wakaf *muaqqat* tidak bercanggah dengan syarak jika dilaksanakan mengikut syarat yang betul. Malah badan fiqh kontemporari seperti IIFA dan AAOIFI mengiktiraf wakaf *muaqqat* sebagai harus selagi memenuhi kehendak pewakaf dan tidak menzalimi mana-mana pihak.

Dari sudut manfaat, pengenalan wakaf *muaqqat* membuka ruang kepada lebih ramai pewakaf untuk menyertai amalan wakaf. Mereka yang bimbang melepaskan harta secara kekal kini boleh berwakaf secara sementara dengan aset dikembalikan selepas tempoh tertentu. Pendekatan ini bukan sahaja mampu menarik penyertaan lebih ramai pewakaf, sama ada secara individu mahupun entiti korporat, malah ia dapat menjana dana kebajikan yang besar dalam jangka masa terhad. Dengan pengurusan profesional dan telus, wakaf *muaqqat* mampu dioptimumkan sebagai instrumen inovatif pembangunan sosial tanpa menjejaskan hak milik pewakaf. Hal ini menjadikan wakaf *muaqqat* satu pelengkap yang fleksibel dalam ekosistem wakaf, selari dengan *maqasid syariah*.

Dari perspektif pelaksanaan, Malaysia sudah mempunyai asas perundangan dan fatwa bagi merealisasikan wakaf

muaqqat. Beberapa negeri seperti Johor, Terengganu dan Sarawak telah memasukkan peruntukan wakaf *muaqqat* dalam enakmen masing-masing, menandakan kesediaan perundangan mengiktiraf konsep ini. Pihak berkuasa agama juga terbuka menilai pelaksanaan wakaf *muaqqat* secara kes demi kes, dengan syarat mekanismenya patuh syariah serta mampu mencapai kemaslahatan ummah.

Model dan parameter yang dicadangkan dalam bab ini menyediakan kerangka pelaksanaan yang sistematik, efisien dan patuh syariah. Ia merangkumi peranan institusi, pengurusan dana, agihan manfaat dan mekanisme pemulangan aset kepada pewakaf. Sokongan dasar dan autoriti agama juga memastikan pelaksanaan wakaf ini dapat dijalankan secara sah, telus serta menepati tuntutan syariah. Secara tuntas, pembangunan model wakaf *muaqqat* yang sistematik, praktikal serta patuh syariah dan keperluan semasa amat penting bagi memanfaatkan sepenuhnya potensi instrumen ini sebagai pelengkap kepada amalan wakaf *muabbad* yang sedia ada.



RUJUKAN

- AAOIFI. (2017). *Sharia'ah standards*. AAOIFI.
- Ab Rahman, M. F. (2024). *Al-waqf al-muaqqat: Haqiqatuhu wa imkaniatuhu fi daw' takamul al-naqli wa al-aqli*. Penerbit USIM.
- Ab Rahman, M. F., & Amanullah, M. (2017). The nature of temporary waqf, its ruling and public interest. *Global Journal Al-Thaqafah*, 7(2), 175 – 1187.
- Al-Ansari. (1993). *Sharh hudud Ibn 'Arafah*. Dar al-Gharb al-Islami.
- Al-Dardir, A. ibn M. ibn A. (2006). *Al-sharh al-kabir 'ala mukhtasar Khalil*. Al-Maktabah al-'Asriyyah.
- Al-Kharashī, A. 'Abdillāh M. (1899). *Sharḥ al-Kharashī 'ala mukhtaṣar Khalīl* (2nd ed.). Al-Maṭba'ah al-Kubrā al-Amīriyyah bi Būlāq Miṣr.
- Al-Nawawi, A. Z. M. ibn S. (n.d.). *Al-majmu' sharh al-muhazzab li al-Shirazi* (M. N. Al-Muti'i (ed.)). Maktabah al-Irshad.
- Al-Zuhayli, W. (2002). *Al-muamalat al-maliyyah al-mu'asirah: Buhuth wa fatawa wa hulul*. Dar al-Fikr.
- Badlihisham, N. A., & Md Salleh, M. F. (2024). Wakaf bertempoh (Muaqqat) satu cadangan pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan dalam penyata kewangan. *International Journal of Advanced Research*, 12(06), 28 – 46.
- Ghalia, B., Zakariyah, L., & Al Najjar, Y. A. (2022). Dawru al-waqf al-mu'aaqqat fi al-tamwīl al-ijtimā'i fi al-mashrīfiyah al-Islāmiyah bi Malayziyā. *Al-Ihkam: Jurnal Hukum Dan Pranata Sosial*, 17(2), 611 – 646. <https://doi.org/10.19105/al-Ihkam.v17i2.6768>
- Ibn 'Abidin, M. A. (2003). *Radd al-muhtar 'ala al-durr al-mukhtar sharh tanwir al-absar* (A. A. A. Mawjud & A. M. Mu'awwad (eds.); Special). Dar Alim al-Kutub.
- Ibn Manzur. (1993). *Lisan al-'Arab* (3rd ed.). Dar Sadir.
- Ibn Nuwaym, S. A.-D. 'Umar bin I. bin N. A.-Ḥanafī. (2002). *Al-nahr al-fā'iq sharḥ kanz al-daqa'iq* (A. 'Izzū 'Ināyah (ed.)). Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Jafri, F. A., & Noor, A. M. (2019). Temporary waqf model for Islamic private retirement scheme in Malaysia – a proposal. *Journal of Islamic Finance*, 8(1), 23 – 35.
- Kahf, M. (1999). Towards the revival of awqaf: A few fiqhi issues to reconsider. *Harvard Forum on Islamic Finance and Economics*, 1 – 16.
- Zahrah, M. A. (1971). *Muḥāḍarāt fi al-waqf*. Dār al-Fikr al-'Arabī.

Keputusan Hukum

Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) Kali Ke-128 yang bersidang pada 1 hingga 4 Rabiulakhir 1447H bersamaan 23 hingga 26 September 2025M telah membincangkan mengenai hukum wakaf bertempoh (*al-muaqqat*) dan pelaksanaannya di Malaysia. Muzakarah telah bersetuju dan berpuas hati dengan hujah-hujah dan fakta-fakta yang telah dikemukakan oleh penyelidik dan berpandangan bahawa:

1. Wakaf pada asalnya adalah mesti bersifat *ta'bid* (berkekalan). Pengurusan wakaf hendaklah mengutamakan wakaf *ta'bid* dalam pelaksanaan wakaf; dan
2. Pelaksanaan wakaf *al-muaqqat* adalah **diharuskan** dengan memenuhi syarat-syarat berikut:
 - (a) Harta yang dibenarkan untuk diwakafkan secara bertempoh meliputi harta alih, harta tak alih, harta intelek atau lain-lain harta yang mempunyai nilai mengikut hukum syarak;
 - (b) Tempoh bagi wakaf *al-muaqqat* adalah mengikut masa yang difikirkan munasabah oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan/atau pihak-pihak yang terlibat selagi mana harta tersebut boleh mendatangkan faedah atau manfaat;
 - (c) Peletakhakan harta wakaf semasa wakaf *al-muaqqat* berkuat kuasa adalah terhadap MAIN dan/atau pihak-pihak yang terlibat berdasarkan terma yang dipersetujui bersama; dan
 - (d) Satu garis panduan pengurusan wakaf *al-muaqqat* hendaklah diwujudkan merangkumi isu pendaftaran harta wakaf, pemindahan hak milik kepada MAIN, pihak bertanggungjawab jika berlaku kerosakan/kerugian serta menerangkan keutamaan wakaf kekal (*al-muabbad*) dan bidang kuasa MAIN selaku pemegang amanah tunggal wakaf termasuk wakaf *al-muaqqat*.

Glosari

- 'Aqad al-tabarru'at** : *Aqad* (عقد) berarti kontrak, perjanjian, atau transaksi. *Al-Tabarruat* (التبرعات) berasal daripada kata dasar *tabarru* (تبرع) yang berarti derma, sumbangan, atau pemberian sukarela tanpa mengharapkan imbalan (iwadh).
- Fatwa** : Keputusan tentang sesuatu hukum agama berdasarkan nas al-Quran, hadis, dan sumber hukum lain, termasuk ijtihad oleh mufti.
- Fiqah** : Ilmu pengetahuan tentang hukum dalam agama Islam.
- Fuqaha** : (Jamak bagi faqih) orang yang ahli dalam ilmu fiqah.
- Hujah** : Pendapat berserta alasan yang diberikan sebagai menyokong atau menentang sesuatu pendirian (pandangan dan sebagainya).
- 'Ariyah** : *'Ariyah* ialah akad meminjam atau memberi guna suatu barang kepada orang lain untuk digunakan dalam tempoh tertentu, tanpa imbalan. Barang tersebut harus dikembalikan kepada pemilik selepas tempoh penggunaan.
- Ijarah al-muntahiyah bi al-tamlik (IMBT)** : Satu perjanjian sewa-menyewa yang diakhiri dengan pemindahan hak milik barang kepada penyewa setelah tamat tempoh sewaan. Ia merupakan gabungan antara akad *ijarah* (sewa) dan akad jual beli, yang pihak penyewa menggunakan manfaat barang selama tempoh tertentu melalui bayaran sewa dan di akhir tempoh tersebut, hak milik akan dipindahkan melalui perjanjian jual beli atau hibah.
- Infak** : Pemberian (sumbangan) wang, harta dan sebagainya yang dibelanjakan untuk kebajikan seperti derma, sedekah dan sebagainya.



<i>Maqasid syariah</i>	: Tujuan-tujuan, matlamat atau objektif utama di sebalik hukum/hikmah syariah.
<i>Maslahah</i>	: Sesuatu yang berfaedah (berguna), usaha dan sebagainya yang mendatangkan manfaat.
<i>Mawquf ‘Alaih</i>	: Penerima manfaat, orang atau badan yang menerima manfaat atau hasil harta wakaf.
<i>Muqabil al-asah</i>	: Pendapat kuat (sahih) tetapi berlawanan dengan pandangan yang paling sah (al-asah).
<i>Nazir/ Mutawalli</i>	: Pentadbir atau pemegang amanah harta wakaf yang bertanggungjawab memastikan harta wakaf digunakan menurut tujuan pewakaf.
<i>Qaul muktamad</i>	: Pandangan hukum yang paling kuat, disepakati dan diutamakan dalam sesuatu mazhab (khususnya Syafie).
<i>Rajih</i>	: Pendapat yang dianggap lebih kuat di antara beberapa <i>qaul</i> yang berbeza, berdasarkan ijtihad dan <i>tarjih</i> yang dilakukan.
<i>Sighah</i>	: Hasrat/ikrar/hujah/penyataan tujuan.
<i>Talfiq</i>	: Penggabungan antara dua unsur atau lebih yang boleh didefinisikan sebagai “mengamalkan dua mazhab”.
<i>Tawarruq</i>	: Pembiayaan yang melibatkan akad pembelian aset secara hutang dan penjualan semula secara tunai kepada pihak ketiga. Proses pembiayaan ini berlaku seperti yang berikut: <ol style="list-style-type: none">Individu yang ingin mendapatkan wang tunai membeli suatu barang daripada seorang peniaga dengan harga ansuran untuk tempoh tertentu, atauIndividu tersebut menjualkan semula barang berkenaan kepada pihak ketiga secara tunai dengan harga yang kurang daripada harga beliannya. Melalui cara ini, individu tersebut telah berhutang dengan peniaga melalui akad hutang tetapi berjaya mendapatkan tunai melalui jualan tunai daripada pihak ketiga. Kaedah ini sepakat diterima dari segi syarak kerana akad hutang dan jual beli tunai itu melibatkan pihak yang berlainan.

- Wakaf am** : Suatu wakaf yang diwujudkan bagi maksud kebajikan umum yang diharuskan oleh syarak.
- Wakaf *irsod*** : Penyerahan mana-mana harta sebagai wakaf oleh mana-mana pihak berkuasa negeri, Kerajaan Persekutuan atau mana-mana perbadanan, institusi, organisasi atau badan-badan lain menurut hukum syarak.
- Wakaf khas** : Suatu wakaf yang diwujudkan bagi maksud kebajikan khas yang diharuskan oleh syarak.
- Wakaf *muabbad*** : Wakaf yang bersifat kekal atau kekal selama-lamanya.
- Wakaf *musytarak*** : Gabungan beberapa jenis wakaf menjadi satu seperti wakaf yang diwujudkan menerusi gabungan antara wakaf *zurri* dan wakaf am/khas.
- Wakaf *zurri*** : Wakaf yang dikhususkan manfaatnya untuk kebajikan dan kepentingan ahli keluarga atau keturunan pewakaf sahaja seperti yang ditentukan oleh pewakaf.
- Waqif** : Pewakaf, iaitu orang yang mewakafkan sesuatu.



Penghargaan

Kajian ini ditaja oleh Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) (Kod Penyelidikan: FRGS/1 /2024/S\$103/USIM/02/8), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dan Geran Penyelidikan Transdisiplinari USIM (Kod Penyelidikan: PPPI/TRANSDISIPLINARI/FSU/USIM/18123) Universiti Sains Islam Malaysia.

Sekalung penghargaan kepada penyumbang artikel dalam buku ini:



Prof. To' Puan Dr. Nor Asiah binti Mohamad

Sarjana terkemuka di Kuliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim (AIKOL), UIAM, dalam bidang sains sosial dan perundangan. Beliau merupakan pakar dalam memperkasakan tadbir urus dan perundangan wakaf di Malaysia. Beliau juga aktif sebagai Timbalan Presiden International Waqf Action Council (iWAQF), menerajui inisiatif global dan penyelidikan berimpak tinggi untuk memartabatkan institusi wakaf.



Prof. Madya Dr. Muhamad Firdaus Ab. Rahman

Ahli akademik di Fakulti Syariah dan Undang-Undang, USIM, dan pakar rujuk dalam kewangan serta pengurusan kekayaan Islam (wakaf, zakat, wasiat, hibah, mirath). Penyelidikan rentas bidang beliau diterbitkan dalam jurnal berimpak tinggi, dan beliau telah menerima pelbagai anugerah inovasi, mengukuhkan reputasinya sebagai ilmuwan masa depan dalam ekonomi syariah.



Prof. Madya Dr. Hussein 'Azeemi Abdullah Thaidi

Sarjana di USIM dengan kepakaran mendalam dalam Fiqh Muamalat, Sains Sosial, dan Pengajian Halal. Beliau diiktiraf atas sumbangan ilmiah dan penyelidikan strategik mengenai instrumen kewangan Islam kontemporari. Sebagai ahli akademik prolifik, beliau komited memperkasakan ekosistem industri halal dan literasi kewangan syariah di Malaysia.



Dr. Azniza Hartini Azrai Azaimi Ambrose

Pensyarah Kanan di UIAM yang memiliki kepakaran unik mengintegrasikan sains matematik dengan kewangan Islam. Kajian PhD beliau memfokuskan impak pembiayaan wakaf terhadap perbelanjaan dan hutang negara. Kini, beliau menumpukan usaha ilmiah pada analisis ekonomi dan pendekatan kuantitatif untuk menilai keberkesanan instrumen wakaf secara strategik.



Dr. Izham Hakimi Redzan

Ilmuwan dalam disiplin Fiqh dan Usul Fiqh lulusan Universiti al-Qarawiyyin, Maghribi. Beliau yang kini pensyarah di AIKOL, UIAM, menggabungkan kekuatan ilmu wahyu dengan realiti perundangan semasa. Sebagai sarjana muda yang prolifik, beliau komited dalam analisis hukum kontemporari menerusi penyelidikan dan penulisan yang berimpak tinggi.



Dr. Ridzwan Bakar

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Waqaf Malaysia (YWM), dan pakar dalam bidang kewangan sosial Islam dengan pengalaman luas melebihi dua dekad. Beliau berkelulusan Doktor Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) dari pada UiTM. Kepakaran utama beliau tertumpu kepada pembangunan model ekonomi wakaf, tadbir urus kewangan sosial dan inovasi instrumen wakaf kontemporari.



Mohd Fazli Rosli

Pegawai di Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) dengan pengalaman luas dalam pengurusan dan pelaksanaan projek-projek wakaf strategik. Beliau merupakan pengamal industri yang kompeten dalam menterjemah dasar-dasar wakaf kepada impak nyata di lapangan, menggabungkan pemahaman teknikal dengan realiti pengoperasian institusi wakaf.



Nor Aizan Abdul Wahab

Mantan Pengarah di Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dengan lebih 30 tahun pengalaman dalam bidang percukaian. Beliau pernah mengendalikan proses kelulusan tabung wakaf di bawah sub Seksyen 44(11D) Akta Cukai Pendapatan 1967 dan mendrafkan pindaan garis panduan kelulusan wakaf yang terbaharu.



Naharriah Mohamed

Akauntan di Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dan ahli CIMA. Beliau berkelulusan Sarjana daripada UKM dan Sarjana Muda daripada UIAM. Beliau mengetuai sekretariat dan merupakan rujukan utama serta penulis utama dalam pembangunan Piawaian Perakaunan Islam bagi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (PPIBZW).



Siti Noorbani Hussain

Akauntan di Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) yang bertanggungjawab dalam penyediaan pelaporan kewangan Kerajaan Persekutuan. Beliau berkelulusan Sarjana daripada INCEIF dan Sarjana Muda daripada UIAM, serta merupakan ahli CIMA. Beliau terlibat secara langsung sebagai penulis Piawaian Perakaunan Islam bagi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (PPIBZW).



Fadliana Saman

Akauntan di Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) yang terlibat secara langsung dalam pembangunan dan penulisan PPIBZW. Beliau berkelulusan Sarjana Muda daripada UIAM dan Sarjana daripada USIM. Kini, beliau sedang melanjutkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah (PhD) di UIAM dalam bidang berkaitan pelaksanaan PPIBZW.



Azura Azreen Yusof

Pegawai Tadbir dan Diplomatik di Bahagian Wakaf, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). Graduan UPM dalam bidang Ekonomi dan Pembangunan Sumber Manusia ini mempunyai pengalaman luas dalam perancangan dasar strategik sektor awam dan pembangunan sosioekonomi, khususnya dalam sektor luar bandar, pertanian dan analisis ekonomi makro.



Hanif Jamaludin

Pegawai Tadbir dan Diplomatik di Bahagian Wakaf, Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR). Beliau merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Pengurusan daripada Universiti Malaya serta Sarjana Pengajian Islam daripada Open University Malaysia. Beliau berpengalaman dalam pengurusan organisasi dan perancangan dasar.



Nor Asmahan Abdul Kadir

Pegawai Hal Ehwal Islam di Bahagian Wakaf, Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR). Beliau merupakan graduan Universiti al-Azhar lil Banat, Mesir dalam bidang Pengajian Islam dan Bahasa Arab, serta pemegang Sarjana Syariah dari Universiti Malaya.

Sidang Penerbitan juga merakamkan penghargaan kepada peserta Bengkel Penyediaan Kertas Hukum Wakaf *Muaqqat*

Majlis Agama Islam Negeri

1. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)
 - i. Encik Muhammad Lutfi bin Takiuuddin
 - ii. Puan Ain Amirah binti Md Daud
2. Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM)
 - i. Encik Abdul Razak bin Abd Rahman
 - ii. Dr. Mohd Ridzuan bin Mohamad
 - iii. Wan Muhamad Khairullah Suhaimi bin Wan Azli
3. Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ)
 - i. Ustaz Mohd Firdaus bin Abdul Hamid
 - ii. Encik Mohd Siddik bin Maidin Kutih
 - iii. Ustaz Nur Asraf Bin Hashim
4. Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP)
 - i. Dr. Mohd Syakir bin Haji Mohd Taib
 - ii. Nor Amira binti Mohd Anour
 - iii. Nur Arina Syazwani binti Yusri
5. Tabung Baitulmal Sarawak (TBS)
 - i. Encik Muammar Gadaffi Bin Abdul Hadi

Institusi Pendidikan

1. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
 - i. YBhg. Prof. To' Puan Dr. Nor Asiah binti Mohamad
 - ii. Prof. Dr. Azila binti Ahmad Sarkawi
 - iii. Dr. Azniza Hartini binti Azrai Azaimi Ambrose
 - iv. Dr. Zati Ilham binti Abdul Manaf
 - v. Dr. Izhah Hakimi bin Redzan
2. Universiti Sains Islam Malaysia
 - i. Prof. Madya Dr. Hussein 'Azeemi bin Abdullah Thaidi

- ii. Prof. Madya Dr. Muhamad Firdaus bin Ab Rahman
3. Universiti Malaya
 - i. Puan Nur Amirah binti Mohamed Nasir
 - ii. Puan Nur Afiqah binti Rosi
4. Universiti Kebangsaan Malaysia
 - i. Puan Ifelda Nengsih

Jabatan/Agensi

1. Kementerian Kewangan
 - i. Encik Ezleezan bin Othman
2. Kementerian Ekonomi
 - i. Puan Noor Diana binti Mohd Jusoh
3. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
 - i. Puan Noorasnita binti Maktar
 - ii. Encik Salehin bin Sopian
 - iii. Encik Khairul Azman bin Azizan
 - iv. Encik Muhammad Fakhru Irfan bin Mohd Ismail
4. Jabatan Wakaf, Zakat & Haji (JAWHAR)
 - i. YBhg. Dato' Selamat bin Paigo
 - ii. YBrs. Tuan Hairolanuar bin Mohamad
 - iii. Encik Md Ramzi bin Ishak
 - iv. Puan Azura Azreen binti Yusof
 - v. Encik Fariz Ubaidullah bin Mahamud
 - vi. Encik Yus Mahadi bin Yusoff
 - vii. Encik Hanif bin Jamaludin
 - viii. Puan Nor Asmahan binti Abdul Kadir
 - ix. Puan Nur Haslindawati binti Hussain
 - x. Puan Noor Aieda binti Abu Bakar
 - xi. Puan Syalinda binti Johari
 - xii. Encik Ahmad Amryl bin Abd Malek
 - xiii. Encik Saiful Amar bin Hahzar
 - xiv. Puan Yusnizar binti Mohd Yusof

- xv. Cik Wan Nurul Fatimah binti Wan Mohd Sulaiman
 - xvi. Encik Nik Abdul Raqib bin Nik Abdul Hakim
 - xvii. Puan Fatin Nur Hidayah binti Azhar
5. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).
 - i. Puan Naharriah binti Mohamed
 - ii. Puan Natasha R.H binti Mohamad
 6. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC)
 - i. Dr. Azrul Azlan Iskandar Mirza
 - ii. Encik Faliq Asraf Jafri
 7. Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)
 - i. Puan Nor Aizan binti Abdul Wahab
 8. Yayasan Waqaf Malaysia (YWM)
 - i. Encik Abdul Halim bin Mat Yusop
 - ii. Puan Wan Syazana Akmal binti Wan Roslan
 - iii. Puan Khairunnisa binti Rassul
 - iv. Cik Haidatul Azia binti Husin
 - v. Encik Mohd Fazdli bin Rosli
 - vi. Encik Muhammad Muzzamil bin Mat Rodzi
 9. Permodalan Nasional Berhad (PNB)
 - i. Dr. Ahmad Basri bin Ibrahim
 10. Bank Islam
 - i. Encik Mohd Nazri Chik
 - ii. Encik Mohd Hafiz bin Yusof